PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

HARI RABU : 18 JUN 2014

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 7 HINGGA 166)

SOALAN NO.3 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.116 DAN NO.134
SOALAN NO.5 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.70 DAN NO.100.

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

SOALAN NO: 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. KO CHUNG SEN

TARIKH: 18 JUN 2014

SOALAN:

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

(a) bilangan pekerja tempatan dan asing, yang telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan Perintah Gaji Minimum yang baru diperkenalkan tahun ini; dan

(b) bilangan syarikat yang masih belum mematuhi peraturan ini dan bagaimanakah cara Kementerian menguatkuasakan polisi ini dan apakah penalti yang dikenakan kepada majikan yang tidak patuh kepada perintah ini.

PR-1322-L62523

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, polisi gaji minimum terpakai kepada semua pekerja di negara ini sama ada mereka pekerja warganegara atau pekerja asing kecuali perkhidmatan domestik. Berdasarkan perangkaan yang ada dianggarkan seramai 3.4 juta

pekerja warganegara dan pekerja asing mendapat manfaat daripada polisi gaji minimum.

2. Setakat 30 April 2014 jumlah pemeriksaan berkanun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) adalah sebanyak 11,123 dan daripada jumlah tersebut didapati 250 (2%) majikan didapati tidak melaksanakan gaji minimum dan tindakan notis pematuhan telah dikeluarkan.

3. Di samping itu, jumlah tuntutan kes buruh berkaitan gaji minimum yang difailkan adalah sebanyak 342 kes dan daripada jumlah tersebut sebanyak 88 (26%) telah selesai dibicarakan di Mahkamah Buruh dan 257 (74%) masih dalam tindakan pegawai. Jumlah amaun tuntutan yang telah selesai adalah RM38,300.00 daripada RM5,010,358.51 yang difailkan.

5. Sekiranya majikan didapati engkar, penalti yang dikenakan kepada majikan yang melakukan kesalahan pertama, denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap pekerja dan Mahkamah boleh mengarahkan majikan membayar perbezaan antara kadar gaji minimum dengan gaji pokok dan bayaran lain. Manakala, bagi kesalahan berterusan, denda harian tidak melebihi RM1000 bagi setiap kesalahan berterusan selepas sabitan. Bagi kesalahan berulang, denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 50% amaun maksimum bagi setiap kesalahan boleh dikenakan kepada majikan

NO SOALAN :9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN (PARIT)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.06.2014**

Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah bantuan BR1M ini masih sesuai dilaksanakan pada jangka panjang dan adakah Kerajaan telah memikirkan cara lain yang lebih baik lagi bagi membantu rakyat yang benar-benar memerlukan bantuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan akan meneruskan inisiatif Bantuan Rakyat

1Malaysia (BR1M) bagi membantu meringankan sebahagian beban hidup rakyat yang berpendapatan rendah dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup. Kerajaan juga akan meneliti dan membuat penambahbaikan ke atas program BR1M supaya objektif Kerajaan ke arah peralihan subsidi bersasar tercapai. Pelaksanaan Program BR1M ini juga perlu mengambil kira keupayaan kedudukan kewangan Negara dan pengukuhan dasar fiskal kerajaan.

Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat, dan antara program yang telah dilaksanakan sebelum ini adalah seperti berikut:

i. Penerusan subsidi barangan keperluan asas seperti beras, tepung, minyak masak dan gas memasak LPG.
ii. Pemberian Bantuan Persekolahan, RM100 kepada pelajar sekolah;
iii. Pemberian Baucar Buku 1Malaysia RM250;
iv. Kemudahan Klinik 1Malaysia dan Kedai Rakyat 1Malaysia;
v. Pengurangan kadar cukai pendapatan individu sebanyak 1%. Seperti contoh, golongan profesional muda yang belum berkahwin dengan

pendapatan bulanan RM5,000, akan menikmati penjimatan cukai pendapatan sehingga RM425;

vi. Subsidi Ron 95 dan diesel;

vii. Subsidi nelayan dan penanam padi;

viii. Subsidi Yuran Pengajian Tinggi.

Tambahan pula, Kerajaan turut memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan sumber kewangan/pinjaman bagi melibatkan diri dalam industri kecil-kecilan dan keusahawanan. Terdapat banyak sumber untuk mendapatkan pembiayaan tersebut seperti AIM, TEKUN, MARA, dana PKS serta mikro kredit yang ditawarkan dengan bantuan subsidi kadar faedah oleh Kerajaan.

Bagi meningkatkan pendapatan rakyat, antara usaha lain yang utama diterajui oleh kerajaan ialah melalui peluang:

i. Pendidikan

ii. Kemahiran

iii. Pelajaran

iv. Perniagaan

v. Pertanian

SOALAN NO:10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan penjawat awam yang didapati dalam perhimpunan membantah Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 1.5.2014 dan apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka. Statistik penjawat awam dibuang kerja sejak tahun 2010 mengikut tahun, bangsa dan nama agensi.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun terdapat dakwaan di media yang mendakwa wujud penglibatan penjawat awam dalam perhimpunan membantah, Cukai Barang dan Perkhidmatan pada 1 Mei 2014, namun sehingga kini tiada pihak yang tampil membuat laporan rasmi kepada pihak Ketua Jabatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang boleh membuktikan bahawa penjawat awam benar-benar terlibat dalam perhimpunan tersebut. Laporan ini penting bagi memastikan sebarang prosiding tatatertib yang akan dimulakan adalah berdasarkan fakta yang tepat dan dapat dibuktikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu ini sentiasa dipantau oleh Ketua Jabatan bagi memastikan pegawai di bawah seliaan masing-masing mematuhi peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Ini selaras dengan surat edaran JPA bilangan JPA (JPA(S)TT.71/140/(48) bertarikh 30 Jun 2011 dan bilangan JPA(S)TT.71/140/(36) bertarikh 13 Ogos 2009 bertajuk Larangan Penglibatan Pegawai Perkhidmatan Awam Dalam Perhimpunan Haram Atau Gerakan Yang Mengancam Keselamatan Negara yang dikeluarkan sebagai **peringatan dan langkah pencegahan awal.**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2010 hingga 2013, jumlah penjawat awam yang dibuang kerja adalah seramai **4,244 orang** melibatkan kesalahan pelanggaran tatakelakuan, tidak hadir bertugas, kes-kes mahkamah, kesalahan dadah dan **bukan disebabkan kesalahan menghadiri sebarang perhimpunan haram**. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,892 (91.7%) orang berbangsa Melayu, 39 (1%) orang berbangsa Cina, 164 (3.8%) orang berbangsa India dan 149 (3.5%) orang lagi terdiri dari pelbagai bangsa berlainan.

Lima (5) buah agensi tertinggi yang terlibat dalam tempoh berkenaan adalah:

(i) Kementerian Kesihatan Malaysia;
(ii) Kementerian Dalam Negeri;
(iii) Kementerian Pelajaran Malaysia;
(iv) Polis DiRaja Malaysia; dan
(v) Jabatan Perdana Menteri

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO :11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 18 JUN 2014
SOALAN :

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah bentuk dan hasil kajian mengenai kanser yang sudah dilakukan di negara ini. Dan apakah negara mempunyai cukup pakar kanser dan tenaga kerja sokongan untuk unit kanser terutamanya di Pantai Timur dan Malaysia Timur memandangkan terdapat 38,000 kes kanser pada tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian terhadap penyakit kanser di Malaysia telah bermula sejak tahun 1970an dan perlu terus dipertingkatkan setanding dengan negara-negara maju. Hasil kajian setakat ini telah memberi lebih kefahaman dan pengurusan yang lebih baik terhadap pesakit berkenaan. Fokus utama kajian adalah kepada kanser yang kerap terjadi, unik kepada komuniti kita dan memaparkan masalah-masalah klinikal yang spesifik. Jenis-jenis

kanser utama ditemui di negara ialah kanser payu dara, kolorektal, paru-paru, nasofarinks dan leukemia dan pelbagai kajian secara komprehensif telah dijalankan.

Skop kajian kanser yang dijalankan terdiri daripada tujuh kumpulan utama iaitu epidemiologi, pencegahan, diagnosis, perawatan, rehabilasi, jagaan paliatif dan perubatan herba. Kumpulan-kumpulan berkenaan ditubuhkan bagi formulasi strategi-strategi dan pendekatan bagi mengintegerasikan penyelidikan kanser dalam bidang-bidang tersebut yang mana sebahagian penemuan kajian telah pun digunapakai dalam mengubah polisi rawatan kanser berkenaan.

Kerajaan telah dan akan sentiasa memberikan komitmen yang berterusan terhadap kajian penyakit kanser dimana peruntukan geran-geran penyelidikan disediakan. Kementerian Kesihatan Malaysia pula, telah meluluskan 'Rangka Pelan Tindakan Kebangsaan Bagi Kawalan Penyakit Kanser di Malaysia dan Cadangan Keperluan Peruntukan Bagi Aktiviti Rawatan dan Penyelidikan Kanser' pada tahun 2008. Antara aktiviti penting dalam Pelan berkenaan adalah pelaksanaan penyelidikan yang komprehensif adalah pengukuhan perkhidmatan ujian diagnostik bagi mengesan kanser lebih awal dan juga mengetahui prognosa penyakit tersebut bagi mempertingkatkan lagi tahap rawatan pesakit berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30April 2014, terdapat seramai 19 orang Pegawai Perubatan Pakar dalam bidang Radioterapi dan Onkologi sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Manakala, sehingga 30 April 2014, terdapat seramai 563 tenaga kerja sokongan sedang berkhidmat di Institut Kanser Negara.

Soalan No: 12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN]

TARIKH : 18.6.2014

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berat beg sekolah pelajar sekolah Darjah Satu dengan semua buku yang diperlukan bagi mata pelajaran sehari dan sekiranya Kementerian bercadang untuk memasang 'loker' di setiap sekolah untuk membantu murid-murid ini, dan jika tidak mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak tiga (3) kajian yang berkaitan telah dibuat pada tahun 2000, 2008 dan 2010. Dapatan daripada semua kajian menunjukkan bahawa peratus berat buku teks sahaja adalah di antara 3.21% hingga 7.60% berbanding berat badan murid. Peratus ini di bawah 15% iaitu % berat paling maksimum yang dicadangkan oleh pertubuhan antarabangsa. Walau bagaimanapun, berat beg yang berlebihan adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain selain buku teks.

Berkenaan cadangan untuk memasang *locker* di setiap sekolah, peralatan dan perabot sekolah termasuk memasang *locker* akan dibuat bersekali dengan perancangan pembinaan bangunan sekolah, sekiranya terdapat keperluan. Walau bagaimanapun pemasangan *locker* di sekolah sedia ada bergantung kepada kesesuaian dan diuruskan berasingan oleh sekolah masing-masing dan inisiatif Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) ataupun Lembaga Pengurus Sekolah (LPS).

Rjm103

NO. SOALAN: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	

YB Dato' Sri Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membina hospital besar Kerajaan dengan kemudahan yang lengkap di kawasan Baling seperti di Alor Setar.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Baling sedia ada merupakan hospital tanpa pakar yang mula beroperasi pada tahun 1996 menggantikan hospital lama dengan kapasiti katil sebanyak 160 buah. Purata kadar penggunaan katil (BOR) pada tahun 2011 – 2013 adalah agak rendah iaitu sekitar 40%.

Namun begitu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Hospital Baling daripada hospital tanpa pakar kepada hospital berpakar minor bagi menyediakan perkhidmatan

kepakaran asas kepada penduduk tempatan. Permohonan naiktaraf ini akan dikemukakan dalam RMK-11. Dengan adanya perkhidmatan kepakaran di hospital ini kelak akan dapat mengurangkan kadar rujukan ke hospital-hospital seperti Hospital Kulim danj uga Hospital Alor Setar. Secara tidak langsung ia juga diharapkan dapat meningkatkankadarpenggunaankatil (BOR) hospital ini.

Walau bagaimanapun, naik taraf ini adalah tidakakan setara dengan Hospital Alor Setar yang merupakan Hospital Negeri dan merupakan pusat rujukan pesakit dar iseluruh negeri Kedah.

Soalan No :14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

TARIKH : 18.6.2014

SOALAN :

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan syarat-syarat dan statistik pelajar-pelajar yang telah diterima masuk ke program Matrikulasi Kementerian Pendidikan dari tahun 2010 ke 2014. Sila nyatakan statistik dari segi pecahan kaum dan jantina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap tahun terdapat peningkatan pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Justeru, wujud persaingan yang sangat tinggi dalam kalangan pelajar cemerlang ke Program Matrikulasi. Untuk makluman ahli yang berhormat, sejak tahun 2010 hingga 2014 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menawarkan sebanyak 28,000 tempat telah disediakan dengan agihan 90% diperuntukkan kepada pelajar Bumiputera dan 10% kepada pelajar Bukan Bumiputera. Pelajar-pelajar ini akan mengikuti dua (2) jurusan iaitu Jurusan Sains dan Jurusan Perakaunan.

Pemilihan pelajar ke Program Matrikulasi adalah berdasarkan kriteria-kriteria tertentu seperti berikut:

a) Hanya calon yang memohon dan melepasi syarat kelayakan minimum layak dipertimbangkan ke Program Matrikulasi;

b) Pemilihan pelajar adalah mengikut sistem meritokrasi iaitu gabungan 90% akademik dan 10% kokurikulum [akademik – hanya empat (4) mata pelajaran sahaja dikira dan kokurikulum – purata markah dari tingkatan satu (1) hingga tingkatan lima (5)];

c) Jumlah pengambilan mengikut kepada 90% diperuntukkan kepada pelajar Bumiputera dan 10% kepada pelajar Bukan Bumiputera;

d) Program Matrikulasi menawarkan dua jurusan iaitu Jurusan Sains dan Jurusan Perakaunan;

e) Pengambilan HANYA dibuat sebanyak dua kali sahaja. Sekiranya jumlah pelajar yang mendaftar pada ambilan pertama kurang MAKA tawaran kedua dibuat berdasarkan kekosongan tempat dan jurusan untuk mencukupkan tempat yang tersedia;

f) Tiada ambilan ketiga dibuat; dan

g) Semua pelajar akan ditempatkan secara merata berdasarkan keseimbangan kaum dan negeri di semua kolej matrikulasi atas konsep Gagasan 1Malaysia.

Rjm98

SOALAN NO. 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU (TUARAN)

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Datuk Madius Tangau (Tuaran) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan menyatakan perkembangan terkini tentang pemberian program 1AZAM bagi kawasan Tuaran.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pihak kerajaan amat prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh rakyat khususnya golongan miskin dan berpendapatan rendah. Dalam hal ini, Program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara: Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus dipergiat untuk membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan. Program 1AZAM melibatkan kerjasama antara KPWKM bersama-sama agensi-agensi kerajaan yang lain menerusi AZAM Niaga, AZAM Khidmat, AZAM Tani dan AZAM Kerja. Program 1AZAM yang bermula dari tahun 2010 telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 140,976 orang hingga 31 Januari 2014.

Tuan Yang Dipertua,

Pelaksanaan Program 1AZAM di negeri Sabah diterajui oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah bersama agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Sabah. Justeru, permohonan Program

1AZAM di negeri Sabah termasuk Tuaran boleh dikemukakan kepada pejabat daerah dan agensi kerajaan yang telah dikenal pasti mengikut bidang yang diperlukan.

Bagi program AZAM Niaga dan AZAM Khidmat KPWKM hingga Disember 2013, sejumlah 100 orang peserta di Parlimen Tuaran telah mendapat manfaat. Dalam hal ini, 33 orang peserta telah menghadiri Kursus Literasi Kewangan pada 21 Julai 2013 dan dijangka akan menerima bantuan peralatan 1AZAM pada bulan November 2014.

NO. SOALAN : 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]

TARIKH : 18 JUN 2014

RUJUKAN : 6900

SOALAN:

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah pengambilan wanita asing sebagai GRO dan tukang urut. Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengeluarkan kuota dan permit untuk pekerjaan tersebut memandangkan terdapat banyak kes melibatkan kedua-dua bidang ini. Ia juga berkaitan dengan pemerdagangan manusia yang semakin serius di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar semasa membenarkan pengambilan pekerja asing bagi sub sektor perkhidmatan spa dan sub sektor perkhidmatan refleksologi yang mana Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan adalah Agensi Kawal Selia bagi kedua-dua sub sektor perkhidmatan tersebut. Bagaimanapun, pengambilan pekerja asing bagi selain sub sektor tersebut seperti GRO dan tukang urut adalah tidak dibenarkan. Justeru itu, mana-mana wanita asing yang bekerja sebagai GRO dan tukang urut adalah bekerja secara tidak sah dan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Imigresen 1959/1963 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Pada masa ini, Kerajaan masih tidak bercadang untuk membenarkan pengambilan pekerja asing sebagai GRO dan tukang urut. Bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk membenarkan pekerja asing bekerja sebagai GRO dan tukang urut adalah sewajarnya perkara ini dibincangkan dan diputuskan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) yang bertanggungjawab untuk menilai dan memutuskan dasar-dasar berkenaan pekerja asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia.

Mengenai langkah yang dilaksanakan untuk mengatasi masalah pengambilan wanita asing sebagai GRO dan tukang urut, Kerajaan telah mengambil inisiatif seperti mana berikut:

(i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir GRO dan tukang urut yang bekerja secara tidak sah di Malaysia dan melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 dan Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran 2007. Operasi ini dilaksanakan secara bersepadu oleh Jabatan Imigresen Malaysia bersama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta agensi lain;

(ii) membuat naziran ke premis-premis hiburan yang terdapat warganegara asing, seperti kawasan luar bandar, kawasan bandar dan premis majikan yang menggaji pekerja asing serta institusi yang mengambil pelajar antarabangsa;

(iii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;

(iv) mengadakan *engagement* dengan penduduk setempat dan ketua masyarakat dalam perkongsian maklumat mengenai keberadaan GRO dan tukang urut di kawasan setempat; dan

(v) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).

NO. SOALAN : 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM]**
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	:	**18 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan masalah gangguan bekalan air atau pencatuan air yang telah berlaku di Negeri Selangor tidak berulang lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Keadaan bekalan air yang meruncing yang telah dihadapi di Selangor pada awal tahun ini adalah berpunca daripada kekurangan sumber air mentah berikutan cuaca panas dan kering yang melanda negara pada masa itu. Kekurangan sumber air ini mengakibatkan beberapa loji rawatan air terpaksa mengurangkan pengeluaran air terawat dan seterusnya menjejaskan bekalan air kepada pengguna. Kawasan yang paling teruk terjejas adalah kawasan-kawasan yang mendapat bekalan air dari loji-loji rawatan air di sepanjang Sungai Selangor yang membekalkan air terawat kepada 60 peratus penduduk di Selangor dan Kuala Lumpur.

2. Kerajaan Persekutuan sejak beberapa tahun lepas telah menjangkakan bahawa krisis air akan berlaku pada tahun 2014 sekiranya tiada tindakan diambil bagi memenuhi permintaan bekalan air yang semakin meningkat di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Atas dasar inilah, Kerajaan Persekutuan melaksanakan Skim Bekalan Air dari Pahang ke Selangor yang dapat menjamin bekalan air sehingga tahun 2025. Walaupun terowong bagi menyalurkan air mentah dari Pahang dapat

disiapkan pada tahun ini, skim tersebut tidak dapat dimanfaatkan pada masa ini berikutan Kerajaan Negeri Selangor baru sahaja memberikan kelulusan Kebenaran Merancang pada 26 Februari 2014, bagi membina Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) yang merupakan sebahagian daripada skim tersebut. Dengan siapnya LRAL2 pada bulan April 2017, kapasiti bekalan air di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya akan dapat ditingkatkan sebanyak 1,130 juta liter sehari (JLH) dan dapat mengurangkan kebergantungan terhadap sumber air mentah dari Sungai Selangor dengan adanya sumber air mentah baharu dari negeri Pahang.

3. Sementara menunggu projek LRAL2 disiapkan, Kerajaan Persekutuan sedang melaksanakan projek-projek mitigasi bagi mengurangkan impak ketidakcukupan bekalan air kepada pengguna. Selain itu, saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor juga sedang mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan simpanan air mentah terutamanya bagi menghadapi cuaca panas yang dijangka berlaku bermula pada bulan Jun hingga September.

****

Soalan No : 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]

TARIKH : 18.6.2014

SOALAN :

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bentuk-bentuk bantuan persekolahan kepada murid miskin di sekolah-sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat prihatin dalam memastikan semua murid dapat menjalani proses pembelajaran yang sempurna. Pada masa kini, KPM telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan persekolahan kepada murid miskin seperti bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Program Susu 1Malaysia (PS1M), Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Beruniform (BPS), Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) dan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPU).

Rjm101

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR**
KAWASAN	:	**SILAM**
TARIKH	:	**18.6.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**19**

YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pandangan Kerajaan terhadap masa depan industri tempatan terutama dalam bidang keberhasilan negara, sekiranya Malaysia menyertai perjanjian Trans-Pacific Partnership Agreement. Apakah manfaat dan keuntungan negara daripada perjanjian ini.

Jawapan

Tuan Yang DiPertua,

Dalam apa-apa rundingan di antara dua pihak atau lebih dari dua pihak, akan terdapat cabaran dan peluang, rundingan bukannya *a zero sum game*, dengan izin. Begitu juga dengan rundingan perjanjian perdagangan bebas termasuk TPPA. TPPA mungkin mendatangkan cabaran kepada industri tempatan akan tetapi kita perlu melihat dari sudut positif mengenai kebaikan kepada industri tempatan. Ini termasuk peluang yang boleh diraih oleh industri tempatan dalam rantaian bekalan di mana industri tempatan berpeluang untuk membekalkan bahan asas atau input kepada industri multinasional atau industri tempatan yang lain yang mengeluarkan produk-produk siap. Dalam pada itu industri tempatan ini juga boleh mendapat akses pasaran yang lebih baik untuk mengembangkan eksport dan menembusi pasaran negara yang masih tidak mempunyai FTA dengan Malaysia iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Peru dan Mexico dengan pemudah cara perniagaan.

Kerajaan juga telah mengambil keputusan yang tegas dalam menangani kebimbangan industri tempatan dalam semua bidang rundingan yang dijalankan. Antara kebimbangan tersebut mengenai persaingan telah diambil kira dan ditangani melalui tempoh peralihan yang lebih panjang semasa proses liberalisasi. Beberapa langkah lain seperti carve-out sedang dirundingkan. Selain itu, dari segi persaingan dalam Perolehan Kerajaan, ia juga ditangani dalam bentuk mengasingkan perolehan kerajaan dengan menetapkan threshold yang lebih tinggi. Kerajaan

sedar akan kebimbangan mengenai kedudukan industri tempatan yang bakal menghadapi persaingan yang sengit daripada syarikat antarabangsa. Kesemua kebimbangan ini masih dirundingkan oleh perunding Malaysia.

Tuan Yang DiPertua,

TPPA juga boleh membuka peluang pelaburan melalui liberalisasi, fasilitasi, dan perlindungan pelabur di antara negara-negara yang menyertai perjanjian ini. Terma di dalam bab ini bukan hanya untuk melindungi pelabur luar yang melabur di Malaysia tetapi turut memberi jaminan dan perlindungan kepada pelabur Malaysia yang melabur di luar negara.

Selain itu, faedah menyertai perjanjian TPPA ini boleh dilihat dari aspek kerjasama antara Malaysia dan negara ahli. FTA dapat membantu bina upaya melalui kerjasama ekonomi dan teknikal. Sekiranya Malaysia tidak menyertai TPP, kredibiliti Malaysia sebagai negara perdagangan yang terbuka dan maju akan terjejas.Dari segi akses pasaran barangan, produk-produk Malaysia akan kehilangan daya saing berbanding produk-produk dari negara TPP memandangkan produk-produk tersebut tidak dapat menikmati layanan keutamaan tarif. Dalam pada itu, bagi eksport ke Kanada mungkin akan terjejas memandangkan Kanada akan menamatkan skim GSP bagi produk-produk Malaysia bermula pada 1 Januari 2015. Dengan menyertai TPPA dan apabila ianya dilaksanakan kelak, akses pasaran bagi produk-produk Malaysia ke Kanada akan terus dapat menikmati layanan keutamaan iaitu tanpa duti import atau

duti import yang lebih rendah sebagaimana yang sedang dirundingkan di dalam TPPA.

Pasaran TPP di jangka bertambah besar dengan penyertaan beberapa negara anggota APEC lain yang telah menunjukkan minat untuk menyertai TPP seperti Chinese Taipei, Filipina dan Korea Selatan. Pengecualian Malaysia daripada TPP akan menyebabkan Malaysia ketinggalan dalam rantaian bekalan serantau (*regional supply chain*) pada masa akan datang. TPP juga dilihat sebagai satu platform untuk merangka peraturan perdagangan dan pelaburan alaf baru dan Malaysia tidak akan mendapat kelebihan sebagai '*first-mover*' untuk merangka peraturan-peraturan perdagangan dan pelaburan di dalam perjanjian tersebut sekiranya tidak menyertai TPP.

Ingin saya tegaskan bahawa objektif Kerajaan dalam rundingan TPPA adalah amat jelas iaitu kepentingan negara mesti dipertahankan, kita tidak terdesak untuk menyertai rundingan ini dan Malaysia hanya berunding dengan terma-terma yang boleh di terima pakai negara.

Oleh yang demikian, adalah penting untuk Malaysia menyertai rundingan supaya kita dapat menetapkan perkara-perkara yang kita ingin ketengahkan dan kita dapat menyuarakan perkara-perkara yang menjadi kebimbangan kita dan ingin kita lindungkan.

NO SOALAN :20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.06.2014**

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada syor menutup MAS adalah pelan pemulihan kewangan MAS yang kerugian RM4.1 bilion sejak 3 tahun lalu. Berikan butiran kerugian sepanjang ini, kesan negatif penutupan MAS kepada pekerja, pemilik saham serta kerugian yang akan ditanggung oleh Kerajaan dari aspek geran dan jaminan kewangan yang diberikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airline System Bhd (MAS) kembali mencatatkan kerugian pada tahun 2011 dengan kerugian bersih sebanyak RM2.52 bilion disebabkan kelembapan pasaran industri penerbangan global terutamanya bagi perkhidmatan kargo dan juga peningkatan kos operasi merangkumi kos bahan api dan kos bukan bahan api seperti peruntukan pemulangan pesawat, peruntukan susut nilai pesawat kargo dan peruntukan stok usang.Melalui pelaksanaan langkah-langkah strategik di bawah pelan perniagaannya yang komprehensif, MAS telah berjaya memulihkan prestasi kewangan syarikat dengan mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM431 juta pada tahun 2012 berbanding RM2.52 bilion pada tahun sebelumnya. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, MAS telah mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 10% kepada RM15.1 bilion berbanding RM13.8 bilion pada tahun 2012 berikutan peningkatan jumlah trafik penumpang. Walau bagaimanapun, MAS masih mencatatkan kerugian selepas cukai sebanyak RM1.174 bilion. Kerugian ini disebabkan peningkatan kos bahan api, kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding US Dolar (*Forex Loss*) dan kos pemulangan pesawat.

Untuk tempoh suku pertama tahun 2014, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM443 juta berbanding kerugian RM279 juta pada tahun 2013. Lebihan kapasiti pasaran menyebabkan tekanan kepada struktur kadar tambang dan mengurangkan hasil syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membincangkan isu kerugian MAS dan telah memutuskan supaya pihak Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) segera menjalankan kajian *due diligence* untuk mengenal pasti punca-punca kerugian MAS dan opsyen-opsyen penyelesaian terbaik.

Susulan itu, Khazanah selaku pemegang saham terbesar MAS telahpun memulakan kajian berkaitan prestasi masa lampau dan prestasi semasa syarikat penerbangan tersebut. Kajian ke atas MAS masih dilaksanakan dan hasil kajian berkenaan akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Khazanah sebaik sahaja ia dimuktamadkan bagi membolehkan hala tuju MAS ditentukan. Sebarang keputusan yang dibuat berhubung hala tuju MAS akan turut mengambilkira implikasi kepada pihak-pihak

berkepentingan (stakeholders) seperti pekerja, pemilik saham dan Kerajaan. Buat masa ini, kebarangkalian MAS ditutup tidak timbul kerana hala tuju MAS masih belum diputuskan dan implikasi kewangan kepada Kerajaan adalah berdasarkan keputusan yang akan ditentukan kelak.

NO SOALAN :21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD** **(KUALA KANGSAR)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.06.2014**

Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam menyemarakkan ekonomi kreatif dan nilai ekonomi yang dapat dijana dari ekonomi kreatif dan apakah kategori utama yang diunjurkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Industri kreatif yang merupakan salah satu komponen dalam Sektor

Perkhidmatan memainkan peranan penting dalam menjana nilai ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Industri kreatif juga telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang ekonomi utama (NKEA) *Communications Content and Infrastructure* dengan izin di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Kategori utama industri kreatif yang telah dikenal pasti untuk dimajukan dibawah ETP adalah:

i. Perfileman;
ii. Dokumentari;
iii. *Mini-series* dengan izin;
iv. Animasi; dan
v. Muzik;

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat,

2. Beberapa langkah spesifik bagi membangunkan industri tersebut telah diumumkan dalam Bajet 2010 dan Bajet 2011.

Langkah dalam Bajet 2010 antaranya:

i. Penggubalan Dasar Kreatif Nasional yang komprehensif sebagai asas pembangunan industri kreatif negara;

ii. Penyediaan Dana Industri Kreatif berjumlah RM200 juta bagi membiayai aktiviti seperti pengeluaran filem dan drama, muzik, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan tempatan; dan

iii. Penubuhan Tabung Kebajikan Penggiat Seni dengan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi memastikan kebajikan warga seni sentiasa terbela dan diberi perhatian.

Bajet 2011 pula menyediakan peruntukan RM200 juta untuk perolehan hasil kreatif seperti filem, drama dan dokumentari keluaran tempatan yang berkualiti tinggi.

3. Selain daripada langkah yang telah dinyatakan, Kerajaan juga telah memperkenalkan satu insentif khas di bidang perfileman iaitu Film in Malaysia Incentive (FIMI) dengan izin pada Februari 2013. FIMI adalah insentif kewangan yang memberikan rebat tunai sebanyak 30% ke atas

perbelanjaan produksi yang mematuhi syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan. Insentif ini bertujuan antara lain untuk:

i. Menggalakkan syarikat filem tempatan menghasilkan kandungan kreatif (*creative content)* yang bermutu tinggi untuk pasaran tempatan atau luar negara;
ii. Meningkatkan peluang pekerjaan artis dan krew tempatan; dan
iii. Membangunkan Malaysia sebagai hab industri kandungan kreatif yang efisien dan efektif

4. Dari aspek pembangunan fizikal pula, industri kreatif merupakan salah satu daripada sembilan kluster ekonomi yang sedang dibangunkan di Iskandar Malaysia. Pembangunan kluster ekonomi ini antara lain telah diterajui oleh pewujudan Pinewood Iskandar Malaysia Studios (PIMS) yang telah menawarkan pelbagai kemudahan studio produksi media bersepadu dan bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dari segi nilai ekonomi di bawah ETP, Kerajaan mensasarkan NKEA *Communications Content and Infrastructure* dengan izin akan menyumbang RM57.7 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar dan mewujudkan 43,162 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. Dari segi pencapaian terkini, aktiviti kandungan kreatif yang mana prestasinya diukur melalui hasil eksport, ianya telah berjaya menjana RM565 juta pada tahun 2013, termasuk RM109 juta dari sektor animasi dan RM336 juta dari sektor filem, televisyen dan *visual effect* dengan izin. Pada tahun 2014, hasil eksport kandungan kreatif dijangka meningkat lagi mencecah RM600 juta. Berikutan pencapaian yang menggalakkan ini, pendapatan yang dijana daripada industri kreatif secara keseluruhannya telah meningkat kepada RM15 bilion pada tahun 2013, termasuk RM1.27 bilion dari sektor filem, televisyen, animasi dan muzik serta RM12.72 bilion dijana dari sektor pengiklanan dan percetakan. Pencapaian keseluruhan industri kreatif pada tahun 2013 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 18% berbanding jumlah pendapatan sebanyak RM12.7 bilion pada tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada pencapaian dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan, saya yakin masa depan industri kreatif adalah cerah termasuk dalam menjana nilai ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan.

SOALAN NO:22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
[ALOR SETAR]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah rumah PR1MA yang akan dibina di Alor Setar dan Kedah, daerah-daerah yang dikenalpasti untuk pembangunan, dan juga garis masa untuk menyiapkan projek-projek perumahan PR1MA tersebut.

JAWAPAN: YB DATO'SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang diketahui umum, YAB Perdana Menteri telah menyempurnakan Majlis Pelancaran PR1MA Peringkat Negeri Kedah bertempat di Sungai Petani, Kedah pada 1 Mac 2014 di mana sebanyak 20,000 unit rumah dirancang untuk dibina di negeri Kedah. Sebanyak 12 daerah akan merasai manfaat pembangunan PR1MA iaitu di daerah Sik, Kubang Pasu, Kuala Muda, Kulim, Langkawi, Pendang, Kota Setar, Baling, Padang Terap, Bandar Baharu, Pokok Sena dan Yan. Bilangan rumah-rumah yang akan dibangunkan di setiap daerah adalah bergantung kepada keperluan dan permintaan terutama sekali faktor kesesuaian tanah dan lokasi. Selain itu, harga rumah PR1MA ditetapkan dengan mengambil kira faktor kemampuan golongan sasaran bagi kawasan setempat yang ingin dibangunkan. Secara amnya, proses pembinaan bagi kediaman jenis strata mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan manakala kediaman jenis bertanah pula mengambil masa selama dua tahun.

Sekian. Terima kasih.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB. Datuk Madius Tangau** **[Tuaran]**
TARIKH	:	**18.06.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**23**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah kesemua jalan luar bandar di kawasan Parlimen Tuaran terutama sekali jalan yang menuju ke sekolah siap diturap sepenuhnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sehingga kini, Kementerian ini di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB) telah menyiapkan sebanyak tujuh (7) buah projek di kawasan Parlimen Tuaran sepanjang 67.01km dan lima (5) buah jambatan. Manakala sebanyak empat (4) buah projek sepanjang 39.5km masih dalam peringkat pembinaan.

Kesinambungan Program JALB ini akan diteruskan pelaksanaannya sehingga sasaran semua jalan berturap dicapai bergantung kepada kelulusan dan keupayaan kewangan semasa Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' TAKIYUDDIN HASSAN**
KAWASAN	:	**KOTA BHARU**
TARIKH	:	**18.6.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**24**

Y.B. DATO' TAKIYUDDIN HASSAN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah sambutan rakyat Malaysia terhadap kereta Hybrid Unit Terurai Untuk Dipasang (CKD) yang dipasang di negara ini.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, Honda Malaysia merupakan satu-satunya syarikat pengeluar kenderaan yang telah menjalankan aktiviti pemasangan CKD kereta hibrid di Malaysia iaitu bagi model Jazz Hybrid yang telah bermula pada November 2012.

Berikutan itu, Honda telah berjaya meningkatkan jualan model ini daripada 2,508 unit pada tahun 2012 yang mana kesemuanya merupakan CBU kepada 3,591 unit pada tahun 2013, meliputi 2,743 unit CKD. Bagi tempoh empat bulan pertama tahun ini, jualan Jazz Hybrid telah mencecah 2,282 unit, di mana 2,235 unit adalah CKD.

SOALAN (25)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

DARIPADA : Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH [MUKAH]

SOALAN :-

Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH [MUKAH] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa unit Perumahan Rakyat telah diperuntukan di Parlimen Mukah pada Tahun 2012 dan 2013. Berapa peratus telah selesai di dirikan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada projek PPR dilaksanakan bagi Parlimen Mukah. Ini adalah kerana tumpuan pelaksanaan projek PPR adalah di bandar-bandar besar seperti Kuching, Bintulu dan Seduan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan PPR akan dipertimbangkan jika terdapat keperluan untuk melaksanakan PPR di Mukah dan pihak Kerajaan Negeri boleh mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-

i) Tanah milik Kerajaan atau sekiranya tiada Kerajaan Negeri boleh mencadangkan tapak bersesuaian di tanah milik.

ii) Tapak yang dicadangkan mempunyai kemudahan awam dan asas sedia ada seperti jalan raya, kemudahan utiliti, sekolah dan sebagainya yang bersesuaian.

iii) Tapak yang akan dibangunkan tidak bermasalah dan tidak melibatkan kos penyediaan tapak yang tinggi seperti tapak berpaya, berbukit dan sebagainya.

iv) Tapak yang disediakan berada di lokasi bandar atau pinggir bandar dan mempunyai permintaan tinggi.

v) Terdapat keperluan di kawasan yang dicadangkan seperti setinggan dan permohonan di bawah Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

NO. SOALAN: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

TARIKH : 18 JUN 2014

RUJUKAN : 6899

SOALAN:

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan asas penyiasatan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia terhadap Parti DAP dalam pemilihan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat dalam Kongres Khas yang telah di adakan pada 19.9.2013.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) menjalankan siasatan ke atas Parti Tindakan Demokratik (DAP) dari pelbagai aspek iaitu semasa Mesyuarat Pemilihan diadakan semasa pemilihan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat dalam Kongres Khas yang telah diadakan pada 29 September 2013 dan juga dari segi perwakilan-perwakilan yang hadir dan layak mengundi serta notis panggilan Mesyuarat Pemilihan Kongres Khas kepada perwakilan-perwakilan.

Selain itu, JPPM telah menjalankan siasatan ke atas DAP berikutan aduan-aduan yang diterima mengenai kesilapan dalam pengiraan undi yang berlaku semasa pemilihan *Central Executive Committee* (CEC)nya pada bulan Disember 2012. Berikutan dengan itu, JPPM telah meminta pihak DAP menjalankan pemilihan semula berdasarkan kepada aduan-aduan yang diterima dan keraguan di dalam maklum balas daripada pihak DAP atas aduan-aduan tersebut yang diberikan oleh pihak DAP. Selepas pemilihan semula itu dijalankan oleh DAP pada 29 September 2013, JPPM masih menerima aduan-aduan mengenai ketidaklayakan wakil-wakil yang menghadiri CEC tersebut.

JPPM juga masih meneliti beberapa dokumen-dokumen yang diterima DAP seperti senarai 985 cawangan yang diberi status Sijil 'A', salinan borang perwakilan dari cawangan-cawangan yang hadir pemilihan asal CEC pada 15 Disember 2012 dan pemilihan semula pada 29 September 2013 serta salinan asal 500 surat yang ditandatangani oleh perwakilan yang mengesahkan mereka tidak hadir pada pemilihan CEC dan sebagainya.

Pada 03 April 2013, JPPM menerima surat daripada pihak DAP bahawa akan memohon semakan kehakiman terhadap Jabatan yang masih belum mengiktiraf CECnya. JPPM akan mengambil tindakan selanjutnya selepas keputusan daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur diperolehi kelak.

NO. SOALAN: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah sebenar peruntukan bajet pembangunan yang diluluskan bagi setiap negeri di Malaysia dalam RMKe-10 berbanding RMKe-9.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan siling peruntukan projek pembangunan di bawah RMKe-9 dan RMKe-10 adalah masing masing sebanyak RM230 bilion. Bagi tempoh 4 tahun pertama RMKe-10 (2011-2014), sebanyak RM190.7 bilion telah disediakan untuk membiayai projek pembangunan. Secara perbandingan, peruntukan pembangunan kepada negeri-negeri bagi RMKe-10 (tidak termasuk tahun 2015) dan RMKe-9 adalah seperti di bawah ini:

Perbandingan Peruntukan Pembangunan Persekutuan Mengikut Negeri Bagi RMKe-9 dan RMKe-10 (2011-2014)

BIL	NEGERI	PERUNTUKAN RMKe-9 (RM JUTA)	PERATUS (%)	PERUNTUKAN RMKe-10 (2011-2014) (RM JUTA)	PERATUS (%)
1	Wilayah Persekutuan	26,691.5	11.6	25,757.6	13.51
2	Sabah	20,176.6	8.8	16,538.3	8.67
3	Sarawak	17,811.3	7.7	15,533.1	8.15
4	Selangor	15,565.5	6.8	10,523.5	5.52
5	Johor	13,951.3	6.1	9,481.3	4.97
6	Pahang	10,869.2	4.7	9,269.7	4.86
7	Terengganu	9,325.2	4.1	5,982.2	3.14
8	Perak	9,212.4	4.0	5,474.8	2.87
9	Kedah	8,845.8	3.8	4,380.6	2.30
10	Negeri Sembilan	7,319.0	3.2	4,134.3	2.17
11	Kelantan	6,625.1	2.9	3,972.6	2.08
12	Pulau Pinang	5,926.3	2.6	3,712.7	1.95
13	Melaka	4,252.5	1.8	1,691.4	0.89
14	Perlis	2,829.4	1.2	1,221.5	0.64
15	Pelbagai Negeri	70,598.8	30.7	73,005.40	38.29
JUMLAH		**230,000**	**100**	**190,679**	**100**

Nota:
-Peruntukan pembangunan termasuk "Pelbagai Negeri".
-Peruntukan pembangunan untuk tahun 2015 masih dalam penilaian UPE dan belum dimuktamadkan lagi.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]**
TARIKH	:	**18 Jun 2014 (Rabu)**
SOALAN	:	**28**

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapakah ketinggian KLIA 2 telah bertambah dari 2 tingkat hingga 5 tingkat dan kosnya juga naik dari RM2 bilion kepada RM4 bilion.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, penyelarasan ketinggian tersebut adalah bagi menyelaraskan *circulation* dan hubungan rangkaian jalan raya untuk kemudahan penumpang tiba dan berlepas.

Kos pembinaan projek KLIA2 meningkat daripada kos asal iaitu RM2 billion kepada RM4 billion berikutan penambahan skop. Antara penambahan skop yang terlibat ialah:

1. Pengasingan penuh penumpang-penumpang Perlepasan dan Ketibaan
2. Menaiktaraf jalan akses dari segi panjang dan ketinggian
3. Saiz terminal lebih besar- peningkatan dalam saiz terminal sebanyak 71%
4. Naiktaraf dari sistem bagasi dari separuh auto kepada sistem automatik sepenuhnya
5. Perubahan tempat pemakiran pesawat dan dari 50 kepada 68 pintu serta peningkatan saiz 'parking apron'
6. Landasan ke-3 yang lebih panjang dan lebar (daripada 2.5 km kepada 3.96 km), serta perubahan taxiway dan kerja tanah yang berkaitan
7. Jambatan udara ("aerobridge") untuk menampung keperluan orang ramai dan keperluan keselamatan penumpang

8. Jarak antara landasan 2 dan landasan 3 mengakibatkan kawasan meningkat untuk kerja-kerja tanah
9. Menara Kawalan DCA dinaiktaraf daripada menara apron termasuk segala peralatan bagi membolehkan 'simultaneous take-off and landing' di 3 landasan dijalankan.

SOALAN (29)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]

SOALAN :-

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah projek perumahan terbengkalai yang masih banyak di seluruh negara dan pada masa yang sama terdapat banyak projek baru yang dilancarkan dan secara keseluruhan telah menaikkan nilai hartanah terutamanya di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang sehingga ia tidak mampu dimiliki oleh rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memandang serius permasalahan yang dihadapi oleh para pembeli projek perumahan swasta terbengkalai di seluruh Malaysia. Justeru, Kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil beberapa inisiatif dan langkah strategik untuk menangani masalah projek perumahan swasta terbengkalai seperti berikut:

(a) Jabatan Perumahan Negara, KPKT mengenal pasti pemaju-pemaju yang berkeupayaan dan berpengalaman (white knight) untuk mengambil alih pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai;

(b) Melaksanakan pemulihan projek-projek perumahan swasta terbengkalai terutamanya kategori kos rendah dan kos sederhana melalui peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan ini adalah bagi menampung kos tambahan pemulihan projek-projek tersebut;

(c) Bekerjasama dengan Jabatan Insolvensi Malaysia/ pelikuidasi swasta bagi membantu memulihkan projek perumahan terbengkalai. Kementerian bertindak sebagai mediator bagi membantu pelikuidasi dan kontraktor penyelamat untuk berhubung dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi teknikal serta pihak pembiaya (institusi kewangan);

(d) Mengenakan tindakan pendakwaan dan kompaun ke atas pemaju-pemaju yang tidak mematuhi peruntukan dan peraturan yang terkandung di dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118];

(e) Kementerian juga mengambil tindakan menyenarai hitam pemaju pemaju yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai, pemaju-pemaju terlibat dengan projek sakit, pemaju-pemaju gagal membayar kompaun, pemaju-pemaju ingkar award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan pemaju-pemaju perumahan tanpa lesen. Apabila disenarai hitam, pemaju dan ahli lembaga pengarah terbabit tidak boleh memohon lesen dan permit iklan serta jualan yang baru. Pemaju juga tidak akan dapat untuk memperbaharui permit iklan dan

jualan yang sedia ada. Senarai pemaju-pemaju yang disenarai hitam juga dipaparkan di lama sesawang KPKT untuk rujukan pembeli dan stakeholders yang lain; dan

(f) Kementerian juga telah membuat pindaan kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 [Akta 118] yang dijadual dikuatkuasakan bersekali dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 (Akta 318). Pindaan kepada Akta 118 dan peraturan-peraturan adalah seperti berikut:-

i. Seksyen 3:

Tafsiran pemaju perumahan merangkumi pihak pelikuidasi dan pegawai penerima;

ii. Seksyen 6:

Deposit lesen pemajuan perumahan dipinda dari RM200,000 kepada 3.0% daripada anggaran kos pembinaan termasuk kos yuran professional tetapi tidak termasuk kos tanah;

iii. Seksyen 7B:

Bagi maksud seksyen 7, 8, 8A, 11 dan 12, pemaju perumahan berlesen termasuk mana-mana pemaju perumahan yang lesennya telah tamat;

iv. Seksyen 8:

Pembeli boleh secara individu memohon untuk menamatkan perjanjian jual beli pada bila-bila masa sekiranya tiada kemajuan pembinaan secara berterusan di tapak pembinaan selama enam (6) bulan atau lebih selepas perjanjian ditandatangani dengan syarat perlu mendapat perakuan daripada Pengawal Perumahan dan mendapat persetujuan bertulis daripada pihak pembiaya;

v. Subseksyen 16N:

Tuntutan di TTPR merangkumi pemaju perumahan yang tidak berlesen;

vi. Subseksyen 16AD(1):

Kadar penalti dinaikkan kepada tidak kurang daripada RM10,000.00 tetapi hendaklah tidak melebihi RM50,000.00;

vii. Subseksyen 24(2):

Menaikkan kadar penalti maksimum bagi kesalahan di bawah peraturan daripada RM200,000 kepada RM500,000; dan

viii. Seksyen 18A (Fasal Baru):

Tindakan Pendakwaan terhadap pemaju perumahan berlesen yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai.

Bagi mengekang aktiviti spekulasi yang seterusnya dapat menstabilkan harga rumah, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa mekanisme seperti berikut :

i) Meningkatkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);

ii) Meningkatkan harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM 1 juta;

iii) Meningkatkan ketelusan harga jualan hartanah di mana pemaju perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuk semua manfaat dan insentif yang diberikan kepada pembeli;

iv) Melarang pemaju perumahan melaksanakan projek yang berciri Developer Interest Bearing Scheme (DIBS).

Bagi menangani pembelian hartanah secara pukal (en bloc), Kementerian saya telah mengenakan syarat baharu dalam permit iklan dan jualan. Syarat baru ini mewajibkan pemaju untuk nama pembeli bagi penjualan secara pukal iaitu melebihi 4 unit rumah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jun 2014

SOALAN (30)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG]

SOALAN :-

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan pusat pelupusan sisa pepejal sanitari dalam negara termasuk pusat pemindahan serta dasar penyelenggaraan, pengasingan jenis sampah dan loji rawatan kumbahan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 8 buah tapak pelupusan sisa pepejal sanitari dan 4 buah stesen pemindahan sisa pepejal yang beroperasi di Malaysia seperti berikut :

<u>Tapak Pelupusan Sanitari</u>

1. Tapak Pelupusan Bukit Tagar, Selangor
2. Tapak Pelupusan Jeram, Selangor
3. Tapak Pelupusan Batu 12, Kuala Langat, Selangor
4. Tapak Pelupusan Seelong, Johor
5. Tapak Pelupusan Tanjung Langsat, Johor
6. Tapak Pelupusan Jalan Mambong, Kuching, Sarawak
7. Tapak Pelupusan Sibuti, Miri, Sarawak
8. Tapak Pelupusan Kemunyang, Sibu, Sarawak

Stesen Pemindahan

1. Stesen Pemindahan Taman Beringin, Kuala Lumpur
2. Stesen Pemindahan Shah Alam, Selangor
3. Stesen Pemindahan Ampang Jajar, Pulau Pinang
4. Stesen Pemindahan Taruka, Johor

Daripada 8 buah tapak pelupusan sisa pepejal yang disebutkan tadi, sebanyak 2 tapak iaitu Tapak Pelupusan Bukit Tagar dan Tapak Pelupusan Seelong adalah hak milik Kerajaan Persekutuan.

Disamping itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempaatan (KPKT) turut membiayai pembinaan 2 buah stesen pemindahan iaitu Stesen Pemindahan Taman Beringin dan Stesen Pemindahan Shah Alam. KPKT juga sedang membina 5 buah tapak pelupusan sanitari bagi menggantikan tapak-tapak pelupusan sedia ada yang telah penuh ataupun terpaksa ditutup kerana berada dilokasi yang sensitif alam sekitar .

Tapak-tapak pelupusan sanitari yang dijangka dapat beroperasi menjelang tahun 2015 adalah seperti berikut:

1. Tapak Pelupusan Sungai Udang, Melaka
2. Tapak Pelupusan Belenggu Halt, Temerloh, Pahang
3. Tapak Pelupusan Rimba Mas, Perlis
4. Tapak Pelupusan Ladang Tanah Merah, Port Dickson, Negri Sembilan ; dan
5. Tapak Pelupusan Tertak Batu, Marang, Terengganu

Penyelenggaraan kemudahan-kemudahan pengurusan sisa pepejal akan dibuat oleh operator yang dilantik oleh empunya kemudahan. Umpamanya bagi kemudahan yang dipunyai oleh KPKT seperti tapak pelupusan sisa pepejal, stesen pemindahan dan loji insinerator, operator yang dilantik adalah bagi menjalankan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan dengan bayaran dibayar berdasarkan yuran tipping atau pun nilai yang dipersetujui dalam tender atau kontrak. Bagi masa hadapan apabila pembinaan kemudahan-kemudahan dibuat melalui pendekatan *private funding initiative* (PFI) maka kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan akan dibuat oleh syarikat yang membina dan menyediakan teknologi berkaitan.

Mengenai pengasingan sisa pepejal atau sampah, kaedah yang di gunapakai pada ketika ini ialah pengasingan dipunca melalui sistem kutipan 2 +1 yang telah diperkenalkan pada tahun 2011 dimana dalam seminggu syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan untuk mengutip sisa pepejal isi rumah akan mengutip sisa baki sebanyak 2 kali seminggu manakala sisa yang boleh di kitar semula, sisa pukal dan sisa kebun akan dikutip sekali seminggu. Bagaimanapun sistem kutipan ini hanya dilaksanakan di negeri-negeri yang telah menerima pakai Akta 672 iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Di samping itu, ditapak pelupusan sanitari yang sedang dibina oleh KPKT juga menyediakan kemudahan pusat perolehan bahan (*material recovery facility* (MRF)) bertujuan untuk mengasingkan bahan-bahan kitar semula sebelum di lupus di tapak pelupusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tentang penyelenggaraan loji rawatan kumbahan pula, ia adalah di bawah kawal selia Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau, dan Air (KETTHA) dan bukan di bawah kawal

selia KPKT. KPKT hanya bertanggungjawab ke atas loji rawatan *leachate* (air larut resap) yang dibina untuk merawat *leachate* yang dilepaskan umpamanya di tapak-tapak pelupusan sanitari. Dalam hal ini, penyelenggaraan loji rawatan *leachate* adalah termasuk dalam kos operasi dan penyelenggaraan tapak pelupusan berkenaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

NO. SOALAN: 31

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA :YB DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN:

Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dari segi agama apakah betul rakyat Malaysia yang pergi ke negara bergolak itu dianggap melakukan jihad atau sebaliknya dianggap pengganas.

JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Antara garis panduan penting dalam jihad ialah jika sesebuah negara mempunyai pemerintah Islam, jihad hendaklah dilakukan di bawah kelolaan atau mandat pemerintah Islam tersebut. Peperangan secara persendirian atau yang dilakukan oleh kelompok-kelompok terpencil yang tidak diberi mandat atau keizinan daripada pemerintah tidak dinamakan sebagai jihad. Justeru jihad fisabilillah hendaklah dijalankan

di bawah arahan pemerintah yang membuat seruan dan pengisytiharan jihad.

Segelintir masyarakat Islam pada akhir-akhir ini, tersilap dalam memahami konsep jihad sehingga menganggap suatu yang bukan jihad sebagai jihad. Antara kesilapan faham yang berlaku ialah apabila menganggap bahawa penentangan secara fizikal terhadap pemerintah Islam boleh dimasukkan sebagai suatu jihad.

Oleh itu, penglibatan rakyat Malaysia di negara bergolak perlu diperhalusi mengikut situasi di negara tersebut. **Seseorang yang menyumbang khidmat untuk membantu rakyat di negara yang bergolak boleh disifatkan sebagai berjihad jika mendapat kebenaran daripada pemerintah.** Selain itu, bentuk khidmat yang disumbangkan hendaklah berlandaskan prinsip amar makruf nahi mungkar. Ia juga hendaklah bertujuan untuk mencapai **objektif pensyariatan (maqasid al-syariah).** Sebaliknya seseorang yang berjuang di negara luar tidak boleh terlibat dalam mana-mana pergolakan yang tidak bertujuan untuk meninggikan syariat Allah. Misalnya, jika pergolakan tersebut hanya bersifat politik semata-mata atau isu perkauman dalam negara tersebut. Penglibatan rakyat Malaysia dalam situasi seumpama ini hanya akan mengeruhkan keadaan. Tambahan pula, bantuan jihad tidak hanya terikat dengan bantuan fizikal. Sebarang bentuk bantuan fizikal yang keterlaluan hanya akan menunjukkan penentangan yang keras dan membawa kepada kezaliman.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 32

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa beliau mengubah secara sembarangan pendirian Kerajaan Pusat yang dibentuk sejak zaman merdeka pada 1957 iaitu bahawa "Malaysia tidak menolak hudud" sedangkan pendirian ini bertentangan dengan Perlembagaan negara.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak Malaysia merdeka sehingga sekarang, secara konsisten mendokong Perlembagaan Persekutuan dan kekal untuk mempertahankan Perlembagaan sebagai suatu persetujuan bersama dalam mentadbir negara. Bahkan Kerajaan juga mempertahankan

dengan segala kesungguhan dan kekuatan terhadap Perlembagaan yang telah dipersetujui.

Oleh itu, apa-apa pelaksanaan undang-undang dimana-mana mahkamah atau mana-mana negeri yang hendak melaksanakan Undang-Undang Jenayah Syariah hendaklah memastikannya tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, dan sebelum apa-apa undang-undang termasuk undang-undang Syariah, maka peruntukan undang-undang sedia ada yang melibatkan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan negeri perlu diteliti bagi memastikan undang-undang tersebut selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Kesimpulannya, undang-undang jenayah Syariah ini hanya melibatkan Mahkamah Syariah sahaja. Juga pada masa ini, tiada cadangan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan tersebut dan Kerajaan berpegang kepada apa yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: 33

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**
KAWASAN	:	**PENGKALAN CHEPA**
TARIKH	:	**18 JUN 2014, RABU**

SOALAN:

YB. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN (PENGKALAN CHEPA) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf dan melebar jalan pelancongan daripada Kg. Cina ke Pantai Cahaya Bulan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan dari Kg. Cina ke Pantai Cahaya Bulan, Kelantan ialah berstatus Jalan Persekutuan (FT223). Jalan tersebut kini diselenggara oleh syarikat konsesi yang dilantik Kerajaan (Roadcare Sdn. Bhd.). Kementerian ini sememangnya ada perancangan untuk meninggikan aras di sebahagian jalan tersebut yang kerap ditelenggami air akibat kejadian banjir. Anggaran kos projek yang terlibat ialah sebanyak RM1 juta. Projek ini akan dilaksanakan mengikut senarai keutamaan projek-projek jalan yang terlibat dengan bencana banjir di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO.: 34

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL**
KAWASAN	:	**SUNGAI PETANI**
TARIKH	:	**18 JUN 2014, RABU**

SOALAN:

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

(a) berapakah kos membina Lebuhraya PLUS; dan

(b) sejak kutipan tol dilakukan berapa jumlah kutipan mengikut tahun dan bilakah konsesi bagi mengutip tol tamat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuh Raya Utara – Selatan sepanjang 823km telah mula dibina pada tahun 1989 dan siap keseluruhannya pada tahun 1994. Kos pembinaan projek ini ditanggung oleh syarikat konsesi PLUS Berhad, iaitu sebanyak RM5.94 bilion. Manakala kos pengambilan tanah pula ditanggung oleh pihak Kerajaan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan tol di Lebuh Raya Utara – Selatan sejak mula beroperasi hingga 31 Disember 2012 ialah sebanyak RM28.3 bilion. Sebahagian besar hasil kutipan tol ini atau hampir 90% digunakan untuk membayar semula pinjaman kepada institusi kewangan, melaksanakan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan serta menaik taraf lebuh raya.

Berdasarkan kepada perjanjian konsesi tambahan PLUS yang ditandatangani pada bulan November 2011, tempoh konsesi tol untuk semua lebuh raya di bawah kendalian pihak PLUS, termasuk Lebuh Raya Utara – Selatan akan tamat pada 31 Disember 2038.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]
TARIKH : 18 JUN 2014
SOALAN :

YB Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menangani masalah kesesakan di wad pesakit dan kesesakan tempat letak kereta di Hospital Umum Sarawak yang begitu meruncing kerana kawasan tersebut adalah terlalu kecil untuk menampung bilangan penduduk Sarawak yang semakin bertambah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kesesakan di wad pesakit di Hospital Umum Sarawak berlaku kerana peningkatan bilangan pesakit yang mendapatkan rawatan setiap tahun. Pada tahun 2013 sahaja, jumlah kemasukan ke wad pesakit adalah seramai 54,266 orang dengan kadar penggunaan katil sebanyak 82.99% berbanding bilangan katil rasmi hospital yang berjumlah 959 katil.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pihak Hospital Umum Sarawak khususnya telah mengambil langkah-langkah segera bagi mengurangkan masalah kesesakan di wad pesakit seperti berikut:

1. Melantik Pengurus Katil *(Bed Managers)* dari kalangan jururawat bagi menyelaras penggunaan katil di setiap wad;

2. Memperkenalkan sistem wad terbuka *(open ward system)* di mana pesakit diberikan katil di mana sahaja terdapat katil kosong tanpa mengira wad yang berkenaan; dan

3. Memindahkan perkhidmatan rawatan jantung ke Pusat Jantung, Hospital Umum Sarawak di Kota Samarahan bermula 01 Januari 2011.

Selain daripada itu, KKM melalui Rancangan Pembangunan Semula Hospital Umum Sarawak telah meluluskan pembinaan tiga (3) buah projek seperti berikut;

1. Membina Bangunan Tambahan *Accute Psychiatric Ward and Daycare,* Hospital Umum Sarawak (HUS);

2. Pakej Ubahsuai Bangunan Sedia ada Hospital Umum Sarawak (Refurbishment North/Sourth Extantion To Clinical Service Block)-Refurbishment Work 3 (RW3) dan Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) HUS;dan

3. Pembinaan *Brain Suite*, HUS (Peringkat perolehan).

Di samping itu, pesakit yang telah stabil juga akan dihantar ke wad di hospital yang berdekatan seperti Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak (PJHUS), Hospital *Royal Charles Brook Memorial* dan Hospital Bau.

Bagi menangani masalah ini, dalam Rancangan Malaysia Ke-10, sebuah hospital baru di Bandaraya Kuching iaitu Hospital Petra Jaya sedang dalam pembinaan dan dijangka akan beroperasi pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, bilangan staf yang berkhidmat di Hospital Umum Sarawak adalah seramai 4,213 orang. Bilangan petak tempat letak kereta sedia ada pula adalah berjumlah 1,029 petak. Pada waktu pejabat, dianggarkan seramai 2,000 orang staf hospital, 900 orang pesakit dalam, 1,000 orang pesakit luar dan 500 orang pelawat berada di kawasan hospital dengan jumlah kereta sebanyak 2,500 buah kereta pada satu-satu masa.

Bagi mengurangkan masalah kesesakan tempat letak kereta ini, langkah-langkah berikut telah diambil:

1. Perubahan dalam jadual waktu bekerja secara syif bagi mengurangkan kesesakan pada waktu puncak. Pertukaran syif dibuat semasa bukan waktu puncak;

2. Sistem aliran trafik di hospital ditambah baik dengan menukar jalan dua hala kepada jalan sehala di lokasi-lokasi tertentu bagi membolehkan kereta diletakkan di bahu jalan; dan

3. Memperkenalkan sistem mengunci tayar *(clamping system)* bagi kereta yang diletak di tempat-tempat larangan.

KKM melalui Rancangan Pembangunan Semula Hospital Umum Sarawak telah meluluskan projek pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat secara Kerjasama Awam Swasta *(Public Private Partnership)*.

Cadangan pembinaan ini akan melibatkan pembinaan dua blok tempat letak kereta yang mana satu blok akan dikhaskan untuk tempat letak kereta staf dan satu lagi blok dikhaskan untuk kegunaan pelawat dan pesakit dengan jumlah 1,600 petak tempat letak kereta di kedua-dua blok.

Cadangan pembinaan tempat letak kereta bertingkat ini sedang dalam peringkat terakhir perancangan rekabentuk. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada bulan April 2015.

Soalan No: 36

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : **18.6.2014**

SOALAN :

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan satu kajian dibuat berkenaan keperluan untuk mewujudkan sebuah kolej komuniti di Kinabatangan memandangkan terdapatnya keperluan dan permintaan. Tapak bagi tujuan pembinaan kolej komuniti ini adalah tersedia. Ini adalah selaras dengan dasar Kementerian bagi "1 Kolej Komuniti, 1 Parlimen".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Julai 2000 mempertimbangkan Memorandum daripada Menteri Pendidikan No. 398/2225/00 bertarikh 27 Jun 2000 bersetuju penubuhan Kolej Komuniti di setiap kawasan Parlimen dan menawarkan kursus-kursus yang ada kaitan dengan aktiviti ekonomi yang dijalankan di kawasan tersebut.

Seterusnya, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 8 September 2004 menimbangkan Memorandum daripada Menteri Pengajian Tinggi No. 519/2427/2004 dan bersetuju bahawa adalah tidak wajar kolej-kolej komuniti dibangunkan di setiap daerah atau kawasan Parlimen. Sebaliknya hendaklah berdasarkan kepada keperluan di sesebuah kawasan memandangkan terdapat kawasan yang tidak mempunyai ramai penduduk.

Bilangan Kolej Komuniti sejak dari awal penubuhannya pada tahun 2001 ialah 12 buah. Sejajar dengan dasar tersebut, bilangan ini semakin meningkat setiap tahun dan sebanyak 82 buah kolej telah beroperasi sehingga tahun 2012. Seterusnya, pertambahan sebanyak 4 buah kolej pada tahun 2013 menjadikan jumlah keseluruhan 86 buah dan bilangan ini dijangka akan bertambah 4 buah kolej menjelang tahun 2014 menjadikan jumlah keseluruhan 90 buah Kolej Komuniti yang beroperasi di seluruh negara.

Penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA), politeknik atau kolej komuniti mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, telah terdapat lapan (8) buah kolej komuniti di negeri Sabah iaitu **Kolej Komuniti Tawau, Kolej Komuniti Lahad Datu, Kolej Komuniti Beaufort, Kolej Komuniti Semporna, Kolej Komuniti Sandakan, Kolej Komuniti Tambunan, Kolej Komuniti Penampang dan Kolej Komuniti Kota Marudu**.

Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan kolej komuniti sedia ada yang berhampiran seperti Kolej Komuniti Tawau dan Kolej Komuniti Lahad Datu masih mampu menampung permintaan daripada lepasan sekolah menengah di Parlimen Kinabatangan dan persekitarannya. Namun begitu, kementerian mengambil maklum dan memberi perhatian terhadap cadangan Ahli Yang Berhormat serta akan berusaha untuk melihat keperluan berkenaan termasuk keupayaan kewangan kerajaan.

Rjm 99

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 37

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan untuk menyelesaikan masalah banjir yang sering melanda Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Berapakah anggaran kos rancangan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Menyentuh mengenai isu banjir kilat di LTAB Pulau Pinang, perkara ini berlaku oleh kerana sistem perparitan yang sedia ada di lapangan terbang tersebut adalah direka cipta pada tahun 70an berasaskan keperluan pada masa itu. Disamping itu, terdapat sistem perparitan di sekitar kawasan lapangan terbang tersebut yang bertindak mengalirkan air dari luar ke dalam kawasan lapangan terbang menyebabkan banjir kerana kawasan lapangan terbang tersebut merupakan kawasan terendah di kawasan tersebut. Berdasarkan siasatan yang dilakukan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), diantara sebab-sebab berlaku kejadian banjir di lapangan terbang tersebut adalah seperti berikut:

(i) Paras air yang terlalu tinggi di hilir sungai dan air pasang laut telah memberi kesan *back flow* kepada sistem perparitan di dalam kawasan lapangan terbang tersebut;

(ii) Hanyutan sampah sarap yang dibawa dari kawasan sekitar perumahan yang mengalir masuk ke kawasan lapangan terbang telah menyebabkan laluan longkang tanah utama menjadi sempit dan menggangu kelancaran air perparitan setelah air surut yang seterusnya terperangkap di kawasan-kawasan tertentu; dan

(iii) Pembangunan yang pesat di sekitar kawasan lapangan terbang seperti pembangunan kawasan perumahan dan industri telah

menyebabkan banyak air larian yang mengalir ke kawasan sekitar sebelum ke sungai melalui kawasan lapangan terbang.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak MAHB sedang menaiktaraf sistem pam di lapangan terbang tersebut bagi membolehkan paras air di parit tanah utama sentiasa berada pada paras yang rendah. Melalui kaedah ini, kadar air larian daripada kawasan terminal akan lebih lancar malah akan berupaya menakung sementara kapasiti air larian dari terminal sebelum di pam keluar ke sungai. Dalam pada itu, adalah perlu pihak Kerajaan Negeri mengenal pasti lokasi yang strategik dan membina kolam takungan air yang berfungsi untuk memintas dan menakung air buat sementara sebelum disalirkan ke laut.

SOALAN NO: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

YB Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) apakah status penternakan ikan kerapu harimau (tiger grouper) di kawasan Sungai Menghulu, Mukim Kuah, Langkawi yang dibayai oleh Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) ; dan

(b) apakah nama kontraktor yang dianugerahkan projek tersebut dan berapakah jumlah kos yang dikeluarkan oleh NCER bagi projek tersebut.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk maklumat Yang Berhormat, projek penternakan ikan kerapu harimau (tiger grouper) di kawasan Sungai Menghulu, Mukim Kuah, Langkawi dijalankan untuk meningkatkan hasil pengeluaran ternakan akuakultur marin negara. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat dengan mewujudkan peluang pekerjaan yang baru. Secara amnya, projek ini melibatkan 3 Fasa seperti berikut:

Fasa Pertama

- Pada Fasa Pertama, projek ini melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM15 juta. Sebanyak 800 petak sangkar telah dibina dan mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Mac 2011. Peringkat ini juga melibatkan pembinaan sebuah jeti, pusat kuarantin, pusat pemprosesan makanan ikan, baja dan sebuah bot pukat tunda di Sungai Menghulu, Langkawi.

Fasa Kedua

- Pada peringkat Fasa Kedua, projek ini melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM9.2 juta, di mana sebuah pusat pembenihan dan

asuhan telah berjaya dibina serta mula beroperasi pada bulan Disember 2011.

- Lebih kurang sebanyak 4 juta telur ikan kerapu dan 8 juta telur ikan siakap telah berjaya ditetaskan dan dijangkakan pada masa hadapan syarikat peneraju mampu menjadi pengeluar benih utama kepada penternak-penternak tempatan.
- Sehingga kini, syarikat peneraju telah pun mempunyai 40 ekor induk ikan kerapu yang terdiri dari pelbagai spesis. Lebih 100,000 benih telah berjaya dihasilkan untuk setiap kitaran (tempoh untuk setiap kitaran adalah selama 2 bulan). Syarikat peneraju juga telah membina 88 buah kolam untuk tujuan tersebut. Pada masa ini proses pembenihan sedang giat dijalankan dengan dipantau oleh Jabatan Perikanan serta dengan kerjasama penyelidik dari Universiti Malaysia Terengganu.

Fasa Ketiga

- Pada Fasa Ketiga, projek ini melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM43.24 juta. Jumlah pelaburan ini melibatkan penambahan pembinaan sebanyak 800 petak sangkar, kilang pemprosesan di Tanjung Dawai, Kedah dan pembelian 2 buah bot pukat tunda.

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Progressive Ocean Sdn. Bhd. (POSB) adalah merupakan syarikat peneraju kepada projek ini. Pada masa yang sama, pihak NCIA telah pun membekalkan pembiayaan sebanyak RM23.1 juta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**
KAWASAN	:	**PENGERANG**
TARIKH	:	**18.6.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**39**

YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kelebihan dan keuntungan TPPA kepada Malaysia, dan juga apa yang mungkin berlaku sekiranya Malaysia tidak menyertai TPPA.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Perjanjian Perdagangan Bebas iaitu FTA, sepertimana TPPA bukanlah perkara baru bagi Malaysia. Sebelum ini Malaysia telahpun melaksanakan 12 FTA dengan negara-negara rakan dagang Malaysia. Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN iaitu AFTA telah pun dilaksanakan semenjak tahun 1993 lagi. FTA memberi manfaat kepada Malaysia untuk memperolehi akses kepada pasaran lebih besar. Produk Malaysia akan lebih kompetitif berbanding negara yang tidak mempunyai FTA. Pengeksport perkhidmatan Malaysia juga boleh mengeksport perkhidmatan mereka ke negara rakan FTA seiring dengan liberalisasi sektor perkhidmatan di kalangan rakan-rakan FTA. Statistik menunjukkan jumlah perdagangan Malaysia dengan negara yang menandatangani FTA meningkat setelah FTA dilaksanakan dan Malaysia mendapat faedah daripada FTA. Sebagai contoh, sejak FTA antara China dan ASEAN dilaksanakan pada tahun 2005, perdagangan Malaysia dengan China telah meningkat tiga kali ganda kepada RM203.2 bilion pada tahun 2013 berbanding RM67.1 bilion pada tahun 2003. Eksport Malaysia ke China juga meningkat lebih dari tiga kali ganda kepada RM97 bilion bagi tahun 2013 berbanding RM25.8 bilion pada tahun 2003.

Satu contoh lagi ialah Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA), di mana Australia telah menghapuskan duti ke atas 100% produk yang diimport dari Malaysia bermula pada 1 Jan 2013 secara serta merta apabila perjanjian tersebut berkuatkuasa. Ini telah menjadikan produk Malaysia lebih kompetitif di pasaran Australia.

Manakala Malaysia masih melaksanakan liberalisasi produk Australia secara berperingkat.

FTA-FTA yang ditandatangani oleh Malaysia dengan negara-negara Jepun, Australia dan Turki juga mempunyai peruntukan untuk program kerjasama di dalam sektor automotif. Di bawah Malayaia-Japan Econmic Partnership Agreement atau MJEPA, kedua-dua negara telah menubuhkan Kerjasama Industri Automotif (*Malaysia-Japan Automotive Industries Cooperation - MAJAICO*) yang bertujuan untuk membangunkan dan meningkatkan idustri automotif Malaysia untuk menjadi lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa. MAJAICO merupakan program lima tahun dan telah tamat pada tahun 2011. Projek-projek di bawah MAJAICO meliputi penubuhan Pusat latihan Kemahiran Automotif, Program Pembangunan Perniagaan dan Kerjasama dalam Pameran. Walaupun program ini secara rasminya telah tamat, program MAJAICO dengan vendor tempatan masih berterusan dengan sokongan Institut Automotif Malaysia (MAI). Di bawah program MAJAICO, industri automotif Malaysia telah berjaya meningkatkan pengetahuan dan kepakaran pelatih di dalam pelbagai bidang daripada bidang teknikal hinggalah kepada bidang rundingan perniagaan.

Di bawah MAFTA pula, program-program kerjasama di dalam sektor automatif yang sedang dibincangkan termasuklah projek penyelidikan dan pembangunan teknologi baru, pembangunan sumber manusia dan penubuhan Dialog Industri Automotif. Manakala Malaysia juga akan mensasarkan projek kerjasama dengan pihak Turki di dalam bidang automotif apabila perjanjian tersebut berkuatkuasa kelak.

Berbalik kepada TPPA, Kerajaan menjangkakan Malaysia akan mendapat faedah daripada penyertaan dalam rundingan TPPA. Ini adalah memandangkan pasaran yang terdapat di negara kita ini sangatlah terhad dengan pasaran **30 juta** berbanding **800 juta** pengguna negara TPPA ini dan gabungan KDNK sejumlah AS$27.5 trillion. Ini secara langsung menyediakan akses pasaran global yang lebih besar kepada produk-produk tempatan seterusnya memberi peluang yang yang lebih besar kepada peniaga tempatan untuk memasarkan produk-produk mereka ke pasaran TPP. Sebagai negara yang bergantung kepada perdagangan luar, maka adalah rasional bagi Malaysia untuk terlibat di dalam inisiatif ini.

Di samping itu, Kerajaan berpandangan bahawa penglibatan Malaysia dalam rundingan TPPA ini amat penting untuk memastikan Malaysia masih berdaya saing. TPPA ini juga melibatkan empat negara rakan dagang iaitu Mexico, Peru, Kanada dan Amerika Syarikat yang buat masa ini Malaysia masih belum memeterai apa-apa perjanjian perdagangan dua hala dengan mereka. Tambahan lagi Amerika Syarikat mengenakan duti import yang tinggi terhadap produk-produk Malaysia seperti kelapa sawit dan tekstil.

TPPA juga boleh membuka peluang pelaburan melalui liberalisasi, fasilitasi, dan perlindungan pelabur di antara negara-negara yang menyertai perjanjian ini. Terma di dalam bab ini bukan hanya untuk melindungi pelabur luar yang melabur di Malaysia tetapi turut memberi jaminan dan perlindungan kepada pelabur Malaysia yang melabur di luar negara.

Selain itu, faedah menyertai perjanjian TPPA ini boleh dilihat dari aspek kerjasama antara Malaysia dan negara ahli. FTA dapat membantu bina upaya melalui kerjasama ekonomi dan teknikal.

Sekiranya Malaysia tidak menyertai TPP, kredibiliti Malaysia sebagai negara perdagangan yang terbuka dan maju akan terjejas.Dari segi akses pasaran produk-produk, produk-produk Malaysia akan kehilangan daya saing berbanding produk-produk dari negara TPP memandangkan produk-produk tersebut tidak dapat menikmati layanan keutamaan tarif. Dalam pada itu, bagi eksport ke Kanada mungkin akan terjejas memandangkan Kanada akan menamatkan skim GSP bagi produk-produk Malaysia bermula pada 1 Januari 2015. Dengan menyertai TPPA dan apabila ianya dilaksanakan kelak, akses pasaran bagi produk-produk Malaysia ke Kanada akan terus dapat menikmati layanan keutamaan iaitu tanpa duti import atau duti import yang lebih rendah sebagaimana yang sedang dirundingkan di dalam TPPA.

Tanpa menyertai TPPA juga, pengeksport Malaysia akan menghadapi saingan hebat di pasaran TPPA berbanding negara-negara pesaing yang menjadi ahli seperti Viet Nam dan Singapura yang akan mendapat layanan keutamaan.

Dari segi pelaburan, sekiranya Malaysia tidak menyertai TPP, pelabur asing mungkin lebih cenderung memilih negara ahli TPP lain sebagai destinasi untuk pelaburan mereka memandangkan produk pengeluaran mereka dapat menikmati manfaat akses pasaran melalui layanan tarif berkeutamaan di antara negara rakan TPP. Ada juga kemungkinan pelaburan asing yang sedia ada di negara kita akan berpindah ke

negara ahli TPP contohnya ke Negara Viet Nam. Ini akan menjejas peluang pekerjaan dan seterusnya ekonomi negara.

Selain itu, pasaran TPP di jangka bertambah besar dengan penyertaan beberapa negara anggota APEC lain yang telah menunjukkan minat untuk menyertai TPP seperti Chinese Taipei, Filipina dan Korea Selatan. Pengecualian Malaysia daripada TPP akan menyebabkan Malaysia ketinggalan dalam rantaian bekalan serantau (*regional supply chain*) pada masa akan datang. TPP juga dilihat sebagai satu platform untuk merangka peraturan perdagangan dan pelaburan alaf baru dan Malaysia tidak akan mendapat kelebihan sebagai '*first-mover*' untuk merangka peraturan-peraturan perdagangan dan pelaburan di dalam perjanjian tersebut sekiranya tidak menyertai TPP.

Ingin saya tegaskan bahawa objektif Kerajaan dalam rundingan TPPA adalah amat jelas iaitu kepentingan negara mesti dipertahankan, kita tidak terdesak untuk menyertai rundingan ini dan Malaysia hanya berunding dengan terma-terma yang boleh di terima pakai negara.

Oleh yang demikian, adalah penting untuk Malaysia menyertai rundingan supaya kita dapat menetapkan perkara-perkara yang kita ingin ketengahkan dan kita dapat menyuarakan perkara-perkara yang menjadi kebimbangan kita dan ingin kita lindungkan.

SOALAN NO: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah jawatan berstatus kontrak di sektor awam mendatangkan kebaikan atau keburukan kerana dengan status kontrak tidak dapat menjamin pekerjaan dan sumber pendapatan tetap untuk jangka masa panjang dan berapakah peratusan terkini pekerja berjawatan kontrak diserap menjadi kakitangan tetap.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan secara kontrak dapat memberi kebaikan kepada pegawai sekiranya dilihat daripada perspektif fleksibiliti dan peluang kepada pegawai untuk menimba pengalaman dari satu bidang pekerjaan kepada bidang pekerjaan yang lain. Ini akan mempertingkatkan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang akan mempercepatkan *employability* pegawai tersebut. Pelantikan secara kontrak telah memberi peluang pekerjaan kepada 46,948 orang pegawai, sementara mereka mendapat pekerjaan lain sama ada dalam perkhidmatan Kerajaan atau dalam sektor swasta. Walau bagaimanapun, pelantikan secara kontrak bukan merupakan suatu jaminan bagi pegawai untuk diserap ke jawatan tetap dalam perkhidmatan Kerajaan. Pegawai kontrak sewajarnya menggunakan pengalaman berkhidmat secara kontrak dengan Kerajaan sebagai persediaan semasa proses temu duga jawatan tetap.

Untuk makluman, dari tahun 2012 hingga 31 Mei 2014, seramai 1,561 orang pegawai kontrak telah dilantik ke jawatan tetap dalam perkhidmatan awam persekutuan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 41

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membentangkan kertas putih terhadap insiden MH370 di Parlimen berdasarkan "*Cabinet Note*" yang diberi oleh pemangku Menteri Pengangkutan pada 14 Mei 2014. Berapakah kos yang telah dibayar dalam misi *'search and rescue'* (SAR) dan anggaran kos yang akan dibelanjakan pada tahun yang akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan pada masa ini belum memutuskan samada untuk membentangkan Kertas Putih di Parlimen atau menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ataupun menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen susulan dari insiden ini. Keputusan mengenainya akan dibuat setelah pesawat yang hilang ditemui dan siasatan mengenai insiden dijalankan dan punca tragedi dikenalpasti. Usaha mencari pesawat MH370 akan diteruskan.

Berkenaan dengan kos operasi SAR, ianya dilaksanakan sejajar dengan standard yang ditetapkan dibawah ANNEX 12 Search and Rescue (SAR), Chicago Convention 1944 di mana setiap Negara perlu menyediakan perkhidmatan SAR bagi kawasan di dalam kawasan *Search and Rescue Region* (SRR) yang telah ditetapkan oleh *Aviation Security, International Civil Aviation Organisation (ICAO)*. Dalam hubungan ini, kos operasi SAR adalah ditanggung oleh negara-negara yang terlibat. Sehingga kini, Kerajaan masih lagi belum menilai keseluruhan kos kerana operasi SAR ini masih berjalan.

NO. SOALAN : 42

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **18 JUN 2014**

DARIPADA : **YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU]**

SOALAN :

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menangguhkan ibadat Haji bagi jemaah Haji Malaysia yang berisiko tinggi untuk diserang Virus Korona Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS-COV) dan apakah langkah Kerajaan bagi melindungi jemaah Haji Malaysia dari risiko jangkitan Virus Korona Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS-CoV) ketika berada di tanah suci Mekah dan Madinah.

JAWAPAN : **(YB. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tidak mengeluarkan sebarang larangan lawatan ke Arab Saudi berikutan penularan wabak MERS-COV.

Kerajaan Arab Saudi juga tidak mengeluarkan sebarang peraturan baharu menghalang bakal haji menunaikan haji. Sehubungan itu, Kerajaan tiada cadangan untuk menangguhkan bakal haji menunaikan ibadat haji pada tahun ini.

Sehingga kini, langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Tabung Haji (*TH)* ialah meneruskan pemeriksaan kesihatan yang ketat ke atas semua bakal haji oleh pakar-pakar dan pegawai perubatan yang terlatih untuk mengenalpasti bakal haji yang berisiko. Memandangkan pihak WHO belum lagi dapat mengesahkan punca dan cara jangkitan MERS-COV, maka tiada vaksin khusus untuk jangkitan tersebut.

Di Tanah Suci pula, semua jemaah haji dinasihatkan mengamal tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan, memakai penutup mulut dan hidung. Jemaah haji juga dinasihat mendapat rawatan segera sekiranya mengalami gejala jangkitan respiratori seperti demam, selsema dan batuk.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	**43**

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha Kementerian dalam meningkatkan kemahiran maritim di kalangan anak tempatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pengangkutan sentiasa memberi penekanan kepada aspek pembangunan modal insan dalam sektor maritim. Sehubungan itu, antara langkah-langkah yang telah diambil Jabatan Laut Malaysia adalah mengiktiraf dan meluluskan kursus *Standard of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers* (STCW) di 34 buah institut latihan maritim di seluruh Malaysia untuk melatih anak-anak tempatan yang berminat untuk menceburi kerjaya sebagai pelaut. Institut latihan ini antara lain menawarkan kursus latihan untuk pelaut di peringkat pelaut am sehingga ke peringkat pegawai sama ada dalam bidang enjin atau dek.

Di samping itu, dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai pelaut tempatan di peringkat pegawai pula, Jabatan Laut Malaysia telah memberi tawaran biasiswa Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPL) kepada pelaut-pelaut Malaysia yang sedang berkhidmat untuk meningkatkan taraf kompetensi mereka ke peringkat pegawai. Bermula dari tahun 2010 sehingga 2014, seramai 59 orang pelaut telah memperoleh biasiswa ini.

Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Laut Malaysia turut menganjurkan Kursus Persediaan Mualim Kurang 500 GT Domestik (Terhad) yang merupakan lesen minimum untuk seseorang itu membawa bot kurang dari 12 orang penumpang dalam had pelabuhan. Kebanyakan bot-bot ini

merupakan bot yang membawa pelancong untuk tujuan rekreasi seperti melawat pulau peranginan, menyelam (*diving*) atau memancing. Kementerian berhasrat untuk membantu golongan pelaut yang berpendapatan rendah serta bergantung hidup kepada sumber pendapatan dengan membawa bot penumpang atau pelancong tetapi tidak mempunyai perakuan yang sah. Kursus ini juga mendapat sambutan daripada golongan belia yang berkecimpung dalam bidang ini.

Dalam pada itu, Jabatan Laut Malaysia juga memberi latihan *(ship-berthing)* kepada pelaut-pelaut yang memiliki sijil Kursus "*Basic Safety Training"* namun tidak mempunyai pengalaman bekerja di atas kapal untuk menjalani *ship-berthing* atas kapal milik Lembaga Dius Api (LDA) bagi mendapatkan pengalaman. Pelaut seterusnya berpeluang memohon pekerjaan di syarikat-syarikat perkapalan. Seramai 62 orang pelaut yang mengikuti kursus ini telah berjaya memperoleh pekerjaan di atas kapal dagang manakala baki seramai 26 orang pelaut masih sedang memohon.

NO. SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]

TARIKH : 18 JUN 2014

RUJUKAN : 6901

SOALAN:

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status dan hasil siasatan terhadap individu yang menghina azan, mempersendakan agama dan kedaulatan Raja-raja Melayu di laman sosial dan apakah bentuk tindakan yang bakal diambil oleh pihak Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis membuat siasatan berkaitan laporan Setia Indah report 5239/2014 dan 23 lagi laporan polis di seluruh negara di bawah Seksyen 298 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja berniat hendak melukakan perasaan agama seseorang. Pengadu dalam kes ini tidak berpuas hati kerana terdapat penama "toowen Long" dalam laman sosial Facebook telah menghina umat Islam dengan mengubahsuai azan. Pihak polis telah memohon bantuan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk pemilik akaun Facebook berkenaan. Siasatan masih diteruskan.

NO. SOALAN: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 18 JUN 2014

RUJUKAN : 6902

SOALAN:

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) berapakan jumlah sebenarnya kes pendaftaran lewat sijil kelahiran yang tertunggak atau gagal diberikan kelulusan mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negera Sarawak; dan

(b) apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara Sarawak bagi mengatasi permasalahan ini supaya ianya boleh disifarkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada soalan pendaftaran lewat kelahiran, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menggunakan tiga (3) peruntukan undang-undang seperti berikut bagi pendaftaran kelahiran di Persekutuan:

i. **Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia;**

ii. **Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (CAP 123) bagi negeri Sabah; dan**

iii. **Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (CAP 10) bagi negeri Sarawak.**

Sehubungan dengan itu, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia perlu didaftarkan dan bagi kelahiran yang tidak didaftarkan dalam tempoh 42 hari dari tarikh kanak-kanak itu dilahirkan, maka ia akan dikategorikan sebagai permohonan pendaftaran lewat kelahiran. Permohonan pendaftaran lewat kelahiran adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 12 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957; Seksyen 22 Sabah CAP 123 dan Seksyen 24 Sarawak CAP 10.

Mengikut rekod KDN, bagi tempoh lima (5) tahun kebelakang iaitu dari tahun 2009 sehingga 2013, terdapat 597 permohonan pendaftaran lewat kelahiran yang masih dalam proses siasatan dan tindakan JPN Negeri Sarawak. Selain itu, 3,478 permohonan telah ditolak bagi tempoh yang sama kerana dokumen yang dikemukakan adalah tidak lengkap.

Dalam mempertimbangkan permohonan daftar lewat kelahiran, perlu diambil maklum bahawa beban untuk membuktikan perkara tersebut adalah menjadi tanggungjawab pemohon. Permohonan ini memerlukan penelitian yang terperinci berdasarkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh JPN Negeri Sarawak dalam memproses permohonan untuk mendapatkan Sijil Kelahiran adalah seperti berikut:

1. **Untuk menentukan kelahiran benar-benar berlaku di dalam Negeri Sarawak berdasarkan bukti-bukti yang sahih terutama kawasan yang berhampiran dengan sempadan;**

2. **Untuk menentukan ibu bapa sebenar dan taraf kanak-kanak bagi pendaftaran kelahiran terutama apabila ibu bapa tiada dokumen pengenalan diri atau ibu bapa menghilangkan diri dan kanak-kanak dipelihara oleh penjaga yang tidak sah;**

3. **Untuk menentukan tarikh, tempat dan masa kelahiran sebenar kanak-kanak berdasarkan pembuktian dokumen dan saksi sahih yang boleh mengesahkan kelahiran tersebut**

terutama yang dilahirkan di rumah tanpa kad rawatan ibu mengandung (kad pra-natal) atau kad rawatan kanak-kanak; dan

4. Untuk mendapatkan maklumat perkahwinan yang sah di antara ibu dan bapa kanak-kanak bagi menentukan anak tidak sah taraf di bawah Seksyen 11 CAP 10 terutama bagi ibu seorang warga asing atau tiada dokumen pengenalan diri dan tanpa Sijil Perkahwinan atau Surat Nikah; dan

5. Masalah kesedaran di kalangan penduduk akan keperluan dan kepentingan mendaftarkan kelahiran.

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab setiap pemohon untuk mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap dan teratur serta bukti yang kukuh agar pihak Jabatan dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya di samping membantu pemprosesan yang lebih cepat dan tepat.

Soalan No: 46

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG

TARIKH : 18.6.2014

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk memberi kelonggaran kepada anak-anak para pendidik untuk memasuki universiti awam serta mendapatkan biasiswa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pemilihan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dilaksanakan berdasarkan prinsip meritokrasi, dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah ko-kurikulum untuk menjana markah merit calon. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua pemohon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, jantina, bangsa, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal layak dipertimbangkan untuk ditawarkan tempat di IPTA.

Penetapan merit tidak hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata. Penentuan dibuat dengan mengambil kira kedua-dua elemen akademik dan kokurikulum calon untuk memastikan IPTA melahirkan graduan yang holistik.

Pemohon yang layak dan memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dimohon mengikut keutamaan dan bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Justeru, Kementerian tidak bercadang untuk memberi kelonggaran kepada mana-mana pihak memasuki universiti awam buat masa ini memandangkan sistem meritokrasi yang diguna pakai sekarang adalah relevan dan pemohon dinilai berdasarkan pencapaian akademik dan kokurikulum tanpa mewujudkan sebarang elemen diskriminasi yang memberi kelebihan kepada pihak-pihak tertentu.

Mengenai peluang mendapatkan biasiswa, Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ada menyediakan 19 bentuk penajaan biasiswa/bantuan kewangan/pinjaman pelajaran kepada semua rakyat Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat sijil sehingga pasca kedoktoran. Pemberian biasiswa dan bantuan kewangan ini mengambil kira faktor kelayakan yang mana Kerajaan sentiasa memastikan pemberian biasiswa di peringkat pengajian tinggi ini diberikan kepada pelajar-pelajar yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kriteria ditetapkan seperti merit akademik, ko-kurikulum dan latar belakang sosio-ekonomi keluarga pemohon dari seluruh Malaysia. Langkah ini dipraktikkan bagi memastikan keadilan bagi semua kumpulan sasaran yang berkelayakan dan pembangunan modal insan yang seimbang di seluruh negara.

Ini merupakan usaha pihak Kerajaan yang sentiasa meluaskan peluang dan akses pengajian tinggi melalui penyediaan pembiayaan kepada semua peringkat pelajar yang berkelayakan, termasuk pelajar dari kalangan anak-anak pendidik.

Rjm102

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM [KUBANG PASU]

SOALAN : 47

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh JPJ untuk membanteras penyalahguna ICP oleh van-van pelancong (teksi sapu) daripada Thailand yang telah menjejaskan pendapatan teksi tempatan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu pemandu-pemandu teksi tempatan yang mengalami kerugian teruk daripada perkhidmatan van-van pelancong (teksi sapu) daripada Thailand ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedar akan kegiatan haram yang dijalankan oleh pengusaha-pengusaha van dari Thailand yang menyalahgunakan Permit Peredaran Antarabangsa (ICP) dengan beroperasi sebagai kenderaan pengangkutan awam. Menyedari hakikat ini, Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengadakan sesi perjumpaan dengan persatuan teksi Bukit Kayu Hitam pada 13 Februari 2014 yang lepas. Perjumpaan ini adalah bertujuan mencari mekanisme terbaik untuk membantu pengusaha-pengusaha teksi tempatan mengambilkira aspek ekonomi pelancongan, kesan terhadap pengusaha teksi tempatan dan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Thailand.

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai cadangan telah dikemukakan kepada Kerajaan dalam menangani isu tersebut termasuklah mempergiatkan elemen penguatkuasaan di pintu sempadan Bukit Kayu Hitam selain mengkaji semula kelonggaran pengecualian ICP dalam lingkungan 2km yang dibenarkan terhadap kenderaan Thailand sebagai timbal balas kelonggaran yang diberikan oleh Kerajaan Thailand. Sebagai langkah jangka pendek, Kerajaan melalui JPJ Mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan di sempadan mulai 24 April 2014 bagi memastikan semua kenderaan asing yang memasuki sempadan Malaysia mematuhi peraturan-peraturan negara khususnya sempadan di

Bukit Kayu Hitam melalui sekatan jalan raya yang diadakan di laluan utama 2 km daripada sempadan.

Selain itu, penguatkuasaan juga dilakukan melalui unit-unit ronda JPJ bagi memantau kenderaan-kenderaan asing yang tidak mempunyai permit peredaran antarabangsa (ICP) yang terlepas keluar daripada had 2 km yang dibenarkan oleh kerajaan memasuki malaysia tanpa ICP. Hasil daripada penguatkuasaan yang drastik ini, pihak JPJ telah mengesan kesalahan-kesalahan yang melibatkan kenderaan dari Thailand termasuklah penyalahgunaan ICP, tidak mempunyai ICP, tidak mempunyai lesen memandu, tidak mempunyai insuran dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan teknikal.

Tuan Yang Dipertua,

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan yang dijalankan oleh JPJ ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pengusaha van haram dari Thailand. Berdasarkan laporan dari Wisma Putra, pengusaha-pengusaha van Thailand tersebut telah mengadakan demonstrasi di Danok dan nota bantahan telah dihantar ke Pejabat Konsulat Malaysia di Songkla, Thailand. Walaupun mendapat bantahan dan provokasi dari pihak mereka, pihak JPJ sehingga hari ini akan terus menjalankan penguatkuasaan dan tidak akan berkompromi dengan isu penyalahgunaan ICP yang melibatkan van haram dari Thailand. Adalah diharapkan inisiatif ini akan mendapat sokongan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian termasuk Yang Berhormat Kubang Pasu.

NO. SOALAN: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Datuk Wira Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) langkah meningkatkan pegangan aset Bumiputera di bandar-bandar; dan

(b) setujukah Kementerian dengan kritikan bahawa di sebalik bilangan agensi kerajaan berkaitan Bumiputera yang besar, kewujudannya masih belum berhasil meningkatkan penguasaan dan pegangan aset bumiputera di bandar-bandar.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan pegangan aset Bumiputera di bandar-bandar seperti berikut:

(i) menubuhkan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) pada tahun 2009 yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti perdagangan dan perniagaan di lokasi strategik, terutamanya di kawasan bandar. Sehingga akhir tahun 2013, PHB telah membuat pelaburan sebanyak RM3.2 bilion melalui pembelian bangunan dan projek pembangunan hartanah, antaranya seperti berikut (senarai dan nilai pelaburan PHB seperti di lampiran):

- CP Tower, Seksyen 16, Petaling Jaya, Selangor;
- Menara Prisma, Presint 3, Putrajaya;
- Menara BT, Bangsar South, Kuala Lumpur; dan
- Lot G, Sentral Kuala Lumpur.

Selain itu, PHB juga telah melancarkan Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) pada 29 November 2010 untuk berkongsi kekayaan hasil daripada pengumpulan hartanah oleh PHB dengan Bumiputera. AHB merupakan dana amanah patuh Syariah dan bersandarkan hartanah untuk membolehkan pelabur Bumiputera mengambil bahagian dalam pemilikan benefisial hartanah dengan pelaburan serendah RM500 sehingga RM400,000.00.

(ii) memperkukuhkan peranan agensi amanah Bumiputera antaranya seperti UDA Holdings Berhad, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) untuk meningkatkan pemilikan hartanah oleh Bumiputera, khususnya hartanah bernilai komersil.

(b) Usaha Kerajaan melalui agensi-agensi pelaksana seperti PHB, UDA Holdings Berhad, MARA dan PUNB telah berjaya meningkatkan pegangan dan penguasaan aset hartanah Bumiputera, termasuk di bandar-bandar. Kejayaan ini ditunjukkan berdasarkan jadual di bawah iaitu maklumat daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) bagi tempoh 2009 sehingga 2012. Data ini menunjukkan terdapat peningkatan pemilikan hartanah Bumiputera seperti berikut:

Bilangan dan Nilai Transaksi Hartanah Bumiputera
Tahun 2009 dan 2012

Jenis Bangunan	2009		2012	
	Bilangan transaksi	RM bilion	Bilangan transaksi	RM bilion
Kediaman	79,036 *(37.3%)*	11.4 *(27.2%)*	99,025 *(36.3%)*	17.7 *(26.1%)*
Komersil	2,979 *(8.94%)*	1.0 *(5.84%)*	3,224 *(7.85%)*	1.5 *(5.38%)*
Industri	199 *(2.47%)*	0.1 *(1.04%)*	237 *(2.37%)*	0.1 *(0.85%)*

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Walaupun data ini menunjukkan nilai dan bilangan transaksi hartanah Bumiputera telah meningkat, ianya masih rendah dari segi peratus berbanding nilai dan bilangan transaksi hartanah bukan Bumiputera. Justeru, usaha bagi meningkatkan pemilikan kekayaan Bumiputera akan diteruskan melalui pelaksanaan agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB).

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN HAJI AHMAD MAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB. Tuan Haji Ahmad Mazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan perancangan Kerajaan mengenai usaha-usaha yang berterusan untuk menambahbaik promosi berkaitan dengan destinasi pelancongan di Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Promosi berterusan dan penambaikan sentiasa diambil oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia bagi memastikan destinasi pelancongan alam semulajadi yang menakjubkan di Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang menjadi pilihan utama mengamit kedatangan pelancong dari dalam dan luar negeri ke Malaysia.

Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang adalah sebuah destinasi eko-pelancongan yang kaya dengan kepelbagaian bio-diversiti dan keindahan flora dan fauna yang dianggarkan berusia lebih 130 juta tahun. Pelancong yang berkunjung ke sini ditawarkan dengan banyak daya tarikan geologikal dan biologikal seperti memerhati burung (*bird watching*), meneroka laluan trek hutan (*jungle trekking*), berkenalan dengan masyarakat orang asli (suku batek), menikmati pemandangan sungai dengan menaiki sampan dari Jeti Kuala Tembeling ke Kuala Tahan, meneroka Gua Telinga, mandi di air terjun Lata Berkoh, melihat habitat Ikan Kelah dan melihat keindahan hutan hujan tropika serta haiwan mamalia yang jarang ditemui dan semakin pupus seperti harimau, tenuk, gajah, rusa, pelanduk, dan seladang di laluan kanopi.

Bagi mempromosikan Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang ini di peringkat antarabangsa dan dalam negara, Tourism Malaysia telah mengambil tindakan seperti berikut:-

(i) Mengadakan kempen pengiklanan secara global menerusi saluran televisyen satelit seperti CNN, CNBC, National Geographic dan sebagainya.

(ii) Menyalurkan maklumat dan publisiti dalam akhbar dan majalah antarabangsa seperti International Herald Tribune, Time Magazine dan Readers Digest;

(iii) Menganjurkan seminar dan *workshop* untuk para pengusaha pelancongan dan media asing di negara-negara sasaran seperti di Eropah, Amerika Syarikat, dan Australia.

(iv) Mengetuai misi perdagangan untuk sektor pelancongan dengan membawa para pengusaha pelancongan dari negeri Pahang untuk berjumpa dengan para pengusaha pelancongan asing di dalam pameran pelancongan antarabangsa seperti *International Tourism Bourse* (ITB) di Berlin, di Jerman dan *World Travel Market* (WTM) di London.

(v) Memberi sokongan kepada para pengusaha pelancongan dan syarikat-syarikat penerbangan asing dalam bentuk pengiklanan dan publisiti, untuk mereka mempromosikan pakej pelancongan ke Taman Negara;

(vi) Menganjurkan lawatan suaikenal bagi para pengusaha pelancongan asing dan media antarabangsa melalui program *Mega Fam Group* agar mereka membangunkan pakej, manakala pihak media

berpeluang menerbitkan artikel serta program TV/Radio tentang Taman Negara, Kuala Tahan di negara masing-masing.

(vii) Menerbitkan serta mengedar risalah pelancongan di dalam dan luar negara yang turut memaparkan produk-produk serta aktiviti di Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang; dan

(viii) Menyebarkan maklumat mengenai Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang kepada pelancong melalui 14 buah Pejabat Tourism Malaysia Negeri dan 22 buah Pusat Penerangan Pelancongan, melalui 44 buah Pejabat Tourism Malaysia di luar Negara serta platform media sosial.

Dengan strategi-strategi ini, Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang akan lebih dikenali di dalam negara dan peringkat antarabangsa sekaligus turut dipromosikan aktiviti-aktiviti serta produk pelancongan yang terdapat di sana.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN HAJI MOHAMAD [LIPIS]

TARIKH : 18 JUN 2014

RUJUKAN : 6903

SOALAN:

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Haji Mohamad [Lipis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada benarkah wujud dakwaan bahawa 40 orang Mubaligh Kristian dari luar negara termasuk dari Israel dibawa masuk dan meminta visa untuk tempoh selama 3 tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan kemasukan warganegara asing ke negara ini adalah terkawal.

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada permohonan daripada 40 Mubaligh Kristian dari luar negara termasuk dari Israel bagi tempoh 3 tahun diterima atau diluluskan pada tahun ini.

Soalan No : 51

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG]**
TARIKH	:	**18.6.2014**
SOALAN	:	

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina kampus tetap Institut Pendidikan Guru Malaysia yang sekarang berselerak di seluruh negara. Kalau tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) adalah merupakan "entiti pusat" kepada 27 IPG kampus yang melaksanakan program pendidikan guru pra perkhidmatan untuk latihan sekolah rendah dan dalam perkhidmatan khususnya peningkatan profesionalisme berterusan. Ke semua kampus IPG melaksanakan kurikulum pendidikan guru yang sama yang dikawal oleh Rektor IPGM. Pentadbiran dan pengurusan kampus juga di bawah kawalan IPGM. Struktur IPGM dengan 27 IPG sudah sangat mantap. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menetapkan sasaran memperkasakan 27 kampus cawangan IPGM menjelang tahun 2020.

NO. SOALAN: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada ESSCOM sejak ia ditubuhkan pada tahun 2013 secara terperinci dan juga menyatakan semua perbelanjaan yang telah digunakan di dalam maksud peruntukkan ESSCOM ini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peruntukan belanja mengurus organisasi ESSCOM bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM8 juta dan bagi tahun 2014 ialah sebanyak RM7.78 juta.

2. Butiran perbelanjaan untuk tahun 2013 adalah seperti berikut:

NO.	**BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN**	JUMLAH (RM)
1	EMOLUMEN	3,100,000.00
2	BEKALAN DAN PERKHIDMATAN	3,500,000.00
3	ASET	1,400,000.00

3. Butiran perbelanjaan untuk tahun 2014 secara terperinci adalah seperti berikut:

NO.	**BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN**	**JUMLAH (RM)**
1	EMOLUMEN	3,600,000.00
2	BEKALAN DAN PERKHIDMATAN	4,180,000.00

Sekian. Terima Kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**
KAWASAN	:	**PERMATANG PAUH**
TARIKH	:	**18.6.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**53**

YB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Permatang Pauh) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-

(a) bilakah Kementerian bersedia memuktamadkan rundingan perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) dengan Amerika Syarikat (AS), sama ada bersetuju dan menandatangani perjanjian tersebut, ataupun menolak dan menarik diri daripada rundingan; dan

(b) usaha dan langkah yang diambil bagi memastikan pemegang kepentingan (stakeholders), termasuklah rakyat Malaysia dimaklum dari semasa ke semasa berhubung rundingan yang masih dijalankan agar kepentingan rakyat tidak dicabuli tanpa disedari.

Jawapan

Tuan Yang DiPertua,

Rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) merupakan rundingan plurilateral yang melibatkan penyertaan Malaysia dengan 11 negara yang lain, iaitu Amerika Syarikat, Mexico, Canada, Peru, Chile, Singapura, Brunei Darussalam, Vietnam, Australia, New Zealand dan Jepun. Setiap negara anggota TPP mempunyai sensitivitinya yang perlu ditangani sama ada di peringkat dua hala ataupun pelbagai hala sebelum perjanjian ini dapat dimuktamadkan. Bagi Malaysia, terdapat beberapa isu seperti Syarikat Hak Milik Kerajaan, Perolehan Kerajaan, Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Pelabur - Negara, Hak Harta Intelek, Buruh, dan Alam Sekitar yang masih memerlukan rundingan lanjutan.

Mengenai persoalan berkaitan dengan bilakah Kementerian ataupun Kerajaan bersedia untuk memuktamadkan perjanjian tersebut, ingin dimaklumkan bahawa rundingan TPPA masih lagi berlangsung dan banyak lagi isu-isu yang tertunggak dan belum dipersetujui oleh semua anggota TPPA. Rundingan hanya akan muktamad sekiranya kesemua isu dipersetujui oleh semua anggota TPPA. Rundingan TPPA mengambil masa yang lebih panjang daripada yang dijangka asalnya untuk dimuktamadkan pada akhir tahun 2013 kerana TPPA amat berbeza dengan FTA yang biasa dan meliputi skop komprehensif yang melibatkan sensitiviti-sensiviti yang berbeza.

Mengenai persoalan sama ada bersetuju dan menandatangani perjanjian tersebut, ataupun menolak dan menarik diri daripada rundingan, ingin dijelaskan bahawa Malaysia akan terus berada dalam rundingan untuk memperjuangkan terma-terma Malaysia. Apabila dimuktamadkan nanti, perjanjian tersebut akan diangkat untuk perbahasan di peringkat Parlimen.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan tidak pernah terhenti daripada mencapai kepada semua lapisan masyarakat khususnya dengan pihak-pihak yang berkepentingan, kerajaan negeri, NGO, wakil industri dan perniagaan serta pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi untuk memaklumkan perkembangan terkini rundingan dan memperoleh maklum balas. Pada tahun 2013, sebanyak 56 sesi perjumpaan dan engagement dalam pelbagai bentuk telah diadakan untuk menerangkan dan mendapatkan input dan pandangan rakyat mengenai rundingan TPPA. Pada tahun 2014, sehingga bulan Mei, sebanyak 16 sesi engagement ataupun konsultasi juga telah dilaksanakan. Selain itu, pasukan perunding juga mengadakan konsultasi khusus mengenai isu-isu yang dirundingkan dengan *stakeholders* yang berkanaan.

Sebagai langkah akauntabiliti, Kerajaan pada Jun 2013 juga telah menubuhkan sebuah TPP Caucus Dewan Rakyat secara bipartisan yang juga telah banyak menyumbangkan input dan pandangan yang amat berguna kepada pasukan perunding Malaysia. Kerajaan merakamkan ribuan terima kasih ke atas sokongan semua Ahli TPP Caucus yang terlibat. Susulan daripada itu, TPP Caucus juga

ditubuhkan di Dewan Negara secara bipartisan. Mereka telah mengadakan perjumpaan yang pertama pada 15 Mei 2014 bersama YB Menteri MITI untuk mendapatkan maklumat mengenai TPP.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan ingin menegaskan bahawa TPP merupakan usaha seluruh negara dan amat memerlukan sokongan padu rakyat. Justeru, kerajaan akan terus meningkatkan akses dengan pihak-pihak berkepentingan secara berterusan bagi memastikan sensitiviti dan kepentingan semua pihak diambil kira.

NO. SOALAN : 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [KUBANG KERIAN]

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mencapai keuntungan lebih daripada RM4 bilion pada tahun 2013. Sudah tentu TNB dapat menyediakan kemudahan bekalan elektrik yang lebih baik kepada masyarakat. Kenapa masih lagi terdapat masalah terputus bekalan elektrik yang sangat kerap di negara ini khususnya dalam Parlimen Kubang Kerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Indeks prestasi tempoh gangguan bekalan elektrik atau *System Average Interruption Duration Index (*SAIDI), dengan izin, di Kawasan Kota Bharu yang meliputi Parlimen Kubang Kerian pada tahun 2013 ialah 65.69 minit/pengguna setahun, di mana ia agak sedikit tinggi berbanding prestasi SAIDI keseluruhan di Semenanjung Malaysia pada tahun 2013 iaitu 60.35 minit/pengguna setahun. Walau bagaimanapun, ia tidak jauh berbeza jika dibandingkan dengan prestasi SAIDI di beberapa negara maju lain seperti Australia (62.7 minit/pengguna/tahun) dan New Zealand (62 minit/pengguna/tahun).

2. Berdasarkan semakan Kementerian terhadap kejadian gangguan bekalan elektrik di kawasan Parlimen Kubang Kerian bagi tempoh September 2013 hingga Mei 2014, didapati bahawa terdapat 10 kes melibatkan kerosakan sistem voltan 11kV dan 325 kes kerosakan voltan rendah yang hanya melibatkan sebilangan kecil pengguna. Kejadian kerosakan tersebut disebabkan oleh peningkatan penggunaan tenaga

elektrik dengan adanya Pembangunan Bandar Baru Satelit Islam Pasir Tumboh dan juga berpunca daripada kerja-kerja pengorekan tanah oleh pemaju di kawasan tersebut yang menyebabkan kerosakan kepada kabel bawah tanah TNB.

3. Bagi memperkukuhkan sistem bekalan elektrik di kawasan Parlimen Kubang Kerian, sebuah Pencawang Pembahagian Utama (PPU), iaitu PPU Tunjung dengan kos sebanyak RM 16.9 juta telah dimulatugas pada 18 April 2014. Sebagai kesinambungannya, 6 buah projek lagi untuk memperkukuhkan sistem bekalan elektrik yang bernilai RM2.8 juta sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2014.

4. Di samping itu, bagi memastikan keutuhan pepasangan dan sistem bekalan elektrik di kawasan tersebut, senggaraan *Condition Based Monitoring* (CBM), dengan izin, terhadap kabel serta pepasangan alatsuis sentiasa dilaksanakan secara berkala bagi memastikan ianya dalam keadaan yang baik. Melalui perancangan dan pelaksanaan projek-projek ini, sistem pembekalan elektrik di Kawasan Kota Bharu, khususnya kawasan Parlimen Kubang Kerian akan lebih kukuh, berdaya harap dan seterusnya meningkatkan tahap kepuasan pengguna.

****

SOALAN NO: 55

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Puan Mas Ermieyati binti Samsudin**
[Masjid Tanah]

TARIKH : **18 Jun 2014 (Rabu)**

SOALAN : **Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

(a) Apakah fokus utama D'Agri Expo 2014 dibawah FAMA serta sejauh manakah matlamatnya dapat dicapai; dan

(b) Sejauh manakah D'Agri Expo yang bakal dijadikan acara tahunan FAMA dapat membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dari industri perikanan secara khususnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Ekspo D'AGRI 2014 ini merupakan Ekspo Pertanian yang memfokuskan perdagangan dan pengguna dengan matlamat berikut;

- menawarkan peluang-peluang perniagaan dan keusahawanan kepada mereka yang berminat dalam sektor pertanian;
- mewujudkan satu pusat sehenti untuk memudahkan pemadanan perniagaan diantara usahawan agrotani dengan pemborong dan pasar raya besar serantau;
- memberi ruang kepada pengusaha agromakanan untuk memperkenalkan produk mereka bagi tujuan menguji citarasa pengguna dan memantau sambutan orang ramai;

- menyedarkan serta menarik minat pengguna terhadap beraneka jenis produk pertanian dan agro makanan yang terdapat dipasaran, sebagai pilihan alternatif dengan harga yang lebih berpatutan untuk keperluan harian orang ramai;
- membantu dalam menjalin hubungan perniagaan di kalangan usahawan dan mengwujudkan satu platform di mana semua peserta dapat berkerjasama dan berkongsi idea untuk memajukan perniagaan masing-masing;
- Menonjolkan sektor Agro Pelancongan sebagai nilai tambah kepada pembangunan pelancongan dalam sektor pertanian.

Ekspo D'AGRI 2014 adalah salah satu usaha untuk mengembalikan minat orang ramai terhadap Industri Asas Tani dan memantapkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sektor agromakanan. Seramai 250 orang peserta telah terlibat dalam ekspo ini dan dikunjungi oleh 50,000 pengunjung. Nilai jualan yang direkodkan adalah sebanyak RM3juta dan pemadanan perniagaan dianggarkan bernilai RM25juta manakala sebanyak 10,000 pertanyaan perdagangan diterima semasa D'Agri Ekspo berlangsung. Lanjutan itu, ekspo ini pada keseluruhannya telah mencapai objektif yang ditetapkan dan akan dianjurkan sebagai acara tahunan. Ini akan memastikan bahawa tumpuan berterusan diberikan kepada pekebun-pekebun dan PKS untuk menjual produk mereka secara langsung kepada orang ramai yang mengunjungi ekspo tersebut.

NO SOALAN : 58

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN (SIK)**
TARIKH	:	**18.6.2014 (RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah kesan yang jelas memberi manfaat kepada negara hasil *ASEAN Defence Senior Official Meeting* di Myanmar baru-baru ini. Apakah peranan Malaysia dalam mesyuarat tersebut dan adakah apa-apa perjanjian usahasama dilaksanakan hasil daripada mesyuarat tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat *ASEAN Defence Senior Officials' Meeting* (ADSOM) telah diadakan pada 28 hingga 30 April 2014 di Myanmar. Malaysia diketuai oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan dengan diiringi oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan. Mesyuarat tersebut telah membincangkan kemajuan aktiviti-aktiviti pertahanan ASEAN, isu-isu keselamatan dan pertahanan serantau dan antarabangsa.

Mesyuarat ini adalah platform bagi pegawai-pegawai kanan ASEAN untuk mengukuhkan persahabatan sesama anggota bagi tujuan "*confidence building*". Ini adalah penting dalam memastikan negara-negara ASEAN akan sentiasa bersama-sama kita dalam menangani sebarang krisis atau masalah, sebagaimana insiden MH370 di mana kesemua negara ASEAN telah menghulurkan bantuan tanpa kita memohon.

Mesyuarat tersebut juga perlu bagi mengukuhkan *ASEAN Centrality*, dengan izin, bagi membuktikan kepentingan ASEAN sebagai satu pertubuhan dianggotai negara-negara yang sentiasa bekerjasama dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Pertemuan dengan Pegawai-pegawai Kanan Pertahanan ASEAN juga adalah penting bagi menjalin hubungan yang lebih rapat bagi mendapat sokongan apabila Malaysia menjadi pengerusi ASEAN pada tahun 2015. Memandangkan ADSOM ialah forum perbincangan yang bersifat strategik dan dasar, tiada perjanjian usahasama dilaksanakan sebaliknya rangka kerja tiga tahun ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM) telah dibentangkan untuk jangka waktu 2014-2017.

Soalan No : 56

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG (ALOR SETAR)

TARIKH : 18.6.2014

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [ALOR SETAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah alasan yang diberikan oleh Universiti Antarabangsa Albukhary bagi keputusan awalnya untuk menutup operasi, dan sama ada universiti tersebut dalam pelaksanaan operasinya, pernah gagal memenuhi kehendak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1966.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

University Al-Bukhary (AIU) merupakan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang ditubuhkan pada 5 April 2006 di bawah peruntukan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]. Oleh sebab penubuhan AIU mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Akta 555, semestinya bagi tujuan pemberhentian operasinya perlu dan hendaklah mengikut kaedah yang telah ditetapkan oleh Akta 555 – iaitu seperti yang dinyatakan pada Seksyen 59, 60 dan 61 Akta berkenaan.

Keputusan awal Universiti Antarabangsa Al Bukhary untuk menutup operasi adalah bagi menukar '*Business model*' institusi yang berkonsepkan 100% wakaf (tidak berasaskan keuntungan) iaitu '*Full Sponsorship Model – Free Education*' di mana pelajar diberi penajaan penuh meliputi yuran pengajian,yuran penginapan dan kos sara hidup.

Sehubungan itu, Universiti Antarabangsa Albukhary tidak pernah gagal dalam memenuhi keperluan penilaian Akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Sepanjang pelaksanaan operasi Universiti Antarabangsa Al Bukhary, institusi terbabit tidak mencatatkan sebarang rekod pelanggaran Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).

Walau bagaimanapun, demi menjaga kebajikan semua pihak khususnya pelajar dan kakitangan IPTS, Akta 555 telah mensyaratkan bahawa untuk notis pemakluman pemberhentian operasi sesebuah IPTS hendaklah disampaikan kepada Ketua Pendaftar IPTS sekurang-kurangnya 12 bulan sebelum pemberhentian operasi dilakukan. Akta 555 juga meletakkan syarat bahawa rancangan penempatan semula pelajar ke Institusi yang lain perlu dimaklumkan kepada Ketua Pendaftar IPTS sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum penutupan/pemberhentian operasi IPTS. Oleh yang demikian, disebabkan AIU tidak dapat memenuhi perkara-perkara ini, maka mereka perlu meneruskan operasinya seperti biasa dan Kementerian Pendidikan Malaysia tidak pernah meluluskan permohonan penutupan Universiti Antarabangsa Albukhary (*Albukhary International University*).

Rjm105

SOALAN NO: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 18 JUN 2014

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dengan memperkenalkan kola (COLA) sebagai pendapatan tambahan terhadap seluruh pekerja swasta di negara ini.

PR-1322-L61517

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, cadangan pemberian elaun kos sara hidup (COLA) bagi pekerja sektor swasta adalah tertakluk kepada budi bicara majikan masing-masing. Kerajaan tidak mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk mewajibkan majikan membayar COLA atau elaun-elaun seumpamanya kepada pekerja mereka.

2. Walaubagaimanapun, Kementerian sentiasa menggalakkan perbincangan konstruktif antara pekerja dan majikan bagi mendapatkan terma-terma penggajian terbaik yang dipersetujui secara bersama oleh kedua-dua pihak melalui perundingan bersama (*collective bargaining*) antara kesatuan sekerja dan majikan sebagaimana yang diperuntukan dalam Seksyen 13, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177). Manakala bagi pekerja yang tidak diwakili oleh kesatuan sekerja, perkara ini boleh dibincangkan dalam Jawatankuasa Perundingan Bersama (*Joint Consultative Committee*) antara majikan dan pekerja.

NO. SOALAN: 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK KOH NAI WONG
[ALOR GAJAH]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN

Datuk Koh Nai Wong [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan oleh S.P.A.D. berkenaan lesen teksi yang diberi kepada konsesi tetapi tidak aktif serta adakah SP.A.D. akan beri lesen teksi terus kepada pemandu teksi dan bukannya pemegang konsesi sedangkan kos yang ditanggung oleh pemandu teksi adalah sama malah lebih.

JAWAPAN: **YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) tahun 2010, tiada sebarang lesen teksi bajet baru dikeluarkan, sama ada kepada individu mahupun syarikat. Ini kerana S.P.A.D. tidak mahu bilangan bekalan (*supply*) teksi melebihi permintaan (*demand*) yang sedia ada bagi memastikan pendapatan pemandu teksi tidak akan terjejas.

2. Walaubagaimanapun, semasa pelancaran Teksi 1Malaysia (TEKS1M) pada tahun lalu, sebanyak 1,000 lesen teksi baru telah dikeluarkan kepada pemilik individu yang layak.

3. 1,000 lesen ini bukanlah tambahan kepada bilangan permit teksi sedia ada tetapi merupakan lesen-lesen yang tidak aktif yang dipulangkan oleh pengusaha-pengusaha syarikat teksi kepada S.P.A.D. untuk menyokong program tersebut.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN NOGEH ANAK GUMBEK [MAS GADING]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	

Tuan Nogeh anak Gumbek minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan menyatakan adakah terdapat rancangan untuk membuka Klinik 1Malaysia di Pekan Bau.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga kini, terdapat 25 buah Klinik 1Malaysia (K1M) di negeri Sarawak dan pada tahun 2014, sebanyak 7 lagi K1M akan ditubuhkan di Sarawak. Setakat ini, masih belum ada perancangan untuk membina K1M di Pekan Bau namun, cadangan Yang Berhormat boleh dipertimbangkan sekiranya terdapat keperluan setempat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' JOHARI BIN ABDUL**
[SUNGAI PETANI - PAS]

TARIKH : **18 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN (NO. 60)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

(a) kos Sambutan Hari Belia Negara 2014 di Putrajaya dari 22 hingga 25 Mei 2014 dan kesemua kos sambutan di peringkat Daerah juga kos Festival Belia Putrajaya; dan

(b) keberkesanan Sambutan Hari Belia Negara yang diadakan setiap tahun, dari segi memperkasakan generasi muda dari sudut moral dan daya saing.

JAWAPAN (a)

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan sambutan Festival Belia Putrajaya adalah berjumlah RM10 juta sahaja.

JAWAPAN (b)

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian tidak pernah gagal dalam meraikan sambutan Hari Belia Negara sejak tahun 1964 (sempena penubuhan kementerian Belia dan Sukan (KBS). Kejayaan negara dalam meraikan sambutan Hari Belia Negara setiap tahun membuktikan betapa tingginya pengiktirafan kerajaan kepada generasi belia Malaysia.

2. Merujuk kepada pelaporan yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan melalui kajian Impak dan keberkesanan Hari Belia Negara bagi tahun 2011 sehingga 2013 menunjukkan peratusan yang tinggi bagi aspek penganjuran, hiburan, pendidikan, informatif serta kesukanan. Secara keseluruhannya, perayaan dan sambutan Hari Belia Negara telah menjadi platform bagi generasi muda bagi mempamerkan dan menunjukkan pelbagai kebolehan, kreativiti, sifat daya saing yang

tinggi dalam pelbagai bidang kehidupan melalui aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun ini, pihak kementerian telah melakukan pembaharuan dari segi format pelaksanaan Hari Belia Negara dengan mengambil kira pelaksanaannya di peringkat akar umbi iaitu melibatkan pelaksanaan di peringkat daerah, negeri dan seterusnya peringkat kebangsaan di Putrajaya bagi memastikan penjenamaan dan festival ini dapat dirasai di peringkat akar umbi. Pendekatan ini dilihat dapat merakyatkan dan mengakar-umbi lagi Hari Belia Negara dengan tema "Dari Belia Untuk Belia".

4. Selain itu, pelaksanaan aktiviti pada tahun ini memberikan penekanan khususnya dalam aspek kerohanian dan modal insan melalui aktiviti seperti pertandingan tilawah Al-Quran, nasyid, kompang formasi yang menjadi acara pembukaan bagi setiap aktiviti di peringkat daerah dan negeri. Bagi pembuka tirai Festival Belia Putrajaya 2014, kementerian buat pertama kalinya melaksanakan Program Belia Berselawat dengan menjemput para belia berkumpul dan berselawat bersama. Program ini telah berjaya menarik minat ribuan belia untuk berhimpun dan berselawat. Pihak kerajaan yakin dengan aktiviti seperti ini dilihat sebagai satu kaedah yang tepat dalam memperkasakan aspek kerohanian belia di negara ini dengan menampilkan aktiviti berteraskan elemen keagamaan dan suntikan kerohanian.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.06.2014**

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu pembeli-pembeli projek-projek perumahan yang terbengkalai menghadapi kebankrapan daripada pinjaman bank.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, institusi perbankan memahami kesulitan yang

dihadapi oleh peminjam bagi projek perumahan terbengkalai dan peminjam yang menghadapi kesukaran untuk membayar balik pinjaman boleh berbincang dengan pihak bank bagi mencari jalan penyelesaian. Sebagai langkah awal, peminjam digalakkan berunding dengan institusi perbankan yang berkenaan untuk merangka cadangan penyusunan semula atau pembayaran balik pinjaman yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

2. Institusi perbankan akan memberi pertimbangan ke atas kelonggaran pembayaran balik pinjaman bagi pembeli-pembeli rumah yang projek perumahannya terbengkalai. Pertimbangan tersebut termasuk pengecualian atau penangguhan bayaran faedah pinjaman, penangguhan atau kelonggaran dalam pembayaran balik pinjaman perumahan sehingga projek perumahan selesai dipulihkan serta penangguhan tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas pembeli.

3. Sekiranya rundingan ini gagal, peminjam boleh merujuk kes masing-masing kepada Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) atau Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mendapatkan bantuan. AKPK akan

memberikan bantuan secara percuma kepada peminjam individu bagi menyusun semula hutang berkaitan dengan pinjaman perumahan, sewa beli, kad kredit, kad caj dan pinjaman peribadi yang diperoleh daripada institusi kewangan. Dalam kebanyakan kes, AKPK akan menjadi pengantara bagi institusi kewangan yang terlibat dalam pemberian pinjaman kepada peminjam individu tersebut. Peminjam boleh berhubung dengan mana-mana cawangan AKPK di seluruh negara.

4. Institusi perbankan juga adalah dikehendaki menyediakan unit atau pegawai khas sebagai "rujukan setempat" (single reference point) bagi memudahkan komunikasi pihak terbabit dalam isu berkaitan projek perumahan terbengkalai yang telah dikenal pasti. Rujukan setempat ini juga akan dimaklumkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dari semasa ke semasa tentang kedudukan projek-projek lewat, bermasalah dan terbengkalai serta cadangan KPKT untuk menangani projek-projek berkenaan. Maklumat sedemikian penting bagi memudahkan institusi perbankan dalam mempertimbangkan sebarang pinjaman tambahan untuk memulihkan projek terbengkalai yang dianggap berdaya maju dan

seterusnya mempertimbangkan rayuan oleh pembeli-pembeli terbabit dalam pembayaran balik pinjaman masing-masing.

NO. SOALAN: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
RUJUKAN	:	**6904**

SOALAN:

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan seterusnya untuk Pekerja Asing Tanpa Izin yang diserapkan ('diputihkan') di bawah program 6P dan sekarang telah/akan tamat tempoh permit pekerjaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan Program Penyelesaian Menyeluruh *(Total Package Solution)* atau Program 6P secara *'one-off'* pada tahun 2011. Program 6P merupakan satu agenda negara yang melibatkan semua peringkat di mana pendekatan yang komprehensif dan holistik digunakan bagi merealisasikan *'national agenda'* ini. Program 6P ini melibatkan enam (6) aktiviti atau proses iaitu Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran.

Matlamat utama pelaksanaan Program 6P adalah untuk mendapatkan rekod jumlah PATI di dalam negara. Maklumat ini boleh membantu Kerajaan untuk merangka program dan aktiviti bagi membanteras aktiviti pemerdagangan manusia serta jenayah rentas sempadan (*transnational crimes*). Program ini juga adalah selaras dengan hasrat Kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Proses kedua di bawah Program 6P iaitu Proses Pemutihan PATI dilaksanakan bertujuan untuk memastikan PATI yang berdaftar semasa Proses Pendaftaran, Program 6P diputihkan dan dibenarkan bekerja secara sah di Malaysia bagi tempoh 3 tahun bagi sektor yang dibenarkan dan dua (2) tahun bagi sektor beku dan luar dasar.

Usaha ini adalah bagi memastikan PATI yang bekerja secara tidak sah selama ini diberikan status pekerja yang sah berdasarkan keperluan gunatenaga. Selain itu, ia bertujuan untuk memberi ruang kepada majikan merancang pelan penggajian pekerja mereka dan juga persediaan bagi PATI untuk pulang ke negara asal setelah tamat tempoh penggajian di bawah Program 6P dan Program Khas Pengurusan PATI (PKPP).

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk meneruskan tempoh penggajian pekerja asing yang diputihkan di bawah Program 6P dan juga PKPP. Sehubungan ini, majikan yang menggaji pekerja asing yang diputihkan melalui Program 6P dan PKPP adalah bertanggungjawab untuk menghantar pulang pekerja setelah tamat tempoh penggajian ang dibenarkan di bawah Program 6P dan PKPP.

NO. SOALAN: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap keselamatan pantai-pantai Negara kita terutamanya persisiran pantai Sabah berikutan mudahnya kejadian penculikan demi penculikan berlaku di sana melibatkan warga asing.

JAWAPAN: <u>YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,</u>
<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>

Tuan Yang di-Pertua,

1. Langkah-langkah yang telah diambil melalui ESSCOM dan agensi-agensi penguatkuasaan, keselamatan dan pertahanan untuk memastikan tahap keselamatan di Pantai Timur Sabah berada di dalam keadaan yang terkawal adalah seperti berikut:

i) Penambahan dan penggantian aset maritim kepada Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pertambahan aset-aset ini akan dapat meningkatkan kehadiran dan rondaan aset maritim di kawasan perairan yang menjadi potensi ancaman;

i) Pembahagian sektor rondaan pelbagai agensi di laut bagi menambahkan keberkesanan pengawasan;

ii) Response team/komuniti *policing* mengikut sektor di antara PDRM, ATM dan APMM;

iii) Peningkatan atur gerak trup dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan PGA di daratan;

iv) Penambahbaikan/peningkatan pos-pos keselamatan;

v) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 Nov 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa.;

vi) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;

vii) Pewujudan 5 balai polis baru dan 3 balai polis yang sedia ada di naik taraf;

viii) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;

ix) *Engagement* dengan semua *stakeholders* di ESSZONE;

x) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan

xi) Melaksanakan pendaftaran awal *"Pump Boat"* bagi tujuan pengawalan.

2. Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS;

ii) Penguatkuasaan *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah; dan

iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.

3. Adalah diyakini dengan langkah-langkah yang telah dan akan diambil di atas akan dapat mempertingkatkan lagi tahap keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah.

Sekian. Terima Kasih.

Soalan No : 65

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH]**

TARIKH : **18.6.2014**

SOALAN :

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru dan kakitangan sekolah yang telah diberhentikan berserta sebab dari tahun 2010 hingga 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Data guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah diberhentikan dari tahun 2010 sehingga 2013 disebabkan dengan pelbagai jenis kesalahan adalah seramai 593 orang.

Rjm106

SOALAN NO :66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**
TARIKH	**:**	**18 JUN 2014**
SOALAN	**:**	

YB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan tahunan sejak 2008, graduan perubatan, kekosongan pekerjaan di hospital dan klinik Kerajaan serta bangunan hospital dan klinik Kerajaan baru dibina di setiap negeri dan di Malaysia secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2013, terdapat seramai 9,972 orang Pegawai Perubatan Siswazah sedang mengikuti latihan houseman di hospital KKM dan Hospital Universiti. Bilangan lantikan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah PPS
2008	2,326
2009	3,058
2010	3,252
2011	3,564
2012	3,743
2013	4,991

Tuan Yang di-Pertua,

Dari tahun 2008 - 2013,sebanyak 5 buah hospital baru telah disiapkan serta 3 buah hospital gentian dan 3 buah institusi (Hospital Permai, Hospital Rehabilitasi Cheras dan Institut Kanser Negara). Manakala untuk klinik kesihatan pula, dari tahun 2008 – 2013, sebanyak 132 buah klinik kesihatan baru disiapkan.

NO. SOALAN : 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN SIM TONG HIM**
		[KOTA MELAKA]
TARIKH	:	**18.06.2014 (RABU)**

TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-

(a) bilangan Kedai Rakyat Satu Malaysia yang masih beroperasi sehingga bulan April 2014; dan

(b) jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada projek ini dan bilangan kedai yang tidak dapat meneruskan perniagaan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kedai Rakyat 1Malaysia atau KR1M berkonsepkan kedai serbaneka yang menyediakan **pelbagai barangan keperluan isi rumah** berjenama **1Malaysia Kedai Rakyat (1MKR)** dan **harga yang ditawarkan** adalah **sehingga 50% lebih rendah berbanding dengan jenama terkenal** dan kualiti tetap diutamakan. Pelaksanaan

program KR1M ini adalah merupakan gerakan nasional bagi menangani kos sara hidup dan pada masa yang sama mengekang kenaikan harga barang di pasaran. Kerajaan menetapkan sasaran sekurang-kurang sebuah KR1M bagi setiap kawasan Parlimen. Sehingga 29 Mei 2014, sebanyak 131 buah KR1M di sebanyak 118 kawasan Parlimen telah dibuka dan masih beroperasi di seluruh negara. Sehingga kini, sebanyak RM46,284,437.09 telah dibelanjakan bagi mewujudkan KR1M tersebut di seluruh negara di mana Kerajaan hanya menampung kos pengubahsuaian & menaik taraf kedai (CAPEX) bagi premis KR1M sahaja.

NO. SOALAN: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pembinaan laluan baru kereta api dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu melalui Pantai Timur Semenanjung akan dimulakan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur mengenal pasti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sebagai salah satu projek infrastruktur penting bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Projek ini akan menjadi pemangkin mempercepatkan pembangunan industri di ECER yang merangkumi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor.

Status projek pada masa ini ialah ia masih di peringkat kajian daya maju (viability).

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	

YB Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah Doktor Pelatih di hospital-hospital KKM dan Universiti dan jumlah Doktor Pakar di hospital KKM dan Universiti yang terlibat didalam memberi latihan. Berapakah jumlah Doktor Pelatih yang tidak melengkapkan latihan mereka 5 tahun terakhir ini dan apakah faktor yang menjadi penyebabnya

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan satu soalan lain yang menyentuh isu berkaitan doktor pelatih iaitu pertanyaan daripada YB Bukit Gantang bertarikh 19 Jun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 April 2014, terdapat 9,759 orang doktor pelatih di seluruh Malaysia yang sedang menjalani latihan siswazah di mana seramai 9,318 orang doktor pelatih telah ditempatkan di 39 buah Hospital Latihan Siswazah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) manakala 441 doktor pelatih telah ditempatkan di 3 buah Hospital Universiti di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Secara amnya, seorang doktor pakar boleh menyelia 5 orang doktor pelatih dan penyeliaan adalah turut dibantu oleh pegawai perubatan *senior.* Sehingga 31 Januari 2014, terdapat 3,844 orang doktor pakar di Hospital-hospital KKM. Adalah dianggarkan bahawa jumlah doktor pakar di Hospital-hospital Universiti adalah seramai 1,400 orang.

KKM sentiasa mengemas kini dan memantau Program Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) supaya dapat melahirkan tenaga doktor yang menetapi kualiti yang ditetapkan. Mengikut perangkaan oleh Majlis Perubatan Malaysia, 95 peratus daripada PPS yang berada di posting ke lima telah berjaya menjalankan latihan dan diberi Perakuan Pendaftaran Penuh. Antara faktor penyebab Doktor Pelatih tidak berjaya melengkapkan latihan mereka adalah kerana pengambilan cuti yang panjang atas pelbagai sebab, ketidakhadiran tanpa cuti yang berkelulusan, tempoh latihan dilanjutkan atas pelbagai sebab dan sebagainya.

NO. SOALAN: 71

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 18 Jun 2014

SOALAN :

Dato' Sri Abdul Hadi Bin Awang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada satu perancangan oleh Kerajaan untuk melaksanakan kempen penerangan kepada rakyat Malaysia yang beragama Islam dan bukan Islam ke arah memberi kefahaman sebenar tentang hukum-hukum Jenayah Islam sebagaimana bersungguh-sungguhnya Kerajaan kempen penerangan GST.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa dari semasa ke semasa bekerjasama dengan pihak berkuasa agama negeri untuk memberi kefahaman berkaitan dengan ajaran Islam secara umum kepada rakyat Malaysia termasuklah hukum-

hukum jenayah syariah. Berdasarkan kepada peruntukan dalam **Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan** orang bukan Islam di negara ini tidak tertakluk kepada perundangan Syariah yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri. Oleh itu, penerangan berkaitan hukum-hukum jenayah Syariah tertumpu kepada umat Islam di negara ini.

Di peringkat Persekutuan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi penyelaras yang menjadi rujukan bagi hal ehwal Islam, bukan sahaja bertanggungjawab untuk menerangkan kepada masyarakat umum tentang undang-undang jenayah syariah di Malaysia, malah termasuk juga apa-apa perkara yang berkaitan dengan Islam seperti isu halal dan kefatwaan. Selain daripada penggunaan media cetak dan media eletronik, JAKIM turut mengadakan seminar-seminar berkaitan jenayah syariah yang memberi pemahaman kepada masyarakat awam tentang undang-undang jenayah Syariah yang sedang berkuatkuasa pada ketika ini. Pada 16 Disember 2013 yang lalu, JAKIM telah menganjurkan Seminar Pencegahan Jenayah Syariah sekaligus melancarkan **Dasar dan Pelan Pencegahan Jenayah Syariah Malaysia** yang mensasarkan penglibatan agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta masyarakat umum ke arah mewujudkan ummah bebas jenayah Syariah.

Selain daripada usaha bagi menggalakkan pelaksanaan prinsip amar makruf dan nahi mungkar secara bersepadu, objektik utama Dasar dan Pelan Pencegahan Jenayah Syariah ini adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk menyumbang ke arah melahirkan ***khaira ummah*** yang bebas jenayah syariah. Pelan ini mengandungi 4 fasa yang bermula pada tahun 2014 hingga fasa terakhir

pada tahun 2020. Pelaksanaan pelan ini menekankan kepada 7 teras strategik berikut, iaitu:

i. peningkatan penghayatan agama;
ii. penyelidikan terencana;
iii. penyelarasan maklumat jenayah syariah;
iv. pemerkasaan pendidikan;
v. pemantapan institusi keluarga;
vi. pengukuhan undang-undang; dan
vii. kolaborasi strategik inter-agensi

Pelan ini dibangunkan sebagai menyambut pelaksanaan **Dasar Sosial Negara** (DSN) yang merupakan pelan pembangunan sosial berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat di negara ini.

Walau bagaimana pun, penjelasan kepada masyarakat bukan Islam dilaksanakan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang ditubuhkan untuk memberi kefahaman Islam yang tepat melalui pelbagai program dan aktiviti seperti penyelidikan, seminar, bengkel, forum, perundingan, latihan dan penerbitan. Salah satu bidang yang diberi tumpuan oleh IKIM adalah aspek perundangan Islam di Malaysia. Manakala kumpulan sasar bagi program-program yang telah di atur oleh IKIM melibatkan pelbagai pihak termasuk dari kalangan orang Islam dan bukan Islam. Disamping itu, badan-badan lain juga turut memainkan peranan tersebut, seperti Majlis Dakwah Negara (MDN), Yayasan Dakwah

Islamiah Malaysia (YADIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) Islam yang lain. Dimana pewujudan badan-badan seumpama ini adalah bertujuan untuk memberi kefahaman Islam yang tepat termasuk undang-undang jenayah syariah kepada masyarakat umum melalui pelbagai program dan aktiviti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan pada 29 Mei 2014 secara terbuka kepada orang awam sempena Program Dakwah Negara 2014. Tujuan utama Muzakarah ini adalah untuk mencetuskan perbincangan secara konstruktif dan objektif berteraskan ilmu dan fakta mengenai perlaksanaan Hudud di Malaysia yang melibatkan para ulama, cendekiawan, wakil parti-parti politik dan pemimpin masyarakat. Program seperti ini sedikit sebanyak dapat menzahirkan perspektif yang lebih jernih dan luhur mengenai hukum hudud di samping memberikan kefahaman secara tuntas mengenai pelbagai faktor yang perlu diambil kira dalam melaksanakan hukum hudud di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 72

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara terperinci jumlah kos pemberian netbook 1Malaysia yang akan diberi kepada 400,000 guru, serta jenama komputer dan pembekalnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kos keseluruhan pemberian Netbook 1Malaysia dianggarkan sebanyak RM400 Juta. Pembelian Netbook ini dikendalikan oleh Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan menggunakan dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (*Universal Service Provision* "USP") dan proses pemberian akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

Sebanyak 48 pembekal telah dilantik oleh kementerian bagi membekal Netbook 1Malaysia kepada 400 ribu guru. Antara jenama netbook yang akan diagihkan adalah seperti berikut:

1. Lenovo
2. Samsung
3. Asus
4. Acer
5. HP

SOALAN NO: 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan Akujanji Penjawat Awam dalam konteks perlembagaan

(a) apakah ianya sah untuk diguna pakai dan diteruskan, jika ya; dan

(b) nyatakan justifikasi dan pautan perundangan yang berkaitan.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan supaya setiap pegawai awam diwajibkan menandatangani Surat Aku Janji. Tujuannya ialah untuk menimbulkan kesedaran di kalangan mereka akan betapa pentingnya melaksanakan tugas dengan setia, jujur, bertanggungjawab, berdedikasi dan profesional. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan melahirkan perkhidmatan awam yang cekap dan berwibawa supaya Malaysia terus maju dalam suasana yang aman dan harmoni.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2001: Penguatkuasaan Surat Aku Janji Untuk Pegawai Awam telah menguatkuasakan penandatanganan Surat Aku Janji bermula 1 Januari 2002.

Dalam konteks keabsahan Surat Aku Janji dari sudut perlembagaan dan perundangan, keperluan memberi dan mematuhi Aku Janji ada dinyatakan dalam peraturan 3B.(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993]. Punca kuasa kepada peraturan ini pula adalah dari Fasal (2) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan.

Selain daripada itu, Surat Aku Janji ini diperlukan sebagai salah satu syarat pelantikan. Perkara ini ada dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A)1/2012] yang punca kuasanya adalah daripada Fasal (2) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan. Peraturan 20.(3) P.U.(A)1/2012 menyatakan bakal penjawat awam hendaklah menandatangani Surat Aku Janji sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bahawa dia akan mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993], Perintah-Perintah Am, pekeliling, surat pekeliling, peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatannya dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Aku Janji ini tidak sewajarnya dianggap sebagai satu kongkongan kepada penjawat awam. Ia merupakan satu kaedah untuk menzahirkan perasaan taat setia penjawat awam kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong selaku Ketua Negara sebagai seorang penjawat awam yang beretika dan berintegriti tinggi. Selain itu, kandungan Aku janji yang dibuat sejajar dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, bertujuan untuk menjadi peringatan kepada setiap penjawat awam agar sentiasa berkhidmat kepada negara dengan setia, amanah dan patuh kepada peraturan-peraturan yang menjadi nadi kepada penyampaian perkhidmatan awam

yang berkesan, sepertimana yang diharapkan oleh Kerajaan dan rakyat.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB**
		[MACHANG]
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

(a) berapakah nisbah antara doktor dan jururawat di Malaysia dan juga nisbah antara jururawat dan pesakit di Malaysia. Adakah bilangan itu mencukupi dan bertepatan dengan cadangan daripada WHO; dan

(b) apakah program yang telah, sedang dan bakal dilakukan oleh Kementerian untuk meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan jururawat terutama jururawat desa.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2013, nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk di Malaysia adalah 1:620 dan nisbah Jururawat kepada penduduk di Malaysia adalah 1:333. Nisbah tersebut masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan selaras dengan nisbah bagi Negara maju iaitu 1:400 bagi Pegawai Perubatan dan Jururawat 1:200.

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat pelbagai program dan aktiviti yang telah, sedang dan bakal dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan jururawat terutama jururawat desa. Antaranya adalah seperti berikut:

(1) Membuat pemantauan dan penyeliaan di lapangan secara berjadual atau secara mengejut di fasiliti kesihatan KKM di mana jururawat ditempatkan. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan akan dibuat dengan kadar segera bagi memastikan jururawat melaksanakan tugas mereka mengikut piawaian yang ditetapkan;

(2) Bahagian Kejururawatan sentiasa memantau perlaksanaan audit kejururawatan secara berkala atas jururawat yang bertugas di hospital dan komuniti bagi memastikan pencapaian tahap kualiti perawatan yang ditetapkan seperti dalam Standard Operating Procedure (SOP) atau garispanduan pengendalian kes;

(3)Mengukuhkan program mentoring atas semua jururawat baru dan juga jururawat yang bertukar masuk bagi memastikan mereka dapat menyesuaikan diri, mematuhi polisi dan peraturan yang ditetapkan. Selain itu, program mentoring ini juga membantu jururawat berkenaan meningkatkan kompetensi dengan tugas yang dilaksanakan;

(4)Mengadakan kursus dalaman bagi membantu meningkatkan kompeten jururawat berkenaan. Bagi Jururawat atau Jururawat Masyarakat yang dikomuniti perlu mengikuti kursus *Intergrated Management Childhood Illness* (IMCI) bagi memastikan mereka kompeten dalam memberi perawatan kepada kanak-kanak yang mengalami cirit birit, batuk dan selsema, jangkitan di telinga atau mata dan kanak-kanak kurang berat badan; dan

(5)Pada masa ini, Jururawat Desa dikenali sebagai Jururawat Masyarakat yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat mereka diberi peluang peningkatan kerjaya melalui Penambaikan Skim Lantikan (PSL) kepada Jururawat Terlatih.

NO. SOALAN: 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengetatkan keselamatan dan melindungi pelancong-pelancong di perairan Semporna, Sabah.

vi) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 November 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa.;

vii) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;

viii) Pewujudan 5 balai polis baru dan 3 balai polis yang sedia ada di naik taraf;

ix) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;

x) *Engagement* dengan semua *stakeholders* di ESSZONE;

xi) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan

xii) Melaksanakan pendaftaran awal *"Pump Boat"* bagi tujuan pengawalan.

2. Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS;

ii) Penguatkuasaan *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah; dan

iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.

3. Adalah diyakini dengan langkah-langkah yang telah dan akan diambil di atas akan dapat mempertingkatkan lagi tahap keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah.

Sekian. Terima Kasih.

SOALAN NO. 76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimanakah sesuatu keputusan diambil dalam penarikan pemberian bantuan di bawah Exit Policy JKM dan jumlah yang dijangkakan dapat diagihkan kepada golongan sasar yang lain untuk setiap tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Setiap permohonan bantuan akan disiasat dan diberi pertimbangan berdasarkan kelayakan dan bukan hak, tanpa mengira latar belakang kaum, agama, jantina dan fahaman politik. Proses pemberian bantuan kebajikan juga mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima bantuan yang masih produktif ke arah hidup berdikari.

Berdasarkan statistik tahun 2013 sebanyak 493,076 kes yang telah diluluskan. Manakala sebanyak 70,813 kes atau 14% daripada jumlah penerima bantuan kewangan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah ditamatkan dengan penjimatan sebanyak RM18,660,850 dan jumlah yang sama ini dijangkakan dapat diagihkan kepada golongan sasar yang lain.

Berikut adalah antara faktor-faktor yang menyebabkan bantuan kebajikan ditamatkan bantuan:

i. Peningkatan tahap sosio ekonomi serta mampu berdikari;

ii. Penerima bantuan meninggal dunia;

iii. Penerima kini tinggal bersama anak yang mampu menanggung perbelanjaan keluarga;

iv. Bagi skim Bantuan Kanak-Kanak, anak terbabit telah melepasi umur 18 tahun;

v. Bagi skim Elaun Pekerja Cacat, pendapatan OKU tersebut telah melebihi RM1,200 sebulan

Pemakluman mengenai penamatan bantuan kebajikan akan dibuat melalui 'Bulk SMS' dan penyampaian surat kepada penerima yang dihantar melalui pos.

Secara amnya, bantuan kebajikan yang diberikan adalah bersifat sementara bagi membantu meringankan beban kumpulan sasar yang memerlukan meneruskan kelangsungan hidup.

SOALAN (77)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]

SOALAN :-

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

(a) tentang syarat dan prosedur untuk penyerahan tapak tanah untuk tujuan menjadikan " Tanah Kawasan Lapang " oleh pemaju perumahan dan adakah tanah ini akan jadi tanah kerajaan negeri; dan

(b) apakah jenis kegunaan boleh dijalankan diatas " Tanah Kawasan Lapang " ini dan bolehkah tanah ini ditukar milik kepada individu.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia sentiasa komited dalam memastikan setiap perancangan dan pembangunan yang telah dirancang hendaklah kondusif, menarik, mampan dan selesa. Penyediaan tanah lapang awam yang mencukupi mampu merealisasikan hasrat KPKT tersebut terutama di kawasan perbandaran.

Syarat dan prosedur untuk penyerahan tapak tanah untuk tujuan menjadikan tanah kawasan lapang berpandukan dasar sedia ada berkaitan perancangan dan penyediaan tanah lapang awam adalah :

i. Skim-skim pembangunan tanah perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada keluasan kawasan pembangunan sebagai tanah lapang awam. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh KPKT melalui JPBD, semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia telah melaksanakan dasar ini; dan

ii. Semua tanah lapang yang ditetapkan di dalam pelan susun atur pembangunan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) perlu diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan diwartakan mengikut peruntukan seksyen 62, Kanun Tanah Negara (KTN).

Jenis kegunaan yang boleh dijalankan diatas tanah kawasan lapang adalah seperti berikut :

i. Penyediaan tanah lapang awam mampu berfungsi sebagai kawasan rekreasi dan interaksi sosial dalam melahirkan rakyat yang muhibbah, harmoni, bersatu padu dan sihat sejahtera.

Justeru, kepentingan penyediaan tanah lapang awam dalam pembangunan negara perlu diberi penekanan yang sewajarnya agar pembangunan fizikal negara dapat diimbangi dengan pembangunan yang indah, berkualiti dan beridentiti;

ii. Mampu berfungsi sebagai zon pemisah/kawasan mitigasi bencana semulajadi, sebagai kolam bagi pengawalan banjir dan zon penampan bagi kejadian tanah runtuh; dan

iii. Mewujudkan suasana kehijauan dan keindahan di kawasan pembangunan.

Mengikut dasar sediada berkaitan perancangan dan penyediaan tapak kawasan lapang :

i. Pihak Berkuasa Negeri perlu mengambil langkah-langkah segera bagi merizab dan mewartakan tanah lapang awam yang dicadangkan di dalam cadangan pemajuan mengikut

peruntukan seksyen 62, KTN dan tidak boleh diserahkan untuk pemilikan individu; dan

ii. Rizab-rizab tanah lapang awam sedia ada perlu dikekalkan dan tidak boleh dibangunkan untuk tujuan kemudahan awam lain atau untuk kegunaan pembangunan guna tanah lain selaras dengan keputusan Majlis Perancang Fizikal Negara Bil. 5/2005.

KPKT melalui JPBD komited dalam mencapai sasaran menyediakan 2 hektar kawasan lapang bagi setiap 1,000 penduduk bandar selaras dengan usaha untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 seperti mana yang dinyatakan dalam Dasar Perbandaran Negara (Dasar DPN 9, Langkah ii).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

SOALAN NO.: 78

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN CHONG CHIENG JEN**
KAWASAN	:	**BANDAR KUCHING**
TARIKH	:	**18 JUN 2014, RABU**

SOALAN:

YB. TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apa sebab projek pembinaan Jambatan Batang Samarahan ditangguhkan walaupun *Sarawak Building and Civil Engineering Contractors Association* telah mengesah dan juga menawarkan diri untuk menyiapkan projek tersebut dalam anggaran RM150 juta yang telah diluluskan oleh Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek Jambatan Batang Samarahan, Sarawak yang menghubungkan kawasan Asajaya dengan Kota Samarahan tidak ditangguhkan, sebaliknya kerja-kerja pembinaan dijangka akan dapat dimulakan pada tahun ini (2014). Berdasarkan perancangan, projek Jambatan Batang Samarahan ini dijangka akan dimulakan pada bulan September 2014 dan bakal siap dalam tempoh 36 bulan. Lokasi jambatan ini terletak berhampiran pangkalan feri Sungai Samarahan sedia ada.

Pelaksanaan projek ini telah mengalami sedikit kelewatan berbanding perancangan asal berikutan ia terpaksa melalui proses tender semula. Ini kerana cadangan harga kontrak yang dikemukakan oleh para petender telah melebihi anggaran harga yang ditetapkan oleh pihak JKR. Sehubungan itu para penender terlibat telah mengemukakan semula cadangan harga kontrak yang baru dengan mengambil kira skop dan anggaran harga jabatan. Pada masa kini ia sedang dalam peringkat penilaian tender dan surat setuju terima kepada petender yang berjaya dijangka akan dikeluarkan dalam tempoh masa terdekat.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [KEPALA BATAS - BN]**

TARIKH : **18 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN (NO. 79)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan laporan kejayaan Festival Belia Putrajaya 2014 daripada sudut kehadiran dan pelaksanaan program, bagaimanakah momentum tersebut boleh dikekalkan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, festival tahun ini dianjurkan dengan skala yang lebih kecil untuk menikmati rasa yang tulen serta asli, dan pada masa yang sama, telah mengadakan aktiviti-aktiviti mengikut selera semua lapisan belia.

2. Pihak Kementerian sentiasa berusaha meningkatkan kualiti penyertaan dan kehadiran belia pelbagai peringkat seperti penyertaan pada tahun sebelum ini walaupun kuantiti pengunjung tidak seramai seperti yang disasarkan pada tahun terdahulu di Festival Belia Putrajaya. Walau bagaimanapun, peningkatan penyertaan terutama penyertaan akar umbi bertambah dalam sambutan Hari Belia Negara di peringkat setempat (peringkat negeri dan daerah).

3. Pihak kementerian telah melakukan pembaharuan dari segi format pelaksanaan Hari Belia Negara dengan mengambil kira pelaksanaannya di peringkat akar umbi iaitu melibatkan pelaksanaan di peringkat daerah, negeri dan seterusnya peringkat kebangsaan di Putrajaya bagi memastikan penjenamaan festival ini dapat dirasai di peringkat akar umbi, pendekatan ini dilihat dapat merakyatkan dan mengakar-umbi lagi Hari Belia Negara. Seterusnya, secara tidak langsung ia berjaya meningkatkan jumlah penyertaan belia akar umbi di Festival Belia Putrajaya itu sendiri.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebih kurang 60 aktiviti telah dilaksanakan sepanjang Festival Belia Putrajaya bermula dari 22 hingga 25 Mei 2014. Pelaksanaan Festival pada kali ini menampilkan keunikan tersendiri melalui pelbagai program yang diberi suntikan elemen keagamaan dan kerohanian bagi mengisi jiwa dan memperkasa rohani belia di samping acara sukan dan hiburan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat "Malam Belia Berselawat" pada 22 Mei 2014 telah mendapat sambutan yang hangat dan menjadi tarikan utama bagi pembukaan Festival Belia Putrajaya.

5. Hasil pelaporan awal yang di keluarkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) melalui kajian yang dilaksanakan di peringkat daerah dan negeri, menunjukkan 55.8 peratus responden menyatakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan menepati cita rasa belia setempat. Manakala 65.1 peratus responden menyatakan pelaksanaan Hari Belia Negara ini dilihat sebagai langkah kerajaan dalam memberi pengiktirafan tertinggi kepada golongan belia khususnya di peringkat akar umbi. Bagi mengekalkan momentum perayaan dan sambutan pada tahun akan datang, pihak kementerian akan terus mempelbagaikan program dan aktiviti kepada golongan muda dengan perkara baharu selari dengan selera golongan muda dan semua lapisan masyarakat. Momentum ini juga boleh diteruskan dengan menyediakan satu pentas mega yang menyaksikan himpunan bakat belia dan cetusan inspirasi tanpa batasan melalui kepelbagaian bengkel, aktiviti dan acara. Bertemakan "Dari Belia Untuk Belia", festival pada tahun-tahun akan datang bakal menyaksikan belia Malaysia dari segenap latar

belakang menonjolkan minat dan kreativiti masing-masing dan bersatu dalam sambutan khusus untuk golongan muda.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 80

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]
TARIKH : 18 JUN 2014
SOALAN :

YB Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah Klinik 1Malaysia di seluruh negeri Sarawak. Adakah semua Klinik 1Malaysia mempunyai kemudahan setaraf dengan poliklinik. Mengapakah tiada doktor yang berkelayakan berkhidmat di Klinik 1Malaysia di Jakar, Sarikei.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga kini, terdapat 25 buah Klinik 1Malaysia (K1M) di negeri Sarawak. Pada tahun 2014, sebanyak 7 lagi K1M akan ditubuhkan di Sarawak. Berbanding dengan klinik kesihatan yang memberi rawatan yang lebih menyeluruh, Klinik 1Malaysia menyediakan perkhidmatan rawatan penyakit ringan seperti demam, batuk, selsema dan prosedur ringan. Walaupun tiada doktor yang ditempatkan di Klinik 1Malaysia Jakar, K1M ini adalah di bawah pengawasan Klinik Kesihatan Sarikei yang terletak dalam jarak 10 km. Sebarang kes memerlukan pengendalian doktor akan dirujuk ke klinik kesihatan tersebut.

NO. SOALAN: 81

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	

YB Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah pesakit yang dirawat di hospital dan klinik Kerajaan pada tahun 2013. Berapakah kos subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hanya menyimpan rekod berdasarkan jumlah kemasukan pesakit dalam dan kedatangan pesakit luar sahaja, bukannya jumlah pesakit. Rekod terkini adalah sehingga tahun 2012. Berdasarkan rekod, jumlah kemasukan pesakit dalam di hospital KKM bagi tahun 2012 ialah 2,314,860 kemasukan dan jumlah kedatangan pesakit luar ke fasiliti kesihatan KKM iaitu merangkumi kedatangan di hospital dan klinik pula ialah 49,602,486 kedatangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat di negara ini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM17.7 billion dalam perbelanjaan mengurus pada tahun 2013 yang mana termasuk bekalan ubat-ubatan, reagen, vaksin, peralatan pakai buang dan sebagainya. Berbanding dengan kutipan hasil kerajaan di hospital dan klinik pada tahun yang sama berjumlah RM250.8 juta. Pada tahun 2013, Kerajaan juga telah membelanjakan sebanyak RM40.1 juta kepada 5,261 permohonan melalui kemudahan Tabung Bantuan Perubatan (TBP). TBP bertujuan membantu golongan miskin atau kurang berkemampuan untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan, peralatan perubatan, peralatan rehabilitasi dan ubat-ubatan yang tidak dapat disediakan di hospital Kerajaan.

Selain itu, Kerajaan juga masih mengekalkan bayaran caj RM1.00 untuk pesakit luar yang mana caj ini termasuk perundingan, ubat dan segala siasatan yang dijalankan.

Bagi pesakit yang mendapatkan rawatan sebagai pesakit dalam di hospital, Kerajaan telah mengenakan kadar caj wad yang minimum bermula dari RM3.00 bagi Wad Kelas Tiga, RM20.00 bagi Wad Kelas Dua dan RM80.00 bagi Wad Kelas Satu. Kadar caj wad ini adalah rendah berbanding dengan kadar pasaran. Di samping itu juga, pengecualian juga boleh diberikan kepada pesakit warganegara di wad kelas tiga yang tidak mampu.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai Kerajaan yang prihatin, golongan rakyat yang kurang berkemampuan yang mengalami penyakit ginjal tahap akhir (*End Stage Renal Disease*) diberi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan *erythropoietin* (EPO) apabila mendapat rawatan dan suntikan ini di pusat-pusat dialisis yang dikendalikan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO). KKM telah memberi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan *erythropoietin* kepada pesakit miskin dan kurang berkemampuan iaitu pada kadar sebanyak RM50 untuk setiap rawatan dialisis dan RM30 untuk suntikan *erythropoietin*

SOALAN NO. 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah Binti Salleh (Kuantan) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah kos yang dibelanjakan dalam program Desa Bina Diri di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan statistik yang menunjukkan keberkesanan program ini dalam mencapai objektifnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai 4 buah institusi Desa Bina Diri (DBD) yang memberi jagaan, perlindungan dan pemulihan kepada orang papa agar mereka menjadi produktif dan berkemahiran serta mempunyai sikap yang positif untuk diintegrasikan dalam masyarakat. Institusi tersebut adalah seperti berikut :

i) DBD Mersing;

ii) DBD Jerantut;

iii) DBD Kota Kinabalu; dan

iv) Pusat Sehenti Bina Diri Sungai Buloh.

Bagi menguruskan kesemua 4 buah DBD ini, JKM telah membelanjakan sebanyak RM8.4 juta pada tahun 2013.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menyediakan penghuni DBD agar dapat diintegrasikan dalam masyarakat, mereka akan menjalani pemulihan, latihan kerjaya dan kemahiran (vokasional, pertanian, kraf tangan) bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun.

DBD juga mengadakan program *"Job Opportunity"* kepada penghuni-penghuni yang boleh dilatih bagi menyesuaikan penghuni dengan alam pekerjaan. Program ini adalah merupakan inisiatif DBD dengan syarikat-syarikat swasta dan persendirian di kawasan berdekatan institusi untuk menempatkan penghuni di alam pekerjaan sebagai persediaan penghuni untuk diintegrasikan dalam masyarakat.

Sejak tahun 2011 hingga Mac 2014, seramai 437 orang penghuni telah dibebaskan kepada keluarga dan majikan bagi menjalani kehidupan di alam pekerjaan seperti insan lain di dalam masyarakat.

Kesimpulannya, KPWKM sentiasa komited untuk meneruskan usaha membela kesejahteraan sosial kumpulan sasar agar mereka dapat menjalani kehidupan yang berdikari, berintegriti dan bermaruah sebagai sebahagian daripada anggota penting dalam keluarga, komuniti dan masyarakat secara inklusif.

NO SOALAN :83

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. PUAN TEO NIE CHING (KULAI)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.06.2014**

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan penjawat awam, termasuk anggota dan pegawai baru yang akan ditambah untuk menghadapi pelaksanaan GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi melancarkan proses pelaksanaan GST, Kerajaan sedang mempertimbangkan pertambahan jawatan baharu kepada Jabatan Kastam

Diraja Malaysia sebanyak 1700 perjawatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebanyak 470 perjawatan.

SOALAN NO: 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	

YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah diambil bagi meningkatkan nisbah jumlah doktor dengan pesakit di negara ini, kerana difahamkan ketika ini nisbah doktor dengan pesakit di Malaysia begitu tinggi berbanding negara-negara membangun yang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memang prihatin dan sentiasa berusaha serta mengambil pelbagai langkah untuk menambahkan bilangan doktor untuk Negara. Antara langkah-langkah yang diambil ialah penambahan institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pengajian dalam bidang perubatan selain dari kepulangan lulusan perubatan luar negara. Selain itu kerajaan telah memperkenalkan pelbagai insentif bagi menarik minat doktor dan doktor pakar perubatan untuk terus berkhidmat dengan kerajaan serta pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sessional dan pengambilan doktor pakar perubatan luar negara secara kontrak.

NO. SOALAN : 85

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	

YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah kriteria, garis panduan dan pelan tindakan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan untuk pemeliharaan warisan atau tempat bersejarah sebelum ia dirobohkan oleh pemaju yang tidak bertanggungjawab di tengah-tengah malam.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara bertanggungjawab untuk memelihara, memulihara dan melindungi tapak warisan yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Penilaian untuk mempertimbangkan tapak untuk diberi pengiktirafan sebagai warisan mestilah memenuhi kriteria di bawah Seksyen 67(2) Akta 645. Namun, sebelum sesuatu tapak diisytiharkan sebagai warisan, ia memerlukan keizinan pemilik dan Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan.

Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan telah dirangka dan digunapakai sebagai panduan dalam memulihara, memelihara dan melindungi tapak warisan. Bagi tapak-tapak yang telah diwartakan, Jabatan Warisan Negara akan mengeluarkan garis panduan kepada pemilik, memasang plak serta mendapatkan kerjasama daripada semua pihak yang berkepentingan seperti pemilik, Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi berkaitan supaya tapak dapat dilindungi mengikut peraturan yang ditetapkan.

Pemantauan berkala juga akan dilakukan untuk memastikan garis panduan dipatuhi. Sekiranya pembangunan ke atas tapak/bangunan hendak dilakukan, kebenaran merancang di bawah Seksyen 40, Akta 645 perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum sebarang pembangunan dilakukan di tapak tersebut. Langkah ini adalah bagi menghindari tapak/bangunan daripada dirobohkan atau dimusnahkan.

Bagi tapak-tapak yang belum diwartakan pula, sekiranya berlaku sebarang pembangunan di tapak bersejarah tersebut, maka alternatif yang boleh dilakukan ialah:

1) Memberi pandangan kepada Kerajaan atau pemaju atau pemilik supaya memberi pilihan pembangunan di tempat lain yang sesuai, tanpa meroboh tapak asal;

2) Sekiranya bangunan terpaksa dipindahkan ke tempat lain, pelaksanaan kerja akan dipantau oleh Jabatan Warisan Negara;

3) Merekod dan mendokumenkan maklumat tapak bangunan yang terpaksa dipindahkan supaya data sejarahnya dapat diselamatkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 86

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI DR. JAMALUDDIN MOHD JARJIS [ROMPIN]**

TARIKH : **18 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN : **Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang kemajuan yang dicapai dalam pembangunan Rancangan Jelapang Padi (IADA) di Rompin untuk dimajukan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat khasnya di sektor makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kawasan seluas 3,094 hektar telah dikenalpasti sesuai untuk dimajukan sebagai kawasan jelapang padi di Rompin. Untuk merealisasikan pembangunan penanaman padi di kawasan tersebut, kerja-kerja pembangunan menyeluruh yang meliputi infrastruktur dan pengairan serta pengendalian dan penyelenggaraan akan dilaksanakan. Pada masa ini, kerja-kerja pembaikan dan penambahbaikan kemudahan fizikal telah dilaksanakan dengan melibatkan pembaikan infrastruktur jalan ladang sepanjang 13 kilometer, penambahbaikan kemudahan parit dan tali air sepanjang 26 kilometer dan pembaikan sistem pengairan dan saliran dikawasan tersebut. Dengan tertubuhnya IADA Rompin ini, infrastuktur sedia ada terutamanya sistem pengairan dan saliran bagi kawasan bagi kawasan tersebut dapat dipertingkat dan membolehkan bekalan pengairan yang lebih berkesan di keseluruhan kawasan projek. Kesan daripada ini, dijangkakan potensi hasil padi selepas penubuhan IADA menjelang tahun 2020 adalah sebanyak 6 metrik tan sehektar iaitu peningkatan sebanyak 63% berbanding purata hasil pada masa ini sebanyak 3.67 metrik tan sehektar. Penubuhan IADA Rompin juga akan memberi kesan positif epada peningkatan pendapatan pesawah padi di kawasan tersebut. Diunjurkan purata pendapatan menjelang tahun 2020 adalah sebanyak RM7,200 sehektar semusim iaitu peningkatan sebanyak 70.6% berbanding sebelumpenubuhan IADA iaitu sebanyak RM4,220.50 sehektar semusim.

SOALAN NO: 87

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**: Lisan**
DARIPADA	**: Datuk Raime bin Unggi [Tenom]**
TARIKH	**: 18 Jun 2014**
SOALAN	**: Datuk Raime bin Unggi minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan nilai import makanan negara bagi tempoh lima tahun iaitu 2009 hingga 2013 dan enam bulan pertama 2014 serta nyatakan negara mana yang menjadi penyumbang import tertinggi bagi makanan utama.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Nilai keseluruhan import makanan negara bagi tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2009 hingga 2013 adalah sebanyak RM166.25 bilion. Nilai import makanan negara sepanjang tempoh tersebut mencatat peningkatan sebanyak 6.8% setahun daripada RM26.68 bilion pada tahun 2009 kepada RM38.88 bilion pada tahun 2013. Sementara itu, nilai import makanan negara bagi tempoh Januari-Februari 2014 adalah sebanyak RM6.94 bilion iaitu meningkat sebanyak 25.1% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013.

Antara punca peningkatan import makanan negara ini adalah kerana negara terpaksa mengimport komoditi yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara disebabkan oleh kos pengeluaran yang tinggi dan faktor ketidaksesuaian iklim seperti buah-buahan beriklim sederhana iaitu oren, epal dan anggur, sayur-sayuran beriklim sederhana dan gandum. Selain itu, pertambahan dalam populasi warganegara dan bukan warganegara turut menyumbang kepada peningkatan import makanan negara.

Bagi tahun 2013, negara-negara berikut merupakan penyumbang tertinggi kepada import makanan negara dan menyumbang sebanyak 77.0% daripada nilai keseluruhan import makanan negara pada tahun tersebut iaitu Republik Rakyat China (10.2%), Argentina (9.7%), India (9.1%), Indonesia (8.2%), Brazil (8.0%), Australia (7.9%), Thailand (7.7%), Amerika Syarikat (6.1%), New Zealand (5.6%) dan Vietnam (4.5%).

NO SOALAN :88

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN (KENINGAU)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.06.2014**

Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada GST akan dikenakan cukai 4 peratus seperti dalam pembentangan Rang Undang-undang GST pertama atau 6 peratus seperti yang terbaharu dicadangkan untuk tahun 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Struktur GST yang dicadangkan secara tidak langsung telah menggunakan

pelbagai "kadar" iaitu GST dikenakan pada kadar 6%, kadar sifar atau dikecualikan. Bagi barang dan perkhidmatan yang merupakan komponen asas dalam kehidupan seharian terutamanya kepada mereka yang berpendapatan rendah, Kerajaan telah mencadangkan barang dan perkhidmatan tersebut dikenakan GST pada kadar sifar atau dikecualikan. Ini bermaksud barang dan perkhidmatan perlu seperti makanan asas (beras, gula, tepung, sayuran, daging, ayam, telur ayam dan ikan), bekalan air dan elektrik, perkhidmatan pengangkutan awam, pendidikan dan kesihatan, pembelian dan penyewaan rumah kediaman tidak dikenakan GST. Manakala barang dan perkhidmatan lain yang peratus penggunaannya adalah tinggi bagi mereka yang mampu adalah dikenakan GST pada kadar 6%.

Sekiranya GST dilaksanakan pada kadar 4%, maka Kerajaan tidak akan mendapat menampung kehilangan hasil ekoran dari pemansuhan cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Kadar GST 6% yang ditetapkan adalah bagi menjana revenue neutral sahaja pada peringkat awal pelaksanaannya dan bukannya untuk menambahkan hasil. Selain itu, dengan kadar GST 4% Kerajaan tidak akan dapat menyediakan pakej

bantuan cukai dan bukan cukai sepertimana yang telah diumumkan dalam Bajet 2014. Bilangan barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan GST juga perlu dikurangkan bagi mengimbangi kehilangan hasil yang berlaku.

Soalan No : 89

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG]

TARIKH : 18.6.2014

SOALAN :

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian KPI yang diguna pakai oleh Kementerian untuk meningkatkan kemahiran penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan guru dan pelajar seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perincian KPI yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan kemahiran penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan guru adalah melalui CEFR atau *Common European Framework of Reference for Languages* . Ianya merupakan satu piawaian profisiensi bahasa yang diiktiraf di seluruh dunia. KPM CEFR untuk menetapkan tahap profisiensi yang perlu dicapai oleh guru bahasa Inggeris. CEFR mempunyai 6 tahap dari tahap A1 (paling rendah) ke tahap C2 (paling tinggi).

KPM juga berhasrat bahawa semua guru Bahasa Inggeris mencapai tahap profisiensi Bahasa Inggeris di Band C1 pada CEFR. Untuk membantu guru Bahasa Inggeris mencapai tahap profisiensi tersebut, program *Professional Up-Skilling of English Language Teachers* atau Pro-ELT telah dirangka untuk guru Bahasa Inggeris. KPI bagi program ini ialah "85% guru Bahasa Inggeris akan meningkat sekurang-kurangnya satu band profisiensi pada CEFR" di akhir program tersebut. Kohort 1 seramai 5000 orang guru telah menyertai Program Pro-ELT pada 2012 – 2013. Kohort 2, terdiri daripada 9,000 guru, sedang menjalani latihan pada tahun 2014 - 2015.

KPM telah memastikan syarikat yang menawarkan latihan profisiensi ini adalah syarikat yang mempunyai reputasi yang kukuh dan mempunyai '*track record*' dalam bidang pengajaran Bahasa Inggeris. Syarikat ini telah dipilih melalui satu proses pemilihan yang ketat dan mengikut prosedur yang jelas dan telus. Modul latihan yang digunakan merangkumi kandungan yang berkaitan dengan pedagogi dan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris walaupun tujuan utama program tersebut ialah untuk meningkatkan tahap profisiensi BI peserta kursus. Jurulatih untuk program ini juga dipilih berdasarkan kelayakan yang sesuai. Kelayakan akademik, tahap profisiensi dan pengalaman mengajar pelajar dewasa adalah antara kelayakan yang perlu ada pada setiap jurulatih. KPM mempunyai kuasa muktamad dalam pemilihan jurulatih program ini.

Pencapaian guru Bahasa Inggeris diukur melalui ujian pra Aptis pada permulaan program dan ujian pasca Aptis pada akhir program Pro-ELT. Perbandingan skor ujian pra dan pasca Aptis menunjukkan samada guru tersebut telah meningkat tahap profisiensi bahasa Inggeris atau tidak. Akhir kata, pihak kementerian dan pihak syarikat bersama kesatuan dan persatuan keguruan telah memastikan satu sistem sokongan yang padu dilaksanakan untuk memastikan guru-guru kami sentiasa diberi sokongan yang berterusan semasa menghadiri program Pro-ELT. Perincian KPI yang diguna pakai oleh Kementerian untuk meningkatkan kemahiran penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan murid seluruh negara untuk menentukan literasi Bahasa Inggeris ialah:

Tahun 1 - 67%
Tahun 2 - 84%
Tahun 3 - 100%

Program Linus 2.0 Literasi Bahasa Inggeris telah bermula di semua sekolah rendah mulai Jun 2013. Program ini mengenalpasti murid yang belum menguasai literasi Bahasa Inggeris dan mereka ditempatkan dalam kumpulan/kelas khas. Guru Bahasa Inggeris akan mengajar kumpulan murid ini asas literasi Bahasa Inggeris supaya mereka dapat menguasai literasi Bahasa Inggeris.

NO. SOALAN : 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB. Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah kos untuk menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di Taiping, sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 dan pencapaian program sedemikian.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kos perbelanjaan keseluruhan bagi Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baru Cina yang telah diadakan di Taiping, Perak pada 8 Februari 2014 adalah berjumlah RM1,953,150. Kos ini meliputi pembiayaan persiapan tempat, teknikal, jamuan rakyat, persembahan, keceriaan, promosi, keurusetiaan, pengangkutan dan keselamatan. Majlis yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berlangsung dengan jayanya serta mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada segenap lapisan masyarakat dengan kehadiran dianggarkan berjumlah 50,000 orang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 91

Dato' Othman Bin Aziz [Jerlun] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

a) bilakah pelaksanaan mewajibkan pemasangan tali pinggang keledar di semua bas ekspres akan dikuatkuasakan bagi meningkatkan taraf keselamatan penumpang bas ekspres yang terdedah kepada ancaman maut; dan

b) adakah Kementerian bercadang untuk memberi bantuan *secara one-off* kepada pengusaha syarikat bas ekspres bagi menanggung kos pemasangan tali pinggang keledar terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Buat masa ini, peraturan sedia ada hanya mewajibkan pemasangan tali pinggang keledar keselamatan di barisan pertama bas. Walau bagaimanapun, bagi meningkatkan tahap keselamatan penumpang-penumpang bas ekspres, Kerajaan akan menguatkuasakan peraturan pemasangan tali pinggang keledar keselamatan terhadap bas baharu mulai tahun hadapan, 2015. Bagi bas ekspres yang sedia ada, *grace period* selama lima tahun akan diberikan terhadap pengusaha-pengusaha untuk persediaan sebelum penguatkuasaan sepenuhnya dijalankan.

b) Setakat ini, belum ada perancangan supaya Kerajaan memberi bantuan kepada pengusaha syarikat untuk menanggung kos pemasangan tali pinggang keledar keselamatan.

Soalan No: 92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI

TARIKH : 18.06.2014

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan gaji permulaan bagi seorang pensyarah berkelayakan Doktor Falsafah (PhD) yang berkhidmat dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Bilakah kali terakhir kerajaan menyemak tangga gaji pensyarah-pensyarah ini dan apakah kerajaan merancang untuk menyemak tangga gaji tersebut dalam masa terdekat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang memiliki kelayakan Doktor Falsafah (PhD) dari universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan akan menerima gaji permulaan mengikut gred lantikan seperti berikut :

Skim Perkhidmatan	Gred Lantikan	Syarat Lantikan Tambahan	Gaji Permulaan (RM)
Pensyarah Universiti	DS45	Tiada	2,877.04
	DS51	a. membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan b. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan	5,168.02
	DS53		5,471.49
	Khas C		6,595.99

Gaji permulaan yang diterima tidak termasuk elaun dan kemudahan lain. Semakan terakhir tangga gaji adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013 dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2013. Semakan tangga gaji skim-skim perkhidmatan Kerajaan adalah dilaksanakan dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Rjm109

Soalan No : 93

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]

TARIKH : 18.6.2014

SOALAN :

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peratuskah pelajar yang berhenti sekolah tanpa meneruskan peringkat seterusnya dan sebab-sebab kenapa berlakunya keadaan sedemikian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat analisis murid yang tidak meneruskan persekolahan berdasarkan kohort murid dari tahun 1 hingga tahun 6 di peringkat pendidikan rendah serta tingkatan 1 hingga tingkatan 5 di peringkat pendidikan menengah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 0.08% murid di peringkat pendidikan rendah dan 1.96% murid di peringkat pendidikan menengah yang tidak meneruskan persekolahan pada tahun 2013. Murid-murid tidak meneruskan persekolahan dalam sistem persekolahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau swasta dari peringkat rendah (Tahun 1) hingga menengah (Tingkatan 5) disebabkan oleh beberapa perkara. Berasaskan kajian yang telah dijalankan oleh KPM, murid-murid cicir daripada sistem persekolahan disebabkan oleh kemiskinan, masalah keluarga, masalah kesihatan, tidak berminat terhadap pelajaran, masalah disiplin, berkahwin, tiada dokumen, menghadapi masalah pengangkutan ke sekolah, cacat, takut pergi ke sekolah,bekerja, dan telah meninggal dunia. Sebilangan besar murid yang keluar daripada sistem persekolahan KPM telah meneruskan pelajaran mereka di sekolah

pondok, sekolah antarabangsa dan belajar di sekolah-sekolah yang tidak berdaftar seperti madrasah. Sebilangan kecil pula mengikuti *home schooling* atau mengikut keluarga berhijrah ke luar negara.

Rjm110

Soalan No : 94

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN]

TARIKH : 18.6.2014

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada wujud silabus bagi Pendidikan Khas bagi kanak-kanak autistik, *celebral palsy*, imperaktif, dan yang mengalami masalah pembelajaran. Jika ya, sila nyatakan. Jika tidak mengapa serta mengapa tiada peruntukan bagi perubatan bagi kanak-kanak OKU.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) menyediakan kurikulum bagi murid di bawah kategori bermasalah pendengaran, bermasalah penglihatan dan bermasalah pembelajaran. Murid bermasalah pembelajaran yang berkefungsian tinggi (termasuk murid autistik) lazimnya diinklusifkan, maka kumpulan ini mengikuti kurikulum arus perdana.

Kurikulum bagi murid bermasalah pembelajaran yang disediakan merupakan kerangka tentang apa yang murid dalam lingkungan umur tertentu patut tahu dan boleh buat. Sungguh pun begitu, berdasarkan keupayaan dan kefungsian murid, guru Pendidikan Khas boleh mengubah suai kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran; masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti; susunan aktiviti; dan bahan bantu mengajar.

Bagi murid yang berkefungsian rendah, BPK menyediakan Panduan Pengajaran dan Pembelajaran bagi Murid Berkeperluan Khas (Kurang Upaya Pelbagai) yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran).

Untuk makluman ahli yang berhormat, peruntukan bagi perubatan untuk kanak-kanak OKU adalah terpakai sebagaimana yang tertakhluk bagi kanak-kanak di sekolah harian biasa. Walau tiada peruntukan khas untuk kanak-kanak OKU, mereka masih mendapat perubatan percuma bergantung kepada keperluan mereka jika mereka melalui perkhidmatan perubatan kerajaan yang sedia ada.

Rjm111

NO. SOALAN : 95

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH :18.06.2014 (RABU)

DATO ROZMAN BINISLI [LABUAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengambil langkah-langkah khusus bagi menyelesaikan permasalahan kekurangan (ketiadaan) tahap kritikal barangan keperluan asas seperti gula, beras nasional, tepung gandum, minyak masak dan gas memasak di Wilayah Persekutuan Labuan sejak akhir-akhir ini. Sebagai sebuah pulau, pengguna di Labuan tidak mempunyai alternative lain mendapatkan bekalan seperti tempat-tempat lain di tanah besar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Mulai tahun 2013 Kerajaan telah mengambil langkah khusus bagi menyelesaikan masalah kekurangan dan perbezaan barangan kekurangan asas di Labuan dengan memberi subsidi kos pengangkutan perkhidmatan perkapalan kepada transporter/pembekal untuk membawa barangan Tepung Gandum (GP), Minyak Masak dan Gula Kasar, produk KR1M, Coop1Malaysia dan FAMA daripada pelabuhan di Semenanjung ke pelabuhan di Labuan. Ini bertujuan untuk membolehkan rakyat di Labuan menikmati bekalan barangan keperluan asas tersebut pada harga yang sama seperti yang terdapat di Semenanjung.

Selain daripada itu, Kerajaan juga melaksanakan Program Penyeragaman Harga barang kawalan sejak tahun 2012 melibatkan barangan keperluan Beras Nasional (ST 15%), Tepung Gandum Kegunaan AM (GP), Minyak Masak dan Gula Kasar pada harga kawalan dan 50 jenis barangan keperluan lain (bergantung kepada permintaan pengguna di kawasan tersebut termasuk produk KR1M, Coop1Malaysia, FAMA).

Menerusi program ini, Kerajaan memberi subsidi kos pengangkutan kepada transporter dengan izin atau pembekal untuk mengangkut barangan dari pusat pembekalan

(*Distribution Centre*) ke Labuan bertujuan untuk memastikan golongan sasaran terutamanya rakyat di Labuan menikmati harga barangan kawalan bersubsidi pada harga yang ditetapkan Kerajaan. Melalui program ini, pembekal, pemborong dan pekedai runcit dikehendaki menjual pada harga seperti ditetapkan Kerajaan dan tidak boleh mengaut keuntungan berlebihan atas alasan menanggung beban kos pengangkutan.

NO SOALAN :96

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATUK CHUA TEE YONG (LABIS)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.06.2014**

Y.B. DATUK CHUA TEE YONG [LABIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang bagi setiap Kerajaan-kerajaan negeri dari tahun 2008 hingga 2013.

JAWAPAN

Jumlah hutang bagi setiap Kerajaan Negeri dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti di Lampiran. Kerajaan Persekutuan memberi pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membiayai projek-projek kemudahan asas untuk faedah rakyat seperti projek bekalan air, perumahan awam kos rendah (PAKR), industri dan lain-lain lagi projek

pelbagai. Projek-projek ini merupakan usaha Kerajaan yang berterusan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

LAMPIRAN

Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2013

Bil.	Negeri	Tahun					
		2008	2009	2010	2011	2012	2013
		(RM 'juta)	(RM 'juta)	(RM 'juta)	(RM 'juta)	(RM 'juta)	(RM 'juta)
1	Johor	952.15	1,223.92	1,177.48	279.74	273.33	412.73
2	Kedah	2,221.13	2,330.20	2,576.66	2,593.66	2,600.38	2,615.67
3	Kelantan	981.05	993.83	1,114.78	1,137.48	1,200.23	1,233.44
4	Melaka	1,297.12	1,437.48	879.66	892.34	882.15	876.73
5	Negeri Sembilan	1,926.74	2,185.90	1,349.46	1,490.52	957.87	883.30
6	Pahang	2,057.89	2,160.28	2,274.66	2,403.62	2,526.50	2,605.94
7	Perak	853.06	887.11	951.71	1,006.83	397.28	479.81
8	Perlis	368.83	406.48	416.29	342.50	342.76	353.82
9	Pulau Pinang	625.44	683.66	688.34	36.62	49.01	50.26
10	Sabah	2,371.53	2,376.16	2,560.25	2,426.00	2,338.33	2,307.79
11	Sarawak	1,655.03	1,729.29	2,143.63	2,224.82	2,275.31	2,279.89
12	Selangor	1,087.45	1,063.55	1,004.64	980.18	897.02	883.04
13	Terengganu	968.01	1,004.58	1,032.73	1,005.89	981.90	958.08
JUMLAH		**17,365.45**	**18,482.44**	**18,170.28**	**16,820.20**	**15,722.07**	**15,940.50**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS - PAS]**

TARIKH : **18 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN (NO. 97)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah kos sebenar projek penambahbaikan prasarana pusat sukan pelayaran di Langkawi dan adakah dengan perkembangan terkini projek tersebut negara bersedia untuk menghadapi Kejohanan Pelayaran Belia Dunia (ISAF) pada akhir 2015 akan datang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penambahbaikan terhadap Kompleks Perahu Layar (Kebangsaan) Langkawi telah dilaksanakan secara berperingkat. Pada ketika ini kerja-kerja mengecat keseluruhan luaran bangunan termasuk keseluruhan atap telah dilaksanakan pada tahun 2013 manakala perancangan penambahbaikan pada tahun 2014 adalah cadangan pemasangan penghawa dingin di keseluruhan bilik-bilik di kompleks tersebut.

2. Bagi menghadapi Kejohanan Pelayaran Belia Dunia (ISAF) 2015, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) akan membuat kerja-kerja penambahbaikan dengan anggaran kos keseluruhannya bernilai RM 5 juta. Kerja-kerja penambahbaikan tersebut adalah :-

   a. Kerja-kerja menambak laut untuk meluaskan kawasan sedia ada bagi menampung jumlah bot yang mengambil bahagian dalam sesuatu kejohanan.
   b. Menaiktaraf 'ramp' sedia ada dan memanjangkan 'ramp' tersebut setelah kerja-kerja menambak laut diperluaskan.
   c. Membina 'pontoon' untuk menambat bot jurulatih.
   d. Membina sebuah rumah kren untuk kemudahan menaik dan menurunkan bot jurulatih.
   e. Kemudahan 'winch' untuk menarik bot kecil yang digunakan semasa kejohanan berlangsung.

3. Kerja-kerja penambahbaikan yang dinyatakan akan diberi sepenuh perhatian dan tindakan oleh pihak Kementerian malahan ianya juga di dalam perancangan Kementerian dalam menghadapi Temasya Sukan SEA 2017 yang akan dianjurkan di negara kita.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 98

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB. Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membangun dan menaiktaraf Pelabuhan Pulau Pinang sebagai sebuah "*cruise terminal*" yang bertaraf antarabangsa bagi menarik lebih banyak kapal pelancong berlabuh di pelabuhan tersebut seiring dengan hasrat Kerajaan untuk memajukan sektor "*cruise tourism*" dalam rancangan NKEA.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pelabuhan Pulau Pinang adalah pelabuhan yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) yang merupakan sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pengangkutan. Oleh itu, sebarang usaha menaiktaraf infrastruktur pelabuhan ini adalah di bawah bidang kuasa pihak berkenaan.

Di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pelancongan, pembangunan Pelancongan Pelayaran (*Cruise Tourism*) telah disenaraikan sebagai Projek Permulaan Ke-6 (EPP 6). Dibawah EPP 6 ini, Majlis Pelayaran Persiaran Malaysia (MCC) telah ditubuhkan dan dipengerusikan secara bersama oleh Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. MCC berperanan untuk merangka hala tuju industri pelayaran persiaran negara dan menyelaraskan usaha pemasaran bagi menarik kapal-kapal pelayaran persiaran ke Malaysia termasuklah ke Pulau Pinang.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia dan Pejabat Pelancongan dan Kebudayaan Negeri memainkan peranan untuk mempromosikan pelabuhan-pelabuhan yang mempunyai kemudahan asas bagi kapal-kapal persiaran berlabuh. Selain itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga bekerjasama dengan pengendali terminal pelayaran persiaran dan agen-agen pelancongan di darat untuk membangunkan pakej-pakej pelancongan yang sesuai

dengan jadual di mana kapal persiaran berlabuh. Dengan usaha-usaha ini pengendali pelayaran akan mendapat keyakinan terhadap industri pelayaran di Malaysia dan dengan itu terus melihat Malaysia sebagai destinasi pelayaran (*cruise tourism*) yang menarik di rantau ini.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: 99

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN V. SIVAKUMAR
KAWASAN : BATU GAJAH
TARIKH : 19 JUN 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN V. SIVAKUMAR (BATU GAJAH) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimana Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dilaksanakan oleh syarikat konsesi tol dalam bentuk pemberian diskaun tol di musim-musim perayaan untuk pengguna lebuh raya. Berapakah diskaun tol musim perayaan yang diberikan secara terperinci mengikut perayaan dari tahun 2009 hingga 2013.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat konsesi lebuh raya di negara ini untuk melaksanakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Program CSR ini dilaksanakan menerusi pemberian rebat dan diskaun tol kepada para pengguna lebuh raya pada musim-musim perayaan utama di negara ini. Di samping itu, terdapat juga syarikat konsesi yang memberikan kad Touch N Go secara percuma kepada pengguna mereka. Ini merupakan antara nilai tambah yang telah dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi sebagai tanda penghargaan kepada para pengguna lebuh raya di negara ini.

Untuk tempoh dari tahun 2010 hingga 2013, nilai keseluruhan diskaun tol yang telah diberikan kepada pengguna di bawah program CSR ini ialah sebanyak RM46 juta. Maklumat mengenai pecahan diskaun tol mengikut musim perayaan akan diberikan secara bertulis (atau seperti di lampiran).

Sekian. Terima kasih.

Soalan No: 101

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI]

TARIKH : 18.6.2014

SOALAN :

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan berunding untuk menggugurkan tindakan senarai hitam oleh Jabatan Imigresen terhadap seseorang peminjam tegar atas dasar kemanusiaan sekiranya wujud keadaan kecemasan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan prosedur kerja sedia ada, PTPTN telah pun melaksanakan pendekatan yang fleksibel dalam mendapatkan bayaran balik pinjaman sebelum menyenarai hitam peminjam tegar atau "blacklist". Tindakan menyenarai hitam adalah sebagai langkah terakhir (*last resort*) dalam memberikan peringatan kepada peminjam tegar, setelah pelbagai langkah peringatan supaya mula membayar balik pinjaman tidak dipedulikan oleh mereka.

Beberapa langkah awal yang telah diambil PTPTN memperlihatkan bahawa tindakan penguatkuasaan terutama larangan meninggalkan negara yang diambil oleh PTPTN bukanlah tindakan yang dibuat secara sewenang-wenangnya tanpa memberikan ruang kepada peminjam. PTPTN sentiasa terbuka menerima kunjungan peminjam di semua cawangan diseluruh negara bagi berunding dan menentukan kaedah bayaran balik yang terbaik.

Peminjam dinasihatkan sentiasa menyemak status senarai hitam melalui laman sesawang PTPTN di www.ptptn.gov.my apabila berhasrat ke luar negara. Kementerian yakin peminjam berkenaan tidak akan menampilkan diri sekiranya tidak berdepan dengan tindakan larangan keluar negara yang diambil oleh PTPTN. Dari maklum balas yang dikumpul menunjukkan sikap tidak mahu membayar balik pinjaman merupakan punca utama dan bukannya ketidakmampuan pendapatan.

Pelepasan nama dari senarai hitam imigresen boleh dibuat setelah peminjam mengadakan rundingan, membayar pendahuluan dan membuat komitmen dengan mengisi Borang Kebenaran Pemotongan Gaji atau menyerahkan Borang Arahan Tetap Bank (*Standing Instruction*). Namun begitu, sekiranya terdapat kes kecemasan dan peminjam tidak sempat untuk berbuat demikian, mereka perlu membuat akujanji dengan menyatakan persetujuan untuk berunding dan membuat bayaran balik sekembalinya ke tanahair.

Rjm113

NO SOALAN :102

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED (PULAI)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.06.2014**

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha yang akan dilakukan bagi memulihkan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) walaupun GLC ini, terus menanggung kerugian selepas pelbagai pelan pemulihan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airline System Bhd (MAS) mula mencatatkan kerugian pada tahun 1997 dengan kerugian selepas

cukai sebanyak RM259.9 juta dan kerugian berkenaan terus meningkat kepada RM835.6 juta pada tahun 2001, kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia pada masa tersebut. MAS kembali mencatatkan keuntungan pada tahun 2002 hingga 2004 setelah melaksanakan penyusunan semula melalui *Widespread Assets Unbundling* (WAU).Walau bagaimanapun, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM1.25 bilion pada tahun 2005 dan RM133 juta pada tahun 2006 disebabkan kenaikan harga bahan api di pasaran dunia. Bagi memulihkan kedudukan kewangannya, MAS telah melaksanakan beberapa strategi dan program merangkumi Pelan Pemulihan Perniagaan (Business Turnaround Plan 1 – BTP1) pada Februari 2006 dan BTP2 pada Januari 2008. Susulan pelaksanaan strategi berkenaan, MAS berjaya mencatatkan keuntungan mulai tahun 2007 sehingga 2010.

MAS kembali mencatatkan kerugian pada tahun 2011 dengan kerugian bersih sebanyak RM2.52 bilion disebabkan kelembapan pasaran industri penerbangan global terutamanya bagi perkhidmatan kargo dan juga peningkatan kos operasi merangkumi kos bahan api dan kos bukan bahan api seperti peruntukan pemulangan pesawat, peruntukan susut nilai

pesawat kargo dan peruntukan stok usang. Melalui pelaksanaan langkah-langkah strategik di bawah pelan perniagaannya yang komprehensif, MAS telah berjaya memulihkan prestasi kewangan syarikat dengan mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM431 juta pada tahun 2012 berbanding RM2.52 bilion pada tahun sebelumnya. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, MAS telah mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 10% kepada RM15.1 bilion berbanding RM13.8 bilion pada tahun 2012 berikutan peningkatan jumlah trafik penumpang. Walau bagaimanapun, MAS masih mencatatkan kerugian selepas cukai sebanyak RM1.174 bilion. Kerugian ini disebabkan peningkatan kos bahan api, kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding US Dolar (*Forex Loss*) dan kos pemulangan pesawat.

Untuk tempoh suku pertama tahun 2014, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM443 juta berbanding kerugian RM279 juta pada suku tahun pertama 2013. Lebihan kapasiti pasaran menyebabkan tekanan kepada struktur kadar tambang dan mengurangkan hasil syarikat.

Walaupun MAS telah mencatatkan kerugian pada tahun 2013 dan suku

pertama tahun 2014, syarikat penerbangan nasional ini terus komited untuk mengekalkan daya saing serta menyediakan tahap perkhidmatan berkualiti kepada penumpang. Berdasarkan Pelan Perniagaan syarikat, MAS terus memberi tumpuan kepada initiatif-initiatif untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti dengan mengukuhkan rangkaian perkhidmatan MAS. Program Penggantian Pesawat merupakan pemangkin kepada pelan pemulihan MAS melalui inisiatif memenangi semula penumpang. Dengan adanya pesawat baru seperti A380, Boeing 737-800 dan Airbus A330, MAS dapat mempelbagaikan perkhidmatan bagi memberi kepuasan kepada penumpang dan mengekalkannya sebagai syarikat penerbangan pilihan. MAS juga menawarkan perkhidmatan berkualiti bertaraf lima (5) bintang dengan harga yang kompetitif berbanding syarikat-syarikat penerbangan lain. Strategi ini telah berjaya meningkatkan faktor muatan penumpang dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan operasi syarikat.

Selain itu, jaringan perkhidmatan penerbangan MAS dikukuhkan lagi dengan penyertaannya dalam gabungan Oneworld Alliance mulai1 Februari 2013. Melalui gabungan ini, MAS dijangka dapat meningkatkan

jumlah penumpang menerusi trafik tambahan daripada ahli oneworld yang lain dengan peluasan rangkaian hubungan yang ditawarkan ke lebih 800 destinasi di 150 negara berbanding rangkaian perkhidmatan MAS sedia ada hanya ke 60 destinasi.Penyertaan MAS dalam Oneworld Alliance telah menyumbang kepada peningkatan faktor muatan penumpang.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membincangkan isu kerugian MAS dan telah memutuskan supaya Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) segera menjalankan kajian *due diligence* untuk mengenal pasti punca-punca kerugian MAS dan opsyen-opsyen penyelesaian terbaik.

Susulan itu, Khazanah selaku pemegang saham terbesar MAS telahpun memulakan kajian berkaitan prestasi masa lampau dan prestasi semasa syarikat penerbangan tersebut. Kajian ke atas MAS masih dilaksanakan dan hasil kajian berkenaan akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah syarikat sebaik sahaja ia dimuktamadkan bagi membolehkan hala tuju MAS ditentukan.

Soalan No : 103

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]**
TARIKH	:	**18.6.2014 (SELASA)**
SOALAN	:	

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah graduan siswazah Perakaunan sejak tahun 2000 hingga 2013, mengikut kategori Bumiputera dan bukan Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik pengajian tinggi negara tahun 2013, jumlah graduan IPTA dalam bidang perakaunan sejak tahun 2008 sehingga tahun 2013 adalah seramai 1138 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 880 orang pelajar adalah terdiri daripada graduan Bumiputera sementara 258 orang pelajar adalah Bukan Bumiputera.

Manakala untuk graduan IPTS berdasarkan kepada rekod di Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga 1 Mei 2014, terdapat seramai 6,944 orang graduan Perakaunan yang telah mengikuti pengajian mengikut peringkat pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang terdiri daripada Bumiputera dan bukan Bumiputera. Daripada jumlah tersebut, seramai 1840 orang pelajar adalah terdiri daripada graduan Bumiputera sementara seramai 5104 orang pelajar adalah Bukan Bumiputera.

SOALAN NO.: 104

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

(a) Adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan dasar "harga lantai" bagi komoditi getah asli; dan

(b) Apakah tindakan dan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu kejatuhan harga getah asli ke paras yang rendah ketika ini dan apakah prospek masa depan getah asli negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Berhormat, Kerajaan buat masa ini sedang mempertimbangkan satu mekanisma "*social safety net*" yang sesuai bagi membantu pekebun kecil getah menangani kesan kejatuhan harga getah. Di bawah mekanisma ini, Kerajaan akan menetapkan satu paras harga yang sesuai dan munasabah kepada pekebun kecil. Ini bertujuan untuk memastikan golongan ini mendapat pendapatan yang berpatutan serta mengurangkan beban kewangan mereka akibat kejatuhan harga getah. Tarikh pelaksanaan mekanisma ini akan ditentukan selepas cadangan ini diluluskan oleh Kerajaan.

(b) Di peringkat antarabangsa, menerusi *International Tripartite Rubber Council* (ITRC), Malaysia bersama dengan Thailand dan Indonesia sedang giat membincang langkah-langkah yang lebih berkesan yang harus diambil untuk memperkukuhkan harga getah di pasaran. Satu persetujuan dijangka akan dicapai dalam masa terdekat.

Berhubung dengan prospek masa depan getah asli negara, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada beberapa laporan, penawaran getah asli dijangka berlebihan berbanding dengan permintaan menjelang tahun 2020 dan ini akan memberi kesan negatif kepada harga getah. Berdasarkan kepada senario ini, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada mengukuhkan

aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan produk-produk baharu berasaskan getah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 105

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah penguatkuasaan ke atas pemilik kenderaan yang menggunakan cermin gelap serta nombor pendaftaran kenderaan yang tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin ditegaskan dalam Dewan Yang Mulia ini, aktiviti penguatkuasaan terhadap cermin gelap sentiasa dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) secara berterusan dan dari semasa ke semasa. Berdasarkan kepada perangkaan penguatkuasaan, bilangan kes yang dikesan dan diambil tindakan pada tahun 2013 adalah sebanyak 76,802 kes berbanding 51,431 kes pada tahun 2012 dengan peningkatan sebanyak 33%. Sehingga April 2014 pula, bilangan kes yang dikesan adalah sebanyak 35,764.

Tindakan saman akan dikenakan terhadap pemandu atau pemilik kenderaan yang memasang cermin gelap tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Selain tindakan saman, notis Larangan Penggunaan Kenderaan (PG1) juga dikeluarkan bagi memastikan pemandu atau pemilik memperbaiki kesalahan tersebut. Sebelum notis tersebut dibatalkan, pemandu atau pemilik perlu membawa kenderaan mereka ke mana-mana pejabat JPJ untuk pemeriksaan lanjut.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung isu penggunaan nombor pendaftaran yang tidak mengikut spesifikasi ditetapkan, pihak JPJ juga sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan bagi menangani isu tersebut. Berdasarkan perangkaan dari JPJ, bilangan kes yang dikesan dan diambil tindakan berhubung

kesalahan tersebut pada tahun 2013 adalah sebanyak 60,372 kes berbanding tahun 2012 sebanyak 24,553 kes dengan peningkatan sebanyak 59%. Sehingga April 2014, sebanyak 27,558 kes telah diambil tindakan saman. Penguatkuasaan terhadap kedua-dua kesalahan yang melibatkan penggunaan cermin gelap dan nombor pendaftaran yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan, adalah menjadi fokus utama penguatkuasaan khususnya pada tahun 2014.

NO. SOALAN: 106

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]

TARIKH : 18 JUN 2014

RUJUKAN : 6908

SOALAN:

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan peratusan pendaftaran lewat kelahiran dan kad pengenalan bagi penduduk di Sarawak dalam 5 tahun yang lepas mengikut kaum etnik.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pendaftaran kelahiran oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan kepada tiga (3) peruntukan undang-undang sedia ada seperti berikut:

i. **Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia;**

ii. **Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11 Tahun 1948) bagi Negeri Sabah; dan**

iii. **Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 10 (No. 6 Tahun 1951) bagi Negeri Sarawak.**

Dalam hal ini, sesuatu daftar kelahiran akan dikategorikan sebagai pendaftaran lewat jika kelahiran tersebut didaftarkan selepas 42 hari daripada tarikh kelahiran berlaku. Sehubungan dengan itu, jumlah pendaftaran lewat kelahiran di Sarawak dari tahun 2009 sehingga 2013 mengikut lima (5) keturunan tertinggi di Sarawak adalah seperti berikut:

BIL.	KETURUNAN	JUMLAH PENDAFTARAN LEWAT KELAHIRAN DI SARAWAK (KELAHIRAN)
1.	Iban	2,551
2.	Penan	507
3.	Bidayuh	227
4.	Kenyah	135
5.	Melanau	110

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
Tarikh Kemas Kini : 04 Jun 2014

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi permohonan pendaftaran lewat kad pengenalan pula, ia merujuk kepada apabila seseorang tidak mengemukakan permohonan kad pengenalan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh kelayakan seseorang; dan ini termasuklah apabila kanak-kanak telah berumur 12 tahun. Tempoh 30 hari ini adalah seperti mana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007).

Oleh itu, jumlah pendaftaran lewat kad pengenalan di Sarawak dari tahun 2009 sehingga 2013 mengikut lima (5) keturunan tertinggi di Sarawak adalah seperti berikut:

BIL.	KETURUNAN	JUMLAH PENDAFTARAN LEWAT KAD PENGENALAN DI SARAWAK (KAD PENGENALAN)
1.	Iban	14,675
2.	Melanau	2,933
3.	Bidayuh	2,592
4.	Kenyah	1,193
5.	Kayan	1,072

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
Tarikh Kemas Kini : 11 Jun 2014

SOALAN NO:107

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**
		[HULU LANGAT]
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	

YB Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) berapa ramaikah rakyat Malaysia yang dijangkiti dengan virus MERS-CoV dari Saudi Arabia sehingga akhir Mei 2014; dan

(b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengelak penyakit ini terus merebak.

Tuan Yang di-Pertua,

Kemunculan *Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus* (MERS-CoV) adalah merupakan kejadian kecemasan kesihatan awam yang kritikal, bukan hanya bagi negara-negara yang terlibat tetapi juga terhadap masyarakat dunia secara keseluruhannya. Pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mula melaporkan mengenainya pada September 2012. Sehingga 14 Mei 2014, sejumlah 571 kes MERS-CoV yang disahkan melalui ujian makmal telah dilaporkan dari seluruh dunia, meliputi 171 kematian.

Bagi Malaysia pula,pada 16 April 2014 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaporkan mengenai satu (1) kes kematian yang disahkan dijangkiti MERS-CoV melibatkan seorang lelaki warga Malaysia berusia 54 tahun, dari Batu Pahat, Johor yang baru pulang ke Malaysia dari mengerjakan umrah di Tanah Suci. Selepas kes tersebut, sehingga kini tiada kes baru MERS-CoV dikesan di Malaysia.

Bermula November 2012, sehingga penghujung Mei 2014, susulan pebagai aktiviti kesiapsiagaan yang telah dilaksanakan di lapangan, pihak KKM telah menerima sejumlah hampir 450 notifikasi kebanyakannya dalam kalangan jemaah haji / umrah dari seluruh negara, yang dikategorikan sebagai kes yang disyaki dijangkiti MERS-CoV. Selain dari kes yang disahkan dijangkiti MERS-CoV dari Batu Pahat tersebut, ke semua kes yang lain telah disahkan sebagai bebas dari jangkitan MERS-CoV melalui ujian makmal yang telah dijalankan.

Berdasarkan pemerhatian setakat ini, keupayaan MERS-CoV untuk menular di dalam komuniti adalah agak terhad (*non-sustained human-*

to-human transmission). MERS-CoV dikesan menular secara terhad dari kes yang disahkan dijangkiti kepada individu yang lain melalui kontak rapat, sebagai contohnya semasa memberikan rawatan kepada pesakit tersebut atau tinggal serumah dengan kes terbabit. Penularan jangkitan MERS-CoV didapati tidak berlaku secara berleluasa sebagaimana yang berlaku bagi kejadian jangkitan Pandemik (H1N1) 2009.

Disebabkan sifat penularan jangkitan MERS-CoV yang sedemikian, pendekatan dalam bentuk berfasa, iaitu fasa membendung (*containment*) dan fasa mengurangkan (*mitigation*) jangkitan tidak digunapakai untuk kali ini. Semasa menghadapi kejadian Pandemik (H1N1) 2009 dahulu, fasa mengurangkan (*mitigation*) digunapakai adalah antaranya bagi tujuan seperti berikut:

a) Mengurangkan bilangan individu yang dijangkiti secara keseluruhannya;

b) Mengurangkan penularan jangkitan secara berleluasa di dalam komuniti;

c) Memastikan mereka yang dijangkiti diberikan rawatan yang sewajarnya; dan

d) Melindungi golongan yang rentan (*vulnerable*).

Sehubungan itu, pelbagai aktiviti kesiapsiagaan yang dijalankan oleh pihak KKM bagi kejadian jangkitan MERS-CoV pada ketika ini adalah secara prinsipnya untuk memenuhi tujuan yang sama, walaupun terminologi *containment* dan *mitigation* tidak digunakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, punca dan cara jangkitan bagi MERS-CoV masih belum dapat dikenalpasti sepenuhnya. Justeru, tiada kepastian dapat diberikan mengenai corak penularan jangkitan berkenaan, iaitu sama ada ia akan berlaku secara bermusim atau akan terus merebak atau akan berakhir dalam tempoh masa tertentu.

Setakat ini pihak WHO tidak mengeluarkan sebarang larangan lawatan ke negara-negara yang terlibat dan rakyat Malaysia secara berterusan berkunjung ke Tanah Suci samada bagi mengerjakan ibadah umrah atau haji.

Oleh itu, kesiapsiagaan menghadapi potensi kejadian jangkitan MERS-CoV dan pemantauannya diperkukuhkan secara berterusan di pelbagai peringkat KKM termasuk:

a) Pengurusan kes yang disyaki dijangkiti MERS-CoV dengan menggunakan tatacara sebagaimana yang digariskan, meliputi proses pelaporan / notifikasi melalui saluran yang telah dikenalpasti dengan kadar segera kepada pihak yang terlibat;

b) Aktiviti survelan bagi kes *influenza-like illness* (ILI) dan *severe acute respiratory infection* (sARI) terus diperkukuhkan di semua lokasi sentinel yang berkaitan, termasuk pemantauan berterusan kejadian kluster ILI di dalam komuniti;

c) Memastikan langkah-langkah pencegahan dan kawalan infeksi yang optimum dijalankan di semua fasiliti kesihatan;

d) Mengadakan latihan simulasi MERS-CoV untuk menguji tahap kesiapsiagaan dan kesediaan anggota KKM di pelbagai peringkat, serta mengemaskini mekanisma penyelarasan setiap organisasi yang terlibat dalam menghadapi kejadian jangkitan MERS-CoV;

e) Memperkukuhkan kapasiti makmal untuk menjalankan ujian pengesahan bagi MERS-CoV;

f) Memastikan stok simpanan alat perlindungan diri (PPE) di setiap negeri adalah mencukupi;

g) Memperkukuhkan kerjasama dengan pihak Pengamal Perubatan Swasta dalam aktiviti pemantauan bagi kes *influenza-like illness* (ILI) dan kejadian kluster ILI di dalam komuniti;

h) Mempertingkatkan aktiviti hebahan maklumat kepada pelbagai kumpulan sasar (seperti pengamal perubatan swasta, bakal jemaah umrah dan haji, agensi pelancongan swasta, Lembaga Tabung Haji Malaysia, Kementerian Luar Negeri dan orang awam) mengenai isu-isu berkaitan status terkini jangkitan MERS-CoV dan aktiviti kesiapsiagaan bagi menghadapi kejadian tersebut;

i) Menyediakan *Traveller's Hygiene Kit* yang mengandungi mask dan *hand sanitizer* untuk kegunaan para jemaah haji;

j) Menyarankan agar Lembaga Tabung Haji Malaysia dan agensi pelancongan swasta yang terlibat mempunyai bekalan penutup mulut dan hidung *(mask)* yang mencukupi bagi kegunaan jemaah

umrah / haji dan hebahan nasihat kesihatan berkaitan jangkitan MERS-CoV kepada semua jemaah di bawah kendalian mereka;

k) Galakan kepada mereka yang akan berkunjung ke Arab Saudi untuk mengambil pelalian *influenza* dan *pneumococcal* sebelum berlepas ke Tanah Suci; dan

l) Peringatan kepada para jemaah umrah atau haji, iaitu sekiranya mendapati diri mereka tidak sihat samada semasa berada di Tanah Suci mahupun dalam tempoh 2 (dua) minggu pertama selepas pulang ke Malaysia, adalah dinasihatkan agar mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan yang berhampiran.

Pihak KKM sentiasa memantau perkembangan terkini kejadian MERS-CoV dan juga status polisi/ tatacara yang dikeluarkan oleh pihak WHO yang berkaitan dengan jangkitan MERS-CoV. Sebagai rujukan dan panduan anggota di lapangan mahupun orang awam, maklumat berkaitan MERS-CoV boleh diperolehi di halaman utama laman web KKM(www.moh.gov.my), iaitu di bawah 'Info Kesihatan'. Sebarang maklumat terkini akan dimuatnaik dari semasa ke semasa.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**Lisan**
DARIPADA	:	**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]**
TARIKH	:	**18 Jun 2014 (Rabu)**
SOALAN	:	**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah pengusaha Projek Pertanian Moden Ayer Hitam yang masih belum beroperasi. Apakah langkah-langkah pemulihan yang diambil untuk memastikan kejayaan projek Pertanian Moden.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melantik 29 syarikat untuk beroperasi melaksanakan aktiviti tanaman, ternakan dan akuakultur di Projek Pertanian Moden, Kluang (PPM). Manakala satu syarikat baru telah dilantik dan sedang dalam proses menandatangani perjanjian pelaksanaan dan perjanjian pajakan.

Bagi melaksanakan langkah awal pemulihan pihak Kementerian sedang mengkaji semula perancangan pelan perniagaan setiap syarikat yang telah dipersetujui semasa memeterai perjanjian perlaksanaan dengan pihak Kementerian. Pihak syarikat diminta untuk mengemukakan pelan perniagaan secara berfasa bagi memudahkan pihak kementerian membuat pemantauan dan menilai keberkesanan pelaksanaan projek. Oleh itu, syarikat yang tidak berdaya maju akan ditamatkan perjanjian dengan kerajaan.

NO. SOALAN: 109

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
RUJUKAN	:	**6909**

SOALAN:

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pekerja asing terkini mengikut negara asal mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif sehingga 30 April 2014 adalah seramai 1,980,743 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Jumlah ini juga adalah termasuk jumlah PATI yang telah diputihkan dan dikeluarkan PLKS di bawah Program 6P dan Program Khas Pengurusan PATI (PKPP).

Pecahan pekerja asing mengikut 5 negara tertinggi pada 30 April 2014 adalah seperti berikut :

1. Indonesia	**795,300 orang**
2. Nepal	**399,658 orang**
3. Bangladesh	**301,349 orang**
4. Myanmar	**150,472 orang**
5. India	**117,387 orang**

SOALAN NO: 110

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pekerja berstatus kontrak di sektor awam pada masa ini. Melalui pemerhatian, terdapat segolongan pekerja kontrak ini tidak terjaga daripada segi gaji dan skop kerja yang tidak jelas. Apakah perancangan Kerajaan dalam memastikan kebajikan pekerja berstatus kontrak ini terjaga.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2013, bilangan pegawai kontrak dalam perkhidmatan awam adalah seramai 46,948 orang. Daripada jumlah tersebut, 41,615 (88.6%) adalah lantikan *Contract of Service* dan 5,333 (11.4%) adalah lantikan *Contract for Service.*

Pegawai *Contract of Service* adalah dilantik bersandarkan kepada skim perkhidmatan dan gred gaji yang berkuat kuasa sama seperti pegawai lantikan tetap. Oleh itu, dalam tempoh kontrak pegawai akan melaksanakan tugas berdasarkan skop tugas yang telah ditetapkan bagi jawatan yang dilantik dan dibayar gaji serta imbuhan tetap seperti mana yang diterima oleh pegawai tetap.

Bagi lantikan *Contract for Service* pula, pembayaran perkhidmatan pegawai serta fungsi tugas telah ditetapkan berdasarkan kepada perjanjian perkhidmatan yang ditetapkan oleh majikan.

Oleh itu tidak berbangkit soal gaji yang tidak terjaga dan skop fungsi yang tidak jelas. Kebajikan pekerja kontrak sentiasa diberi perhatian di mana sebarang kenaikan gaji dan pemberian bonus dalam perkhidmatan awam, bukan sahaja dinikmati oleh pegawai tetap tetapi juga pegawai kontrak.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO.:111

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

SOALAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Loke Siew Fook [Seremban]

TARIKH : 18 JUN 2014(RABU)

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah rancangan tebatan banjir dan bilakah projek menaiktaraf anak sungai dapat dilaksanakan untuk mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku di Kampung Baru Sikamat, Seremban.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan untuk menaik taraf sungai tersebut telah dibuat di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tetapi tidak diluluskan. Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) akan terus berusaha mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Persekutuan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

Pada tahun 2012, JPS telah menjalankan kerja-kerja membaiki tebing runtuh bagi menyelamatkan harta benda dan penduduk di Sungai Chimpa dengan kos sebanyak RM1 juta melalui perbelanjaan darurat bagi kerja-kerja kecemasan.

Untuk langkah jangka pendek, JPS bersedia membuang halangan di dalam sungai yang boleh menyebabkan aliran air terhalang dan menyebabkan banjir kilat berlaku. Walau bagaimanapun, tindakan tersebut hanya akan dapat dilaksanakan oleh JPS setelah mendapat persetujuan secara rasmi daripada setiap pemilik tanah yang terlibat di kawasan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 112

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN NGA KOR MING
[TAIPING]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB. Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan secara terperinci jumlah bilangan pelancong luar negara yang datang melawat Malaysia mengikut negara masing-masing dari 2010 hingga 2014 serta cara dan kos terlibat untuk mempromosikan industri pelancongan negara tahun ini.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik berkaitan ketibaan pelancong asing ke Malaysia pada tempoh 2010 hingga 2014 adalah seperti berikut :

- Tahun 2010 - 24.6 juta orang
- Tahun 2011 - 24.7 juta orang (Peningkatan 0.6 peratus)
- Tahun 2012 - 25.0 juta orang (Peningkatan 1.3 peratus)
- Tahun 2013 - 25.7 juta orang (Peningkatan 2.7 peratus)
- Tahun 2014, suku tahun pertama (Januari – Mac) -7.1 juta orang (Peningkatan 10 peratus berbanding Januari – Mac 2013)

Maklumat jumlah ketibaan pelancong asing mengikut negara dari tahun 2010 hingga 2013 boleh di dapati di laman sesawang **www.tourismmalaysia.gov.my**.

Bagi cara mempromosikan pelancongan, Kementerian telah mengambil pelan seperti berikut;

i. Pelaksanaan Misi Jualan ke pasaran-pasaran pelancong utama dan pasaran baru bagi meningkatkan visibiliti dan kesedaran mengenai Malaysia serta keyakinan pengusaha-pengusaha pelancongan yang mempromosikan Malaysia di pasaran-pasaran tersebut.

ii. Penyertaan berterusan Tourism Malaysia di Pameran & Ekspo Pelancongan Antarabangsa Utama bersama-sama dengan penggiat industri pelancongan Malaysia serta syarikat penerbangan seperti International Tourism Boursa' (ITB) di Berlin, Arabian Travel Market (ATM) di Dubai, World Travel Mart (WTM) di London, Japan Association of Travel Agents Tourism Forum & Travel Showcase (JATA) di Jepun, Korea World Travel Fair (KOFTA) di Seoul, China International Travel Mart (CITM) di China.

iii. Promosi konsumer seperti Promosi Makanan & Kebudayaan dengan pihak hotel dan pusat membeli belah utama di luar Negara.

iv. Menyertai Pameran & Ekspo produk-produk 'niche' seperti Eco-Pelancongan, Parks & Garden, Spa & Wellness, Kesihatan, Pendidikan & Education Tourism, Malaysia My Second Home (MM2H) dan Inap Desa.

v. Menggalakkan kerjasama dan usahasama dengan pengusaha-pengusaha pelancongan, syarikat penerbangan dan lain-lain dalam aktiviti yang menjurus kepada usaha meningkatkan tahap kesedaran dan penjualan pakej-pakej percutian ke Malaysia secara terus ke konsumer.

vi. Meningkatkan jaringan kerjasama dengan wakil-wakil dari media cetak & elektronik di bawah program Mega Fam dengan membawa penulis, wartawan, krew perfileman dan 'social influencer' seperti 'bloggers' untuk menyaksikan sendiri keunikan acara-acara pelancongan dan produk-produk pelancongan terkini.

vii. Bekerjasama dengan pejabat-pejabat NTOs seperti Singapura, Thailand dan Indonesia bagi menjual pakej-pakej percutian gabungan dua destinasi (dual destination) atau destinasi pelbagai (multi destination).

viii. Penerbitan kolateral-kolateral khas seperti brosur-brosur TMM 2014, poster, standees, cenderahati TMM 2014 seperti t-shirt berkolar, topi, pocket notepad, lapel pin, luggage tag dan sebagainya.

Bagi promosi dalam negara, Kementerian akan mempromosikan:

i. Semua acara pelancongan yang berimpak tinggi seperti, "Magic of the Night", Karnival Pelancongan LIMA dan Karnival Jualan Mega Malaysia.

ii. Penganjuran Mini Karnival Tahun Melawat Malaysia 2014 di peringkat negeri.

iii. Menggunakan *Facebook* sebagai medium dalam mempromosikan pelbagai aktiviti/program anjuran kementerian.

iv. Mengadakan sesi taklimat Tahun Melawat Malaysia 2014 dan sesi dialog bersama penggiat industri pelancongan di negeri-negeri bagi mendapatkan kerjasama pihak swasta, pengusaha-pengusaha hotel dan sebagainya dalam menjayakan kempen ini.

v. Bagi memperkasakan lagi kempen Tahun Melawat Malaysia 2014, Kementerian menjalankan program latihan khas kepada penggiat industri yang dikenali sebagai program "We are the Host". Program ini bertujuan untuk memberi latihan kepada "frontliners" industri pelancongan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelancong sepanjang kempen Tahun Melawat Malaysia 2014.

Kos yang terlibat untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan menerusi kempen-kempen promosi termasuk misi jualan, pengiklanan, pameran, dan juga bahan-bahan kolateral adalah seperti berikut :

- Tahun 2010 - RM 233.96 juta
- Tahun 2011 - RM 271.99 juta
- Tahun 2012 - RM 295.93 juta
- Tahun 2013 - RM 266.74 juta
- Tahun 2014 - Peruntukan RM 309.06 juta

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 113

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DR ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH JAWAPAN : 18 JUN 2014 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan peratusan kuota FiT diperuntukkan bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 yang telah dipasang dan apa tindakan yang sedang diambil terhadap syarikat-syarikat yang telah melepasi tarikh akhir kuota FiT masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) telah dilaksanakan pada 1 Disember 2011 dan sehingga 30 April 2014 sebanyak 2,761 permohonan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 517.97 MW telah diluluskan bagi tempoh sehingga separuh tahun pertama 2015. Daripada jumlah yang diluluskan, sebanyak 2,311 telah mencapai Tarikh Kuatkuasa Tarif Galakan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 189.77 MW, sebanyak 322 permohonan dengan kapasiti 286.91 MW masih dalam proses untuk mencapai Tarikh Kuatkuasa Tarif Galakan, sebanyak 35 permohonan dengan kapasiti 38.15MW telah dibatalkan dan baki 93 permohonan telah membatalkan kelulusan dengan kapasiti 23.07 MW.

Bagi tahun 2012, sebanyak 355 permohonan dengan jumlah kapasiti sebanyak 119.32 MW telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 343 pepasangan dengan jumlah kapasiti sebanyak 104.74MW atau 88%

daripada jumlah kapasiti yang telah diluluskan telah mencapai Tarikh Kuatkuasa Tarif Galakan dan sedang beroperasi.

Bagi tahun 2013 pula, sebanyak 2,198 permohonan dengan jumlah kapasiti sebanyak 183.88MW telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 1,943 pepasangan dengan jumlah kapasiti sebanyak 84.75MW atau 46% daripada jumlah kapasiti yang telah diluluskan telah mencapai Tarikh Kuatkuasa Tarif Galakan dan sedang beroperasi.

Tuan Yang Dipertua,

SEDA Malaysia juga akan mengeluarkan Notis Niat Menarik Semula Kelulusan Galakan bagi syarikat yang gagal mematuhi *milestones* yang telah diisytihar. Syarikat yang terlibat boleh membuat permohonan untuk melanjutkan masa pencapaian *milestones* tersebut sekiranya mempunyai alasan yang munasabah. Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA Malaysia) akan membuat pertimbangan ke atas permohonan yang diterima sebelum memutuskan untuk memberi perlanjutan masa atau menarik balik kelulusan galakan. Sehingga 30 April 2014, SEDA Malaysia telah membatalkan 35 kelulusan dengan

jumlah kapasiti sebanyak 38.15MW kerana gagal memenuhi *milestones* yang telah ditetapkan tanpa alasan yang kukuh atau munasabah.

****

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**Lisan**
DARIPADA	:	**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]**
TARIKH	:	**18 Jun 2014 (Rabu)**
SOALAN	:	**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengaktifkan semula Projek Bumi Hijau bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang keperluan yang semakin meruncing dan sekaligus memberi alternatif kepada pengguna bagi mengurangkan perbelanjaan harian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperkenalkan Program Jom Bertani bagi menggantikan Program Bumi Hijau yang telah dilaksanakan pada tahun 2006.

Program Jom Bertani ini mempunyai tiga komponen iaitu tanaman, ternakan dan akuakultur. Program ini merupakan program sosio-ekonomi yang dirancang khusus untuk meningkatkan bekalan makanan, mengurangkan kos perbelanjaan untuk makanan seterusnya kos sara hidup. Ia juga diharap akan dapat menyumbang kepada pengurangan import bahan makanan dan seterusnya mengurangkan defisit imbangan negara dalam sektor makanan menjelang tahun 2020.

Program ini telah dilancarkan pada 12 Jun 2014. Program ini akan dilaksanakan mengikut 3 fasa iaitu Fasa Pertama melibatkan tanaman (bermula Jun 2014), fasa kedua melibatkan ternakan (Ogos 2014) dan fasa ketiga melibatkan akuakultur (Oktober 2014).

NO. SOALAN: 115

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NOGEH ANAK GUMBEK
[MAS GADING]

TARIKH : 18 JUN 2014

RUJUKAN : 6910

SOALAN:

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional di sebalik menetapkan tempoh menunggu selama 6 bulan kepada warga asing berstatus suami atau isteri rakyat tempatan yang ingin memohon Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang serta sejauh manakah pelaksanaan peraturan ini sudah dimaklumkan kepada masyarakat umum.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tempoh menunggu selama 6 bulan kepada warga asing hanya dikenakan bagi suami kepada rakyat tempatan. Tiada tempoh menunggu dikenakan bagi isteri kepada rakyat tempatan.

Rasional ditetapkan tempoh ini adalah bagi memastikan kesahihan perkahwinan dan bukan *marriage of convenience*.

Maklumat berkaitan dimaklumkan dalam laman web Jabatan Imigresen dan pelanggan turut dimaklumkan ketika hadir di Pejabat Imigresen.

NO. SOALAN: 117

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perlunya kuasa dan peranan yang dimainkan oleh Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) dan pertahanan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) serta adakah Kementerian akan menyediakan aset ketenteraan yang lebih canggih dalam mengawasi ESSZONE dan ESSCOM.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pasukan Keselamatan yang bertugas di ESSZONE telah pun dilengkapkan dengan pelbagai peralatan yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, beberapa peralatan lain diperlukan untuk membolehkan Pasukan Keselamatan mempunyai keupayaan berikut:

a. **Pengawasan Am** – Alat pengawasan am seperti radar diperlukan untuk mengesan sasaran termasuk sasaran kecil seperti *pump boat*. Di samping itu, jumlah radar juga perlu mencukupi supaya tidak wujud *blind spot* di kawasan operasi.

b. **Pengawasan Khusus** – Sistem radar berupaya untuk mengesan sasaran tetapi tidak berupaya untuk mengenalpasti sasaran. Oleh itu, alat pengawasan khusus seperti *thermal camera* diperlukan untuk diintegrasikan dengan sistem radar tersebut. Ini akan memberi keupayaan mengesan dan mengenalpasti sasaran pada waktu siang dan malam. Helikopter dan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) yang dilengkapkan dengan keupayaan pengawasan siang dan malam adalah kategori peralatan pengawasan khusus, yang diperlukan di ESSZONE.

c. **Mobiliti Perairan atau Maritim** – Pasukan Keselamatan (ATM, PDRM dan APMM) akan dilengkapkan dengan kuantiti aset mobiliti perairan yang boleh memintas bot penjenayah di perairan dalam dan juga di perairan yang cetek.

d. **Menguasai Pengoperasian di Waktu Malam** – Pasukan Keselamatan juga akan dilengkapkan dengan pelbagai peralatan untuk membolehkan mereka beroperasi di waktu malam dengan berkesan. Ini termasuk melengkapkan mereka dengan peralatan seperti *Night Vision Devices, Night Weapon Sight, Search Light, Laser Range Finder* dan sebagainya.

e. **Infrastruktur** – aset yang diberikan kepada pasukan keselamatan tidak menjadi lengkap sekiranya infrastruktur yang berkenaan tidak disediakan. Sebagai contoh, *forward operation base* seperti *sea basing* dan jeti diperlukan untuk menempatkan bot bagi tujuan pengoperasian dan juga penyenggaraan.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 118

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]

TARIKH : 18 JUN 2014

RUJUKAN : 6911

SOALAN:

Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat ini berapa ramaikah rakyat Malaysia yang telah pergi 'berjihad' di negara bergolak.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua

Saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci maklumat berkaitan berapa ramaikah rakyat Malaysia yang telah pergi 'berjihad' di negara bergolak. Walaubagaimanapun, berdasarkan rekod PDRM, sejak tahun 80an iaitu pergolakan di Afghanistan dan negara-negara lain yang bergolak sehingga ke hari ini, terkesan lebih daripada 60 individu rakyat Malaysia yang pernah terlibat dengan peperangan dan menjalani latihan ketenteraan di negara berkenaan.

Siasatan terperinci sedang dijalankan terhadap individu-individu berkenaan dan sekiranya mereka terlibat di dalam aktiviti tersebut mereka boleh diambil tindakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012.

NO. SOALAN : 119

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sebab-sebab penangguhan pembentangan pelan strategik kecekapan tenaga di peringkat nasional untuk dipertimbangkan oleh kabinet sejak tahun 2011 untuk dilaksanakan memandangkan pelan tersebut dapat membantu menangani kesan-kesan kenaikan tarif elektrik akibat pengurangan subsidi tenaga.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Draf laporan Akhir Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga (*National Energy Efficiency Action Plan*, NEEAP) telah pun dimuat naik ke laman sesawang KeTTHA pada 23 Januari hingga 28 Februari 2014 bagi mendapatkan ulasan/pandangan daripada pihak *stakeholders* selama 37 hari.

2. Draf NEEAP kini sedang dikemas kini dengan mengambil kira ulasan dan pandangan *stakeholders.* Pihak Kementerian juga akan mengadakan satu sesi *engagement* dengan pihak *stakeholders* bagi memperjelas dan menerangkan isu-isu yang telah dibangkitkan mengenai kandungan NEEAP. Seterusnya, draf akhir Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga ini akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) sebelum dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri untuk kelulusan.

****

NO. SOALAN: 120

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI LIOW TIONG LAI [BENTONG]**

TARIKH : **18 JUN 2014**

RUJUKAN : **6912**

SOALAN:

Dato' Sri Liow Tiong Lai [Bentong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil bagi membantu syarikat dan peniaga yang memerlukan pekerja asing beroperasi dan adakah kemasukan pekerja asing yang baru akan dibenarkan untuk semua sektor kritikal.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa peka terhadap keperluan syarikat dan peniaga yang memerlukan pekerja asing untuk beroperasi. Sehubungan ini, Kerajaan telah membenarkan pengambilan pekerja asing bagi lima sektor utama yang memerlukan guna tenaga asing iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan juga pertanian bagi membantu syarikat dan peniaga untuk menjalankan operasi perniagaan.

Kerajaan juga telah menubuhkan Pusat Kelulusan Setempat (One Stop Centre – OSC) pada 1 Ogos 2005 bagi memudahkan majikan daripada pelbagai sektor membuat permohonan pengambilan pekerja asing. Permohonan majikan yang lengkap dan menepati kriteria serta syarat yang ditetapkan akan diberikan kelulusan pada hari yang sama.

Bagaimanapun, keperluan pekerja asing bagi sektor kritikal perlu disalurkan kepada Agensi Kawal Selia setiap sektor selaku agensi yang bertanggungjawab dalam memantau keperluan sebenar guna tenaga kerja termasuk pekerja asing di sektor masing-masing. Ini termasuklah sekiranya sektor kritikal tersebut adalah sektor beku dan sektor luar dasar.

Walaupun terdapat keperluan mendesak, syarikat dan majikan seringkali diingatkan mengenai aspek keselamatan yang perlu diberi keutamaan memandangkan kehadiran pekerja asing di negara ini akan turut memberi impak terhadap ketenteraman awam, kesihatan, sosial dan ekonomi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI**
[SETIAWANGSA - BN]

TARIKH : **18 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN (NO. 121)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah jangka panjang yang dirancang oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah keganasan bola sepak yang melibatkan kekecohan sesama penyokong bola sepak dan juga sesama pemain dan jurulatih yang kerap kali berlaku kebelakangan ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah untuk mengatasi masalah keganasan bola sepak yang sering berlaku sejak kebelakangan ini, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah melancarkan kempen anti keganasan iaitu *'Love Football, Stop Hooliganism'* pada 22 Februari 2014 oleh Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Ini merupakan kempen berterusan dalam menyedarkan peminat bola sepak agar lebih berhemah dalam memberi sokongan kepada pasukan masing-masing.

2. Selain daripada itu, Jawatankuasa Keselamatan yang ditubuhkan oleh FAM telah bekerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi meningkatkan lagi kawalan keselamatan sebelum dan selepas perlawanan. Dalam memastikan keselamatan penonton, kawalan keselamatan di dalam dan di luar stadium turut diperketatkan dengan menyenaraikan barang-barang larangan seperti suar dan juga batang bendera tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam stadium.

3. Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) turut telah mengenakan hukuman yang berat ke atas mana-mana pasukan yang gagal mengawal penyokong masing-masing. Kes terbaru di mana FAM telah mengenakan hukuman denda sehingga RM 140,000.00 dan bermain di stadium kosong sebanyak empat perlawanan ke atas

pasukan bolasepak negeri Perak kerana kejadian membakar suar, mercun dan kelakuan agresif penyokongnya ketika menentang Johor DT dan Selangor.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 122

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]**
TARIKH	:	**18.6.2014**
SOALAN	:	

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) bilakah pembaikpulihan sistem bayaran balik PTPTN seperti sistem di United Kingdom akan dilaksanakan di mana peminjam hanya memulakan bayaran balik apabila berpendapatan sekurang-kurangnya gaji minima; dan

(b) bilakah kaedah bayaran balik PTPTN melalui potongan gaji (ICR) seperti New Zealand dan Australia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Kaedah kutipan balik pinjaman PTPTN melalui *Income Contingent Loan Repayment* (ICLR) dijangka dilaksanakan pada tahun 2015. ICLR adalah merupakan kaedah bayaran balik pembiayaan pendidikan melalui potongan gaji yang telah diamalkan oleh Australia serta New Zealand. Melalui ICLR, pelajar hanya perlu membayar balik pembiayaan pendidikan mereka berdasarkan peratusan tertentu daripada pendapatan apabila pendapatan mereka mencapai *threshold* yang ditetapkan. Pembayaran balik akan ditolak secara automatik daripada pendapatan mereka oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), sama sebagaimana kaedah potongan cukai

berjadual. Jika pendapatan mereka berada di bawah *threshold* yang ditetapkan, peminjam tidak perlu membuat bayaran.

Bagi melaksanakan ICLR ini, Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 [Akta 533] dan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [Akta 533] perlu dipinda dan kedua-dua Rang Undang-Undang ini dijangka dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga Parlimen bulan Oktober 2014.

Rjm115

NO SOALAN :123

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN NGA KOR MING (TAIPING)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.06.2014**

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci apakah jumlah tanggungan liabiliti 1MDB dan senaraikan pihak yang membuat pinjaman kepada 1 Malaysia Development Berhad(1MDB).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah hutang 1MDB pada tahun berakhir 31 Mac 2013 adalah sebanyak RM37 bilion. Ini ada dinyatakan di dalam laporan kewangan

1MDB yang boleh perolehi dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Pihak yang memberi pinjaman kepada 1MDB terdiri daripada institusi kewangan domestik dan antarabangsa.

1MDB mempunyai pinjaman sebanyak RM5.8 bilion yang menerima jaminan eksplisit Kerajaan Malaysia. Selain daripada itu, 1MDB tidak menerima jaminan dari Kerajaan bagi bon-bon atau pinjaman-pinjaman yang lain.

Jaminan Kerajaan kepada pinjaman berjumlah RM5.8 billion tersebut terdiri daripada jaminan yang diberi kepada bon-bon IMTN 30 tahun berjumlah RM5 billion dan pinjaman 1MDB berjumlah RM800 juta.

SOALAN NO: 124

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [BATU]**
TARIKH	**:**	**RABU, 18 JUN 2014**
RUJUKAN	**:**	**L9 [PR-1322-L62671]**
SOALAN	**:**	

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah pampasan dan sewa perumahan PPR bagi penduduk Kg. Railway. Bilakah penduduk ini akan mendapat surat tawaran untuk membeli perumahan kos rendah yang akan dibina oleh Sentul Raya Sdn. Bhd. pada harga RM42,000.00.

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, Kg. Railway terlibat dengan program pembersihan setinggan dan projek pembangunan oleh Sentul Raya Sdn. Bhd. Operasi pembersihan telah dijalankan pada 26 Disember 2013 dan semua penduduk yang terlibat telah mengosongkan tapak dan berpindah keluar.

Penyelesaian isu Kg.Railway ini meliputi tawaran:

i. Pemberian pampasan dalam bentuk subsidi pengangkutan sebanyak RM18,000 bagi setiap keluarga oleh Sentul Raya Sdn. Bhd. kecuali bagi 17 keluarga yang tidak layak.

ii. Surat tawaran pembelian rumah kos rendah dengan harga RM42,000 yang akan dibina di tapak Kg. Railway telah disertakan bersama semasa persetujuan perpindahan penduduk bertarikh 1 Disember 2013. Walau bagaimanapun, golongan 13 keluarga telah ditawarkan untuk membeli unit mampu milik pada harga yang akan ditetapkan oleh DBKL manakala baki 4 unit adalah merupakan bengkel dan stor yang tidak akan ditawarkan apa-apa jenis ganti rugi.

iii. Penduduk ditawarkan menyewa secara transit di PA/PPR DBKL sehingga projek rumah kos rendah siap dibina.

iv. Bayaran cagaran kemasukan penyewa ke PA/PPR DBKL ditanggung sepenuhnya oleh Sentul Raya Sdn. Bhd manakala sewa bulanan akan ditanggung oleh DBKL untuk tempoh masa 3 tahun. Ini untuk memastikan bahawa pembangunan rumah kos rendah ini disiapkan mengikut tempoh yang ditentukan.

NO SOALAN :125

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN (INDERA MAHKOTA)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.06.2014**

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dasar Kementerian berkenaan tawaran tender terpilih (*selected tender*) oleh kerana kaedah sedemikian terdedah kepada penyelewengan. Apakah Kementerian bersedia untuk menghentikan amalan tawaran terpilih (*selected tender*) ini.

JAWAPAN

Kerajaan sentiasa menekankan supaya semua perolehan Kerajaan dilaksanakan secara kaedah tender bagi meningkatkan tahap ketelusan

dalam proses perolehan dan memperkukuh daya saing serta bina upaya syarikat tempatan. Perolehan secara tender merangkumi tender terbuka, tender pra-kelayakan dan tender terhad.

Bagi projek yang dipelawa secara tender terhad, Kementerian/Badan Berkanun dibenarkan untuk melaksanakan perolehan tersebut bagi projek-projek yang memerlukan kepakaran bernilai tidak melebihi RM10 juta. Ini ditetapkan dalam Perenggan 11, Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 9 Tahun 2009 mengenai Had Nilai, Kuasa Dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan Agensi. Melalui kaedah perolehan secara tender terhad ini, masih wujud persaingan di mana tawaran-tawaran petender akan melalui proses penilaian yang sama seperti tender terbuka bagi memastikan tawaran terbaik dan paling menguntungkan dipilih.

Pemilihan syarikat untuk tender terhad dibuat berdasarkan kepada keupayaan syarikat, prestasi/trek rekod, kedudukan kewangan, beban kerja semasa syarikat serta lain-lain kriteria yang bersesuaian. Setelah mengambil kira kriteria-kriteria yang ditetapkan, pihak berkuasa melulus sama ada Lembaga Perolehan 'A' Agensi atau Kementerian Kewangan

boleh untuk tidak bersetuju dengan senarai syarikat yang dikemukakan dan meminta Agensi mengemukakan senarai syarikat yang baru untuk pertimbangan semula.

Di samping itu, pihak berkuasa melulus juga boleh menolak pelaksanaan perolehan secara kaedah tender terhad dan mengesyorkan Agensi melaksanakan perolehan secara tender terbuka. Setelah keputusan pemilihan untuk tender terhad diputuskan oleh Lembaga Perolehan 'A' Agensi atau Kementerian Kewangan, Agensi akan menghantar surat pelawaan menyertai tender terhad kepada syarikat-syarikat yang dipilih.

SOALAN NO: 126

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU]**
TARIKH	:	**RABU, 18 JUN 2014**
RUJUKAN	:	**L10 [PR-1322-L62549]**
SOALAN	:	

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan adakah pihak Kementerian telah menetapkan garis panduan bagi mewujudkan bazar larut malam. Di Wangsa Maju terdapat dua bazar larut malam, yang mana kawasannya dalam lebih kurang 3 kilometer.

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, DBKL telah menetapkan garis panduan bagi mewujudkan bazaar larut malam tetapi tidak menetapkan jumlah jarak antara satu bazar ke bazar lain. Setakat ini DBKL hanya meluluskan dua bazar larut malam yang beroperasi di kawasan terbuka iaitu di Danau Kota dan tapak letak kereta Velodrom Bandar Tun Razak. Dua (2) bazar larut malam ini adalah termasuk pembangunan semula bazar larut di tapak baru di tanah kerajaan di mukim Setapak, Kuala Lumpur.

Sementara itu, karnival jualan malam telah dilaksanakan di Pasar Gombak sebagai usaha mempromosikan dan memajukan pusat penjaja dan pasar itu yang kurang berdaya maju. Ini bertujuan untuk meneruskan aktiviti perniagaan bazar larut malam bagi meningkatkan ekonomi setempat.

SOALAN (127)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]

SOALAN :-

Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah rumah yang sedia ada di bawah program MyHome di seluruh Malaysia dan senaraikan mengikut negeri. Sila berikan bilangan rumah MyHome yang sedia ada di Kawasan Sibu juga.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MyHome merupakan inisiatif baru Kerajaan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang menggalakkan sektor swasta untuk membina lebih banyak rumah mampu milik. Oleh yang demikian, belum ada rumah yang telah siap disediakan di bawah program ini termasuk di Sibu dan Jabatan Perumahan Negara (JPN) sedang meneliti permohonan yang diterima daripada pemaju untuk menyertai program ini. Sehingga tarikh 30 Mei 2014, JPN telah menerima 35 permohonan daripada pemaju untuk membina 8892 unit rumah di seluruh Malaysia.

Berikut adalah senarai pemaju yang telah mengemukakan permohonan untuk pertimbangan oleh KPKT:

i) SL Harmony Development

MyHome 1 : 61

ii) Setegap Cahaya Sdn Bhd

MyHome 1 : 17

MyHome 2 : 60

iii) Joseph Design & Contract Sdn Bhd

MyHome 1: 73

MyHome 2: 169

iv) TakExCel Sdn Bhd

MyHome 2: 28

Jumlah keseluruhan : MyHome 1 : 151 unit

MyHome 2 : 257 unit

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

Soalan No : 128

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI**
[KUALA KRAI]

TARIKH : **18 Jun 2014**

SOALAN :

Y.B. Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sebab mengapakah seramai 24.6 peratus daripada 174,464 graduan yang ditinjau di dalam Graduate Tracer Study Executive Report 2010 masih gagal untuk mendapatkan pekerjaan selepas 6 bulan menamatkan pengajian di pusat pengajian tinggi dan apakah langkah yang dibuat untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Laporan Kajian Pengesanan Graduan Tahun 2010, sebab utama graduan belum bekerja adalah seperti berikut:

No.	Sebab-sebab Tidak Bekerja	Peratus (%)
1.	Sedang mencari pekerjaan	71.6
2.	Menunggu Penempatan melanjutkan pengajian	16.2
3.	Ingin berehat	3.4
4.	Kerja yang ditawarkan tidak sesuai	2.1
5.	Tanggungjawab terhadap keluarga	2.5
6.	Lain-lain	2.3
7.	Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	0.7
8.	Memilih untuk tidak bekerja	0.5
9.	Masalah kesihatan	0.4
10.	Tidak berminat untuk bekerja	0.3

Justeru itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam menangani isu tersebut dengan meningkatkan kebolehpasaran graduan seperti :

i) Membangunkan Graduate Employability Blueprint (GEB) sebagai dokumen yang menyediakan garis panduan perancangan dan tindakan dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan khususnya bagi graduan yang mendapat kurang dari 3.0 CGPA dan atau dari bidang yang kurang mendapat sambutan majikan atau industri.

ii) Memasukkan elemen Generic Student Attribute (GSA) dan Graduate Employability Competency (GEC) di dalam kurikulum pelajar institute pengajian tinggi supaya dapat mempelajari cara dan kemahiran penampilan serta pembawaan diri yang positif sebagai seorang graduan serta mempunyai kualiti dan kompetensi yang relevan dalam bidang industry yang hendak diceburi.

iii) Mengadakan program latihan industri dan internship dengan industri yang telah dikenal pasti boleh melatih dan mendedahkan peluang pembelajaran berasaskan *hands on.*

iv) Mengadakan hubungan yang lebih baik dengan pihak industri supaya lebih banyak industri boleh membuka peluang kerjasama dalam membantu usaha meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan menerusi program ICoE dan 1 University 1 Industry.

v) Menjalankan program-program Stop Gap Measures menerusi Dana Kebolehpasaran Graduan betujuan untuk melatih graduan baru dengan kemahiran bersekaligus dengan penyediaan pekerjaan (Train and Place)kepada mereka.

vi) Memasukkan input yang mempunyai nilai tambah ke dalam kurikulum dan ko kurikulum yang disediakan di peringkat Universiti supaya pelajar menjadi lebih berkeyakinan dan mempunyai lebih pengetahuan serta persediaan khususnya tentang dunia luar yang lebih mencabar khususnya bagi bidang yang kurang laku di pasaran.

Selain itu, KPM juga telah melancarkan Dasar Pembangunan Usahawan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bertujuan menggalak dan memantapkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan di (IPT) tempatan secara terancang dan holistik. Di bawah dasar ini, pelbagai usaha dan inisiatif telah diambil oleh pihak KPM dan IPT dalam menerapkan budaya dan nilai-nilai keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT agar meneceburi bidang keusahawan.

SOALAN NO: 129

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

YB TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menggubal undang-undang untuk mengharamkan wakil rakyat daripada keluar parti semasa berkhidmat (anti-hopping laws) dan sekiranya ada, bila.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

SPR tidak mempunyai apa-apa kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang untuk melarang wakil rakyat daripada keluar parti semasa berkhidmat. Oleh yang demikian perkara ini memerlukan perbincangan dan pertimbangan daripada pihak-pihak yang mengawal tingkah laku wakil rakyat.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 130

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	

YB Tuan Tan Kok Wai (Cheras) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kedudukan cukai dan tarif ke atas semua ubat dan peralatan perubatan perlu yang secara langsung diletakkan pada harga ubatan dan mengapakah Kerajaan tidak mengadakan indeks harga ubat bagi memantau harga secara berterusan

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, ubat-ubatan di Malaysia tidak dikenakan sebarang cukai untuk mengimport, mengilang dan memasarkan dalam negara. Begitu juga dengan harga ubat-ubatan masih ditentukan oleh kuasa pasaran dan persaingan.

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri Malaysia dalam pembentangan Bajet 2014 telah mengumumkan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan *GST* sebanyak enam peratus bermula pada April 2015. Pelaksanaan *GST* yang merupakan sebahagian dari program transformasi kerajaan untuk

meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem percukaian dan seterusnya membolehkan lebih banyak projek pembangunan dilaksanakan melalui peningkatan hasil kerajaan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat mengalu-alukan cadangan Kementerian Kewangan meletakkan pembekalan barangan dan perkhidmatan farmaseutikal di sektor kesihatan awam, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri di luar skop pelaksanaan *GST* yang bermaksud tidak dikenakan *GST*. Walau bagaimanapun, pembekalan barangan dan perkhidmatan farmaseutikal di sektor swasta tidak dikecualikan dan dikenakan *GST* di mana pihak farmasi runcit dan industri farmaseutikal dikenakan kadar standard sebanyak 6% bagi semua ubat-ubatan.

Pelaksanaan pembekalan berkadar standard bagi ubat-ubatan di sektor swasta secara langsung akan meningkatkan harga ubat-ubatan sebanyak 6% dan menyebabkan rakyat tidak berkemampuan untuk membeli ubat dengan harga yang ditawarkan di pasaran. Ini adalah bertentangan dengan objektif utama Dasar Ubat Nasional (DUNas) untuk memastikan ubat-ubatan mampu diperolehi oleh rakyat untuk meningkat tahap kesihatan mereka apabila diperlukan.

Untuk tujuan tersebut, KKM telah menyediakan kertas cadangan balas kepada Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia bertujuan untuk memohon pertimbangan dan persetujuan Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia di atas cadangan balas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai layanan GST ke atas farmaseutikal/ubat-ubatan di Malaysia di mana dipohon GST dipohon

dikecualikan bagi ubat-ubat penting tertentu *(National Essential Medicines List* –NEML).

KKM telah menjalankan kajian pemantauan harga sejak tahun 2006. Analisa kajian dibuat dengan membandingkan harga ubat di Malaysia dengan perbandingan harga antarabangsa (IRP) dan mengikut saranan WHO iaitu:

- Median harga kurang dari 2 kali IRP adalah perkembangan yang baik
- Median harga kurang dari 3 kali IRP adalah tujuan (target)
- Median harga melebihi 4 kali IRP memerlukan tindakan
- Median harga di antara 3 hingga 5 kali memerlukan penambahbaikan dan bantuan

Bagi sektor awam, median harga adalah kurang dari 2 kali IRP.

Selain itu, di sektor awam, dalam proses negosiasi harga ubat-ubatan, perbandingan juga dijalankan dengan harga pasaran dalaman dan antarabangsa, bagi memastikan harga yang terbaik didapati.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM sentiasa berusaha memastikan supaya harga ubat-ubatan di Malaysia ini sentiasa mampu milik bagi rakyat dan aktiviti pemantauan harga ubat-ubatan di Malaysia adalah dijalankan secara berterusan

SOALAN NO: 131

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	

DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

(a) kerangka 'framework' Kementerian dalam menggunakan rawatan alternatif untuk meregulasi rawatan penyakit-penyakit sedia ada; dan

(b) setakat mana pengamal perubatan alternatif dilibatkan dalam perundingan untuk merangka 'framework' tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Pertama sekali saya ingin memberikan pencerahan berhubung dengan penggunaan istilah 'rawatan alternatif'. Untuk makluman Ahli Dewan, konsep perubatan tradisional dan komplementari yang diamalkan di Malaysia adalah sebagai pelengkap atau komplementari bagi perubatan moden. Merujuk kepada Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari

2013, amalan perubatan tradisional dan komplementari membawa maksud suatu bentuk amalan yang berkaitan dengan kesihatan bertujuan untuk mencegah, merawat atau mengurus penyakit atau sakit atau memelihara kesejahteraan fizikal dan mental individu.

Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2013 telah digubal dan diwartakan pada 8 Februari 2013. Akta ini sedang menunggu tarikh penguatkuasaan. Tujuan Akta ini digubal dan seterusnya dikuatkuasakan adalah untuk menubuhkan sebuah majlis iaitu Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari untuk mengawal selia perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari di Malaysia serta mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Semenjak mesyuarat pertama penggubalan Akta ini pada tahun 2006 sehingga dibahaskan di Parlimen pada tahun 2012, terdapat beberapa siri taklimat, jerayawara (roadshow) dan perbincangan yang telah dilaksanakan di seluruh negara untuk memberikan pencerahan dan mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan (stakeholders).

Secara ringkas, sebanyak 24 taklimat telah dijalankan pada tahun 2007, 15 taklimat pada tahun 2008, 21 taklimat pada tahun 2009, 7 taklimat dari Januari sehingga Jun 2010 sehingga Rang Undang-Undang ini dihantar ke Bahagian Gubalan, Pejabat Peguam Negara pada bulan Jun 2010. Taklimat-taklimat ini telah dijalankan kepada pihak berkepentingan untuk memberi penerangan berhubung Rang Undang-Undang yang sedang digubal pada ketika itu. Setiap kali taklimat-taklimat ini dijalankan, pihak Kementerian telah menjemput para pengamal perubatan tradisional dan

komplementari sama ada melalui badan pengamal yang telah dilantik atau secara terus kepada pengamal melalui pangkalan data pihak Kementerian. Selain itu, pada tahun 2011 dan 2012 sebelum Akta ini dibahaskan di Parlimen, pihak Kementerian telah memberikan taklimat kepada wakil daripada badan pengamal yang telah dilantik. Melalui saluran ini, maklumat berkenaan dengan Akta telah disampaikan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan telah diambil maklum.

SOALAN NO: 132

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]
TARIKH : 18 JUN 2014
SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa Kerajaan tidak membina satu hospital besar di Penampang memandangkan satu-satunya poliklinik yang sedia ada di daerah Penampang kini dibebani dengan peningkatan populasi yang begitu tinggi dan yang memerlukan perkhidmatan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak bercadang untuk membina sebuah Hospital baru di Penampang memandangkan kemudahan kesihatan sedia ada di kawasan berkenaan sudah berupaya menampung keperluan penduduk di Penampang dan sekitarnya.

Menyedari dengan kepesatan pembangunan di Daerah Penampang, KKM telah meluluskan projek membina Klinik Kesihatan Penampang

Jenis 3 yang baru di Kampung Dambai yang terletak kira-kira 1KM daripada Pekan Donggongon. Projek ini sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2017. Klinik baru ini mempunyai kelengkapan yang sama dengan Klinik Kesihatan Jenis 3 yang ada di seluruh Malaysia termasuk rumah kuarters. Dengan pembinaan klinik baru ini, dijangkakan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti dapat diberikan kepada semua penduduk di Daerah Penampang.

NO. SOALAN: 133

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah Raja-Raja Melayu dan Kerabat DiRaja dikecualikan daripada pendakwaan atau tindakan undang-undang, sama ada sivil atau jenayah.

JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Fasal (2) Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan, prosiding terhadap seseorang Raja atas sifat peribadinya boleh dibawa di Mahkamah Khas. Penubuhan Mahkamah Khas adalah di bawah Bahagian XV Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan Fasal (3) Perkara 182 Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Khas mempunyai bidang kuasa khusus untuk membicarakan segala kesalahan yang dilakukan di dalam Persekutuan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri dan segala kes sivil oleh atau terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu negeri walau di mana-mana pun kausa tindakan itu berbangkit.

2. Selain daripada itu, Perkara 183 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tindakan sivil atau jenayah terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu negeri hanya boleh dimulakan dengan keizinan Peguam Negara. Sehubungan dengan itu, pendakwaan atau tindakan undang-undang sama ada sivil atau jenayah terhadap Raja-Raja Melayu boleh dimulakan di Mahkamah Khas tertakluk kepada keizinan Peguam Negara.

3. Berhubung dengan kerabat diraja, tafsiran Raja di bawah Perlembagaan Persekutuan tidak termasuk kerabat diraja. Walaupun terdapat Perlembagaan Negeri yang mentafsirkan perkataan "Sultan"/ "Raja"/ "Duli Yang Maha Mulia" sebagai termasuk "Pengganti"/ "Waris Ganti"/ "Pemangku Raja"/ "Ganti" (sebagai contoh Negeri Selangor,

Kelantan, Kedah dan Perak), namun tafsiran tersebut adalah bagi maksud Perlembagaan Negeri itu sahaja dan tidak boleh diguna pakai bagi mentafsirkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

4. Selanjutnya, Mahkamah Persekutuan dalam kes *DYTM Tengku Idris Shah Ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah v Dikim Holdings Sdn Bhd & Anor [2002] 2 CLJ 57* telah memutuskan bahawa perkataan Raja sesuatu Negeri (*Ruler of a State*) dalam Perkara 182 Perlembagaan Persekutuan tidak bertujuan menggolongkan seseorang yang menjalankan tugas-tugas Raja termasuk Pemangku Raja sebagai Raja.

5. Selain itu, berhubung dengan Negeri Sembilan, walaupun Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan mentafsirkan Raja sebagai termasuk Pembesar-Pembesar Memerintah mengikut Perlembagaan negeri itu, namun Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Menteri Othman Baginda & Anor. v. Dato' Ombi Syed Alwi Syed Idrus [1981] 1MLJ 29* telah memutuskan bahawa perkataan Raja di bawah Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan tidak termasuk Pembesar Memerintah iaitu Undang; dan

6. Sehubungan dengan itu, peruntukan berhubung dengan Mahkamah Khas di bawah Perlembagaan Persekutuan tidak terpakai bagi kerabat diraja. Oleh itu pendakwaan dan tindakan undang-undang bagi kerabat diraja hendaklah dijalankan di mahkamah umum.

7. Kesimpulannya, berdasarkan peruntukan undang-undang, Raja-Raja Melayu dan kerabat diraja tidak dikecualikan daripada pendakwaan atau tindakan undang-undang, sama ada sivil atau

jenayah.Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap Raja-Raja Melayu di Mahkamah Khas dan kerabat diraja di mahkamah umum.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 135

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang akan diambil bersama dengan Kementerian Pelancongan untuk menangani masalah pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan yang tidak dibenarkan untuk membawa pelancong-pelancong tempatan dengan kenderaan-kenderaan didaftarkan di Malaysia melalui sempadan Malaysia ke dalam Negeri Thai.

JAWAPAN: **YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada maklumbalas yang kami terima, pada masa ini, pengusaha-pengusaha pelancongan yang mengendalikan bas pelancongan tempatan masih lagi dibenarkan masuk ke Thailand dan menghantar penumpang seperti biasa.

2. Operasi ini telah lama berjalan dan pengusaha Malaysia hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Negara Thailand seperti insuran, cukai jalan, senarai penumpang dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 136

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap Laporan Ketua Audit Negara untuk memastikan ketirisan dan kebocoran kewangan negara tidak terus berlaku dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya kepada rakyat dan pembangunan negara.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat memandang serius teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara yang diterbitkan pada setiap tahun. Namun begitu, andaian berlakunya ketirisan dan kebocoran adalah tidak tepat. Ini kerana kebanyakan penemuan audit adalah melibatkan aspek pengurusan kontrak, pengurusan bekalan, pengurusan hasil, penyelenggaraan aset, ketidakpatuhan kepada peraturan kewangan dan kekurangan pemantauan. Sebagai contoh dalam isu pembinaan Politeknik Banting yang berharga RM186.88 juta, dimana telah menerima teguran audit berkaitan dengan kelewatan pembayaran kepada kontraktor, arahan perubahan kerja dan kualiti kerja yang kurang memuaskan. Walau bagaimanapun, projek tersebut dapat disiap dan digunapakai. Ini jelas menggambarkan bahawa teguran audit merujuk kepada kegagalan mencapai tahap kualiti yang telah ditetapkan dan kelewatan dalam pembayaran. Teguran tersebut tidak melibatkan ketirisan kewangan dan nilai kontrak. Oleh yang demikian ketirisan kewangan sebanyak yang didakwa bagi kesemua laporan audit adalah tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun begitu, kerajaan amat memandang berat segala teguran audit samada melibatkan kerja atau kewangan. Oleh yang

demikian, kerajaan telah dan akan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

(i) menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi menyiasat teguran melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaian pelaksanaan tugas;

(ii) mengambil tindakan tatatertib, surcaj atau pertuduhan jenayah di mahkamah ke atas pegawai didapati melakukan salah laku atau kecuaian;

(iii) memaklumkan status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara secara berkala kepada Ketua-ketua Jabatan melalui Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan dan Mesyuarat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Dengan Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kerajaan Negeri;

(iv) memaparkan status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara dalam laman web Jabatan Perkhidmatan Awam; dan

(v) mengadakan sesi *townhall* bersama Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Setiausaha Kementerian Mengenai Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara 2012 dan Laporan Ketua Audit Negara 2013 (Siri 1 dan Siri 2).

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 137

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** untuk menyatakan maklumat dan perkembangan Dana Khas GTFS sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Semenjak Skim Pinjaman Teknologi Hijau (*Green Technology Financing Scheme* - GTFS) diperkenalkan, sebanyak 312 buah projek telah diberikan pensijilan hijau dengan jumlah kos keseluruhan kompenen hijau bernilai RM5.18 billion. Dari jumlah ini, 135 projek telah berjaya mendapat tawaran pembiayaan dari institusi kewangan yang mengambil bahagian dalam GTFS dengan jumlah tawaran pembiayaan sebanyak RM1.89 billion.

2. Daripada jumlah keseluruhan projek diberikan pensijilan hijau, sektor tenaga merupakan sektor tertinggi menerima pembiayaan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM1.53 billion bagi 100 projek, diikuti 31 projek di bawah sektor air dan pengurusan sisa dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM337 juta. Manakala, sektor bangunan dan pengangkutan hanya diluluskan sebanyak dua (2) projek setiap sektor dengan kelulusan pembiayaan masing-masing berjumlah RM16.4 juta dan RM6.95 juta.

3. Dalam usaha menggalakkan penyertaan pihak industri di dalam Skim GTFS, *Malaysian Green Technology Corporation* (GreenTech Malaysia - MGTC) telah membuat beberapa penambahbaikan termasuk:

a) mewujudkan sesi runding dan nasihat kepada pemohon-pemohon dan Institusi Perbankan melalui "Pitching Session", di mana GreenTech Malaysia bertindak sebagai perantara bagi kedua-dua pihak pemohon dan peminjam menyelesaikan perkara/isu berbangkit;

b) menganjurkan Green Technology Roadshow bersama-sama Bank Negara Malaysia sepanjang tahun bagi tujuan meningkatkan kesedaran di kalangan Institusi Kewangan;

c) mengadakan taklimat dan ceramah di kalangan pelbagai pihak berkepentingan termasuk sektor-sektor swasta, Kerajaan, pengilang-pengilang dan institusi pengajian tinggi awam/swasta; dan

d) mengadakan *business matching* serta program dialog bersama pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi

kewangan, kerajaan dan pengusaha industri berkenaan isu-isu berbangkit dalam pelaksanaan GTFS.

4. Dari segi impak GTFS, kesemua projek yang telah diberi pensijilan hijau berupaya menjana pelaburan sebanyak RM14.7 bilion dan dapat mewujudkan sebanyak 4,993 pekerjaan hijau (*green jobs*). Dari aspek alam sekitar pula, projek-projek tersebut mampu mengurangkan sebanyak 10.7 juta ton karbon dioksida setahun.

5. Dilihat dari tren peningkatan permohonan serta disokong oleh dasar-dasar proaktif dan insentif-insentif lain seperti Feed-in-Tariff (FiT), Kerajaan yakin industri teknologi hijau akan terus berkembang maju dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bersama GreenTech Malaysia akan terus mengadakan aktiviti promosi dan penggalakkan mengenai GTFS untuk memberi penjelasan dan penerangan tentang kepentingan industri teknologi hijau seterusnya mengalakkan sektor industri melabur dalam industri teknologi hijau.

****

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]**
TARIKH	:	**18.06.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**138**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-

(a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menambah atau menaikkan jumlah peruntukan untuk melaksanakan Projek Jalan Kampung / Jalan Perhubungan Desa untuk kawasan Parlimen Bintulu terutamanya kawasan Suai dan Niah yang jaraknya melebihi 5KM panjang; dan

(b) adakah pihak Kementerian membuat kajian terlebih dahulu sebelum meluluskan permohonan ini atau berdasarkan kepada faktor-faktor yang lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jawapan (a)

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited untuk melaksanakan projek Jalan Kampung dan Jalan Perhubungan Desa terutamanya di kawasan luar bandar secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan berdasarkan bajet yang diluluskan. Berhubung dengan permohonan projek Jalan Kampung / Jalan Perhubungan Desa di kawasan Suai dan Niah, Kementerian akan membuat siasatan tapak terlebih dahulu bagi menentukan skop, spesifikasi dan anggaran kos. Kementerian memohon kerjasama Yang Berhormat untuk mengemukakan maklumat lengkap mengenai permohonan jalan kampung di kawasan Suai dan Niah bagi membolehkan Kementerian membuat siasatan tapak.

Jawapan (b)

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian membuat kajian terlebih dahulu bagi menentukan skop, spesifikasi dan anggaran kos. Siasatan tapak akan dilakukan bersama agensi teknikal seperti Pejabat Residen, Pejabat Daerah dan JKR beserta pemimpin tempatan.

Seterusnya Kementerian akan mempertimbangkan permohonan ini mengikut keutamaan secara berperingkat-peringkat berdasarkan bajet yang diluluskan. Selain itu, kerja-kerja menaik taraf dan melebarkan jalan-jalan kampung juga tertakluk kepada rizab jalan sedia ada, perlu mendapat izin lalu daripada tuan tanah dan memberi faedah tidak kurang daripada 50 orang pengguna jalan raya.

No. Soalan:139
PR-1322-L62826

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN** **[KEPALA BATAS]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	**Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status pencapaian dan pelaksanaan Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) pada ketika ini. Apakah ianya masih menjadi bidang tumpuan kepada Kementerian dan negara pada ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepala Batas atas soalan beliau.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Semenjak Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) ditubuhkan pada 1980, Malaysia telah menawarkan program-program untuk meningkatkan daya-upaya modal insan di negara-negara membangun di bawah rangka kerja Kerjasama Selatan-Selatan. Melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran di dalam bidang pembangunan, Malaysia telah dapat memperkukuhkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara negara ini.

3. Program-program latihan yang dilaksanakan adalah di dalam bidang-bidang di mana Malaysia diakui sebagai pakar di peringkat antarabangsa, termasuk pembangunan ekonomi, perbankan Islam dan diplomasi. Sejak penubuhannya, lebih daripada 27,000 peserta dari 139 negara telah mendapat manfaat dari program-program latihan bina-upaya di bawah MTCP. Negara-negara penerima MTCP menganggap Malaysia sebagai model negara membangun yang wajar dicontohi dan telah memberikan maklumbalas yang positif di atas bantuan Malaysia di dalam meningkatkan daya-upaya modal insan rakyat mereka dan sekaligus membantu usaha pembangunan nasional mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Di samping itu, kemajuan dan kepakaran Malaysia telah mendorong banyak negara-negara maju, negara-negara membangun dan agensi-agensi pembangunan antarabangsa seperti *United Nations Development Programme* UNDP dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA) untuk meningkatkan kerjasama melalui program Kerjasama Tiga-Hala dengan MTCP.

5. Sumbangan Malaysia melalui MTCP telah mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengiktiraf Malaysia sebagai salah satu negara utama (*pivotal country*) dan aktif dalam Kerjasama Selatan-Selatan semenjak tahun 1995. Pada tahun 2008 , PBB telah menganugerahkan, dengan izin, *South-South Innovation Award* kepada Malaysia sempena Hari PBB (*United Nations Day*) sebagai pengiktirafan ke atas usaha Malaysia membantu negara-negara membangun yang lain.

6. Peranan MTCP juga telah mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa. Semasa sambutan Hari PBB 2013 di Malaysia, MTCP telah menerima anugerah, dengan izin, "*UNDP Award 2013 for Millennium Development Goal 8 – Develop a Global Partnership for Development*". Anugerah ini diberi kepada negara yang dicalonkan oleh negara-negara membangun lain yang telah membantu mereka di dalam usaha mencapai, dengan izin, *UN Millenium Goals.*

7. Malaysia akan terus mempergiatkan usaha-usaha untuk membantu negara-negara membangun yang lain untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi mereka melalui pelbagai program yang dianjurkan oleh MTCP yang berlandaskan semangat, dengan izin, "*Prosper-Thy-Neighbour*". Sebagai salah satu usaha diplomatik yang dilaksanakan oleh KLN, MTCP akan dapat memberi impak secara langsung dan tidak langsung kepada negara di dalam usaha untuk meningkatkan kerjasama dengan negara-negara lain. Usaha-usaha ini juga menyokong dasar-dasar transformasi negara ke arah mencapai objektif menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 140

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	YB TUAN R. SIVARASA (SUBANG)
TARIKH	:	18.6.2014 (RABU)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah pihak Tentera Udara di Gong Kedak atau pengkalan lain selepas menemui pesawat MH370 (atau satu pesawat yang tidak dikenali) masih terbang pada tinggi 30,000 kaki pada jam 2.40 pagi dekat Pulau Perak dalam radar mereka menghubungi Jabatan Penerangan Awam Malaysia (DCA) atau KLATCC, dan jika ada, pada jam berapa, dan apakah tindakbalas daripada DCA atau KLATCC.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada dasarnya, penerbangan MH370 adalah penerbangan komersial yang dibawah kawalan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA). Pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi memastikan ruang angkasa negara sentiasa dilindungi dari sebarang bentuk ancaman.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 141

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia mengarahkan MAS menghentikan penyediaan minuman arak kepada para penumpang bagi menghormati pramugara dan pramugari yang beragama Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sepang, berhubung dengan penjualan arak dan lain-lain minuman keras di dalam penerbangan, syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) sebagai sebuah syarikat penerbangan yang beroperasi ke pelbagai destinasi di seluruh dunia dengan pelbagai lapisan penumpang perlu memenuhi kehendak penumpang khasnya penumpang kelas perniagaan dan kelas pertama yang mana sudah menjadi kelaziman bagi kebanyakan syarikat penerbangan di dunia untuk menyediakan minuman keras kepada penumpang. Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna MAS menggalakkan penumpangnya untuk mengambil minuman keras.

NO. SOALAN: 142

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]
TARIKH : 18 JUN 2014
SOALAN :

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) apakah perkembangan dan status terkini (dari 1 Mac 2014 sehingga 15 Mei 2014) pembinaan hospital di Parlimen Kapar; dan

(b) apakah perkembangan dan status terkini mengenai proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru yang akan mengantikan Klinik Kesihatan Lama di bawah RP3, RMK-10.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang dalam proses perbincangan/ rundingan awal bagi mendapatkan sebidang tanah milik swasta di Kapar, Klang bagi tujuan pembangunan sebuah Hospital Baru. Pihak swasta tersebut juga sedang di dalam proses bagi mendapatkan kelulusan pelan induk pembangunan (*master plan*) dari pihak berkuasa tempatan sebelum rundingan pelbagai pihak dapat dibuat bagi membuat perolehan tanah bagi pembangunan hospital ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman pihak tuan, Klinik Kesihatan yang baru akan dibina menggunakan reka bentuk Klinik Kesihatan piawai jenis Teja di tapak sedia ada. Bagi tujuan pembinaan, Klinik Kesihatan berkenaan perlu melibatkan perpindahan perkhidmatan Klinik Kesihatan Lama. Sehubungan itu, KKM dalam perancangan perpindahan Klinik Kesihatan lama seperti berikut:

I. Perkhidmatan Klinik Ibu & Anak (MCH) dipindahkan ke kuarters kesihatan jenis D (pembaikan & ubah suai) di tapak sedia ada;

II. Perkhidmatan Pesakit Luar (OPD) dipindahkan ke kuarters pergigian jenis D (roboh dan pasang kabin custom made); DAN

III. Perkhidmatan Pergigian dipindahkan ke Klinik Kesihatan Meru (pembinaan bangunan baru)

No. Soalan: 143

PR-1322-L62945

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH** **[SABAK BERNAM]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	**TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakan manfaat dan apakah kesan positif pertemuan peserta inisiatif Pemimpin Muda Asia Tengara (YSEALI) dengan Presiden Amerika Syarikat (AS) Barack Obama khususnya dalam membuka peluang pemimpin muda Malaysia dengan pemimpin muda dan komuniti Amerika Syarikat.

JAWAPAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sabak Bernam atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertemuan peserta Inisiatif Pemimpin Muda Asia Tenggara (*Young South East Asian Leadership Initiative* – YSEALI) dengan Amerika Syarikat pada 27 April 2014 merupakan program anjuran Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur dengan kerjasama oleh Universiti Malaya.

3. Semasa sesi tersebut, Presiden Barack Obama telah menyentuh peranan dan tanggungjawab golongan belia sebagai pemimpin di masa hadapan. Para peserta turut berpeluang berinteraksi dengan beliau. Secara tidak langsung, Presiden Obama turut mendengar aspirasi pemimpin muda Asia Tenggara mengenai isu-isu serantau dan global serta mengenai peranan Amerika Syarikat di arena antarabangsa.

4. Presiden Obama turut menyatakan pandangan beliau terhadap Malaysia dimana beliau telah memuji program transformasi yang dilakukan oleh Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri. Sesi berkenaan secara tidak langsung telah menyumbang ke arah pengukuhan hubungan dua hala Malaysia – Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 144

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah sebab Kementerian tidak menjalankan siasatan dan carian MH370 di "koridor utara" di utara Malaysia tetapi hanya menumpukan carian di Lautan Hindi. Apakah pasukan penyelamat MH370 akan mencari kapal terbang tersebut di koridor utara selepas gagal mendapat apa-apa maklumat di Lautan Hindi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, Koridor Utara merentasi 11 buah negara bermula dari bahagian utara Thailand hingga ke sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan. Manakala Koridor Selatan merentasi 2 buah negara iaitu Indonesia dan Australia (bahagian selatan Lautan Hindi).

Kerajaan Malaysia telah memohon kerjasama daripada 11 buah negara tersebut untuk menjalankan pencarian pesawat MAS MH370 di koridor utara. Negara-negara tersebut telah mengesahkan bahawa berdasarkan maklumat radar, adalah didapati pesawat MH370 tidak memasuki ruang udara negara-negara tersebut.

Bangladesh dan Cambodia telah turut mengerahkan aset-aset mereka untuk melaksanakan operasi *Search and Rescue* (SAR) dalam *Search and Rescue Region* (SRR) masing-masing. Namun, hasil operasi SAR yang telah dijalankan tidak menjumpai pesawat MH370 di SRR mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 145

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan syarikat pemilikan kapal terbang yang digunakan oleh MAS serta jumlah ataupun bagaimana ianya dikenakan sewa. Senaraikan jumlah jenis kapal terbang sejak pernukaran milik dari MAS serta jumlah sewa yang telah dibagi semenjak tarikh tersebut.

JAWAPAN

Pihak MAS dan syarikat-syarikat pemilikan kapal adalah terikat dengan terma-terma di dalam kontrak di antara mereka. MAS adalah terikat dengan obligasi kerahsiaan/tidak boleh mendedahkan maklumat di dalam kontrak tersebut. Yuran perunding atau kos pembelian yang dibayar oleh MAS adalah merupakan maklumat sulit dan terikat dengan terma-terma di dalam kontrak. Maka, maklumat tersebut tidak boleh didedahkan.

Sesetengah pembiaya untuk pesawat-pesawat MAS ialah Penerbangan Malaysia Berhad (PMB), Turus Pesawat, Exim Bank Malaysia, DVB dan Pembroke. Sehingga kini, pesawat-pesawat Malaysia Airlines pesawat adalah seperti berikut:

Jenis Pesawat	**Jumlah Pesawat (sehingga 16 Mei 2014)**
Narrow Body	
B737-400	16
B737-800	54
Wide-Body	
A330-300	17
A330-800	6
B777-200	14
B747-400	4
Jumlah Besar	**111**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KING YIENG
[LANANG]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 146

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a) sebab-sebab syarikat penerbangan Malindo tidak lagi berfungsi di Sibu mulai bulan April 2014; dan

(b) bagaimanakah dengan penempahan tiket (*advance booking*) yang dibuat sebelum ini dan adakah Kementerian dapat memastikan rakyat menerima bayaran balik atau pampasan yang sepatutnya daripada syarikat penerbangan Malindo.

Jawapan

Tuan Yang Dipertua,

a) Syarikat Penerbangan Malindo menamatkan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Kuala Lumpur ke Sibu bermula 1 April 2014 adalah disebabkan *load factor* yang tidak memuaskan. Walaubagaimanapun, syarikat MAS dan AirAsia menyediakan penerbangan untuk laluan tersebut.

b) Bagi penumpang yang membuat tempahan tiket *advance booking*, pihak Malindo telah membuat pembayaran balik kepada penumpang yang berkenaan.

NO. SOALAN: 147

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada bukti penyelesaian isu perkahwinan yang telah diwujudkan di bawah undang-undang sivil akan dijadikan salah satu syarat untuk seseorang yang ingin memeluk agama Islam.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan peruntukan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri, tiada apa-apa syarat yang perlu dipatuhi sebelum seseorang itu memeluk agama Islam. Misalnya seperti peruntukkan

dalam Seksyen 85, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Namun begitu, Kerajaan menyedari timbulnya pertikaian apabila salah seorang daripada pasangan bukan Islam memeluk agama Islam. Oleh itu, Kerajaan sedang mencari mekanisma terbaik bagi menyelesaikan masalah tersebut, dengan mengambil kira kedudukan kedua-kedua mahkamah sivil dan Syariah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 148

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (LUMUT)
TARIKH	:	18.6.2014 (RABU)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kementerian bercadang meneliti semula pencen Anggota Pasukan Khas Laut (PASKAL) Tentera Laut Di Raja Malaysia dikira berpandukan jumlah peratusan gaji pokok dicampur Elaun Khas di mana angka-angka ini akan memberi insentif sedikit kepada Warga PASKAL dan mereka tidak akan berhenti awal berdasarkan tawaran yang diterima dari firma-firma.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa mencari ruang dan peluang bagi menambahbaik syarat-syarat dan faedah perkhidmatan supaya relevan dan memberi manfaat kepada pegawai dan anggota ATM. Pada masa yang sama, Kerajaan telah bersetuju dan meluluskan faedah persaraan lebih baik dalam tempoh 2010 sehingga 2013.

Kesan terhadap inisiatif tersebut, telah mendorong anggota di setiap tahap kemahiran dalam perkhidmatan untuk terus berkhidmat bagi melayakkan mereka dibayar pencen perkhidmatan. Susulan pembaharuan kepada faedah persaraan terkini, Kementerian berpendapat prinsip pengiraan pencen perkhidmatan sedia ada masih bersesuaian dan dikekalkan.

SOALAN NO: 149

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pada tahun 2011, sebanyak 2,268 kes kencing tikus, 55 kematian dilaporkan dan pada 2012 bilangan kes meningkat kepada 3,665 kes dan 48 kematian. Tahun ini, dilaporkan sebanyak 28 kes kematian berkaitan kencing tikus sehingga bulan Ogos 2013. Apakah langkah strategik yang telah diambil oleh Kementerian dalam membasmi dan meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan kes leptospirosis yang dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari tahun 2010 sehingga 2013 adalah seperti berikut :

- 2010 : 1,976 kes termasuk 69 kematian
- 2011 : 2,268 kes termasuk 55 kematian
- 2012 : 3,665 kes termasuk 48 kematian
- 2013 : 4,475 kes termasuk 71 kematian

Bagi tahun 2014 (sehingga 24 Mei 2014), sebanyak 2,474 kes termasuk 23 kematian Leptospirosis telah dilaporkan ke Bahagian Kawalan Penyakit, KKM. Manakala bagi bilangan kematian yang disebabkan oleh wabak Leptospirosis dari tahun 2010 sehingga 24 Mei 2014 ialah seperti berikut:

- 2010 : 3 kematian
- 2011 : 1 kematian
- 2012 : 3 kematian
- 2013 : 2 kematian
- 2014 : 2 kematian (sehingga 24 Mei 2014)

Manakala, bilangan wabak yang dilaporkan ke KKM dari tahun 2010 sehingga 2013 adalah seperti berikut :

- 2010 : 7 episod
- 2011 : 17 episod
- 2012 : 25 episod
- 2013 : 28 episod

Bagi tahun 2014 (sehingga 24 Mei 2014), adalah sebanyak 13 episod wabak leptospirosis.

Sebelum penyakit Leptospirosis diwartakan sebagai penyakit yang perlu dilaporkan di bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 pada 9 Disember 2010, kes-kes Leptospirosis hanya dilaporkan oleh hospital KKM.

Peningkatan kejadian Leptospirosis di negara ini mungkin merupakan peningkatan sebenar kes atau mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti meningkatnya kesedaran masyarakat dan pengamal perubatan mengenai penyakit ini, wujudnya keperluan notifikasi penyakit oleh pengamal perubatan, peningkatan kemudahan makmal dan kapasiti mendiagnosa yang lebih baik.

Langkah-langkah pencegahan dan kawalan Leptospirosis oleh KKM adalah seperti berikut:-

I. Meningkatkan aktiviti pemeriksaan premis makanan dengan menguatkuasakan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009;
II. Mempertingkatkan kesedaran orang ramai melalui hebahan dan kempen pendidikan kesihatan di dalam media cetak, elektronik dan laman sesawang rasmi KKM;

III. Bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Perhutanan dalam memastikan kebersihan premis makanan dan persekitaran termasuk pusat rekreasi;

IV. Menyarankan langkah-langkah penambahbaikan bagi mengurangkan risiko kejadian penyakit leptospirosis di kalangan pelatih Pusat Latihan Khidmat Negara melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil.16/2012;

V. Menyediakan *Guidelines for the Diagnosis, Management, Prevention And Control Of Leptospirosis In Malaysia* (2011) sebagai panduan kepada kakitangan KKM bagi menguruskan kes-kes leptospirosis; dan

VI. Mengadakan Kursus Pengurusan dan Survelan Leptospirosis pada Mei 2013 yang bertujuan memberi pendedahan dan *update* kepada kakitangan KKM berhubung penyakit leptospirosis.

NO. SOALAN:150

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

YB Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kuantiti serta kos import gas asli setiap tahun mulai tahun 2009.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kuantiti serta kos import gas asli adalah seperti berikut:

Tahun Kewangan	West Natuna		JDA		LNG		Total	
	Tbtu	RM Mil	Tbtu	RM Mil	Tbtu	RM Mil	Tbtu	RM Mil
31 March 2009	79.7	792.8	82.9	1,410.0	-	-	162.56	2,202.8
31 March 2010	62.8	616.1	123.1	2,451.8	-	-	185.89	3,067.8
31 March 2011	95.0	904.1	126.9	2,103.6	-	-	221.83	3,007.7
31 December 2011	71.0	1,240.4	104.2	1,714.0	-	-	175.17	2,954.4
31 December 2012	85.9	1,834.0	156.7	3,107.3	-	-	242.61	4,941.3
31 December 2013	71.2	1,573.8	154.4	3,575.8	58.8	3,164.5	284.4	8,314.1

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 151

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 18 JUN 2014

RUJUKAN : 6913

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kamera litar tertutup (CCTV) yang telah dipasang mengikut kawasan IPD, jumlah kes jenayah sebelum dan selepas pemasangan CCTV dan sejauh mana CCTV membantu menyelesaikan kes ragut, pecah rumah, dadah dan lain-lain jenayah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak *National Key Result Area* (NKRA) dilaksanakan oleh pihak Kerajaan pada tahun 2009, di bawah inisiatif Bandar Selamat, sebagai langkah untuk mengurangkan jenayah, CCTV akan dipasang di kawasan-kawasan yang dikenalpasti menyumbang kadar jenayah yang tinggi di bandar-bandar utama di seluruh negara. Dalam fasa 1, sejumlah 496 CCTV telah dipasang di bandar-bandar utama iaitu Selangor (152 unit), Johor (88 unit), Pulau Pinang (48 unit), Perak (40 unit), Negeri Sembilan (48 unit), Kedah (48 unit), Melaka (24 Unit), Pahang (16 unit), Terengganu (16 unit), dan Kelantan (16 unit). Sebanyak 496 unit lagi akan dipasang dalam Fasa 2 meliputi negeri Sabah dan Sarawak dalam tempoh yang terdekat ini.

Pemasangan CCTV dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) manakala kawalan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Ibu Pejabat Polis Daerah berkenaan. Ketika ini CCTV yang dipasang hanya bertujuan membuat pemantauan di kawasan yang menjadi tumpuan ramai dan berisiko berlakunya jenayah.

Pihak polis tidak dapat memberikan data lengkap berkaitan keberkesanan secara menyeluruh dari segi kenaikan atau

penurunan jenayah di kawasan yang dilengkapi CCTV kerana masih lagi dalam proses merangka kaedah bagi pengumpulan maklumat. Kaedah yang digunapakai kini masih lagi secara manual dan belum lagi diintergrasikan dalam *Police Reporting System* (PRS), agak sukar untuk membuat analisa memandangkan jumlah CCTV yang dipasang melibatkan banyak tempat dan juga melibatkan banyak daerah polis. Seketika ini, pihak polis hanya boleh memberikan data bagi kawasan yang dimaksudkan jika nyatakan secara spesifik.

Soalan No: 152

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]**
TARIKH	:	**18.6.2014**
SOALAN	:	

Y.B. Tuan M. Kulasegaran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan kes bunuh diri yang melibatkan pelajar di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi sejak tahun 2000 dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu ini

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak mempunyai maklumat terperinci bilangan kes bunuh diri. Walaubagaimanapun, KPM memandang serius tentang isu ini dan telah berusaha mendidik para mahasiswa untuk berfikiran positif dan menggalakkan berpersatuan agar dapat menanam minat mahasiswa berpersatuan dan mengubah persepsi mereka agar tidak hanya menumpukan pencapaian akademik. Ini akan dapat melahirkan generasi berwawasan dan berketrampilan tinggi, sekali gus memupuk nilai jati diri dan budi pekerti yang mulia.

Antara langkah-langkah utama yang telah diambil oleh pihak kementerian adalah seperti berikut:

1. Pemantauan dan penguatkuasaan peraturan disiplin di semua peringkat pelajar, fakulti dan kolej kediaman secara berterusan;

2. Mewujudkan hubungan baik bersama Pelajar. Khususnya pelajar yang bermasalah kewangan dan bermasalah keluaga dibantu melalui bantuan-bantuan kebajikan, kewangan dan sesi kaunseling;

3. Pemantauan aktiviti pelajar di luar kampus dan pelajar antarabangsa dengan kerjasama Pejabat Antarabangsa dan Kolej Kediaman;

4. Pelajar yang bermasalah kewangan dan bermasalah keluarga dibantu melalui bantuan-bantuan kebajikan, kewangan dan sesi kaunseling;

5. Mengadakan hari bersama keluarga di kampus bertujuan untuk mengeratkan lagi ikatan antara keluarga dengan pihak universiti;

6. Menyediakan booth penerangan kepada ibubapa tentang gejala sosial semasa upacara yang turut melibatkan ibubapa seperti pesta konvo; dan

7. Pihak kaunseling membentuk satu bahagian yang mudah bergerak dalam memberikan kesedaran sera mendekati pelajar dalam memahami masalah mereka.

Rjm118

Soalan No : 153

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM [JULAU]

TARIKH : 18.6.2014

SOALAN :

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan tindakan yang boleh mempengaruhi keluaran sekolah melihat kepada sektor pertanian adalah merupakan salah satu bidang kerjaya yang boleh menguntungkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan tindakan yang boleh mempengaruhi keluaran sekolah antaranya menerapkan konsep keusahawanan dalam pendidikan pertanian bagi membolehkan pelajar melihat bidang pertanian adalah satu peluang untuk mereka berkecimpung dan membina kerjaya dalam industri ini. Melihat kepada keperluan ini, pendidikan pertanian telah dilaksanakan di empat buah Kolej Vokasional iaitu di Kolej Vokasional Rembau, Negeri Sembilan, Kolej Vokasional Teluk Intan, Perak, Kolej Vokasional Chenor, Pahang dan Kolej Vokasional Lahad Datu, Sabah. Dalam masa yang sama terdapat 480 buah Sekolah Menengah Kebangsaan yang menawarkan mata pelajaran elektif Sains Pertanian bagi tingkatan 4 dan 5 di mana pelajar aliran Sains Tulen dan Sains Teknikal mengambil mata pelajaran ini.

Untuk makluman ahli yang berhormat, kurikulum sains pertanian sedang dibuat semakan dengan memasukkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan

memberikan tumpuan kepada bidang usaha yang berdaya saing yang memenuhi permintaan semasa industri pertanian.

Pihak KPM juga telah menggalakkan guru dan pelajar menghasilkan inovasi PdP bagi menjadikan pembelajaran ini menarik. Ini terbukti dengan penyertaan guru dan pelajar dalam menghasilkan beberapa inovasi dalam mata pelajaran ini dan seterusnya mencungkil potensi pelajar untuk menyediakan mereka di alam pekerjaan.

Buat masa ini, Lembaga Pertubuhan Peladang dengan kerjasama KPM sedang merangka untuk mewujudkan program Agropreneur Muda di beberapa buah sekolah menengah yang menawarkan mata pelajaran Sains Pertanian untuk membolehkan pelajar lepasan sekolah menceburkan diri dalam bidang pertanian. Pihak KPM juga telah dan sedang mengadakan kerjasama antara pihak sekolah dengan agensi-agensi pertanian seperti Jabatan Pertanian, MARDI, Lembaga Pertubuhan Peladang, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan sebagainya supaya input-input semasa disalurkan kepada pelajar.

Rjm119

NO. SOALAN: 154

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	

YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha penambahbaikan dalam operasi ESSCOM dalam menangani ancaman serangan pengganas di perairan negeri Sabah yang masih wujud terutamanya di tempat-tempat peranginan, resort dan sebagainya bagi menjamin keselamatan para pelancong serta menjamin kelancaran program Tahun Melawat Malaysia 2014 yang banyak melibatkan acara di negeri Sabah.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Langkah-langkah yang telah diambil melalui ESSCOM dan agensi-agensi penguatkuasaan, keselamatan dan pertahanan untuk memastikan keselamatan di Pantai Timur Sabah berada di dalam keadaan yang terkawal adalah seperti berikut:

i) Penambahan dan penggantian aset maritim kepada Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pertambahan aset-aset ini akan dapat meningkatkan kehadiran dan rondaan aset maritim di kawasan perairan yang menjadi potensi ancaman;

ii) Pembahagian sektor rondaan pelbagai agensi di laut bagi menambahkan keberkesanan pengawasan;

iii) Response team/komuniti *policing* mengikut sektor di antara PDRM, ATM dan APMM;

iv) Peningkatan atur gerak trup dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan PGA di daratan;

v) Penambahbaikan/peningkatan pos-pos keselamatan;

vi) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 Nov 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa.;

vii) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;

viii) Pewujudan 5 balai polis baru dan 3 balai polis yang sedia ada di naik taraf;

ix) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;

x) *Engagement* dengan semua *stakeholders* di ESSZONE;

xi) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan

xii) Melaksanakan pendaftaran awal *"Pump Boat"* bagi tujuan pengawalan.

2. Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS;

ii) Penguatkuasaan *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah; dan

iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.

3. Adalah diyakini dengan langkah-langkah yang telah dan akan diambil di atas akan dapat mempertingkatkan lagi tahap keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah.

Sekian. Terima Kasih.

No. Soalan:155
PR-1322-L62947

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH**
[SABAK BERNAM]

TARIKH : **18 JUN 2014**

SOALAN : **Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta **YB MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah kemampuan Malaysia untuk menduduki anggota bukan tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan seterusnya memainkan peranan utama dalam usaha damai menyatukan HAMAS dan Fatah melalui pembentukan Kerajaan Perpaduan Palestin yang kukuh.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Sabak Bernam di atas soalan beliau.

2. Untuk makluman dewan yang mulia ini, Malaysia telah menduduki kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebanyak tiga (3) kali sebelum ini, iaitu pada 1965, 1989-1990, dan 1999-2000. Ini mencerminkan pengiktirafan dan kepercayaan negara-negara anggota PBB yang lain ke atas kemampuan Malaysia untuk menggangotai Majlis tersebut. Kemampuan dan kredibiliti Malaysia turut terbukti melalui sumbangan berterusan dan penglibatan aktif Malaysia dalam pelbagai isu yang dikemukakan di PBB.

3. Bermula dengan misi pengaman di Congo pada tahun 1960, Malaysia terus terlibat secara aktif di dalam lebih 30 misi pengaman PBB yang melibatkan lebih 29,000 anggota dari Angkatan Tentera Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia. Sumbangan Malaysia di dalam bidang ini dihargai oleh pihak PBB dan juga negara anggota PBB yang lain yang mana memuji kemampuan dan keupayaan anggota pengaman dari Malaysia.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Pengiktirafan terhadap kemampuan Malaysia turut terbukti apabila Malaysia seringkali menerima maklumbalas yang baik dan memberangsangkan daripada negara anggota PBB yang lain sepanjang usaha melobi dijalankan. Negara anggota PBB yang lain turut mengalu-alukan keanggotaan Malaysia di Majlis Keselamatan PBB dan menyatakan sokongan dan kesediaan mereka untuk bekerjasama dengan Malaysia melalui Majlis tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Malaysia merupakan antara negara anggota PBB yang sering menyuarakan sokongan padu terhadap usaha damai antara Hamas dan Fatah di PBB, termasuk di pelbagai platform antarabangsa. Malaysia berpendirian teguh dan akan terus menyokong usaha tersebut demi keamanan rakyat Palestin.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :156

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING (STAMPIN)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.06.2014**

Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perlaburan *Employees Provident Fund* (EPF) dari 2004 sehingga sekarang serta syarikat yang telah dilaburkan. Minta prestasi profit/loss.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pelaburan terkumpul Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) setakat akhir tahun 2013 adalah RM587 bilion, meningkat

sebanyak hampir 150 peratus berbanding RM237 bilion pada tahun 2004 pada kadar purata pertumbuhan tahunan antara 10 hingga 11 peratus. Jumlah pelaburan terkumpul KWSP dari tahun 2004 sehingga 2013 adalah seperti berikut:

TAHUN	**JUMLAH PELABURAN**	**PERTUMBUHAN TAHUNAN**
	(RM JUTA)	**(%)**
2004	237,106	9.2%
2005	259,907	9.6%
2006	285,919	10.0%
2007	313,013	9.5%
2008	342,014	9.3%
2009	371,263	8.6%
2010	440,517	18.7%
2011	469,036	6.5%
2012	526,754	12.3%
2013	586,664	11.4%

**Nota: Peningkatan ketara dalam jumlah aset pada 2010 adalah disebabkan mulai tahun 2010, baki pelaburan yang dinyatakan adalah berdasarkan piawaian perakaunan FRS139.*

2. Untuk makluman Yang Berhormat, KWSP melabur dalam syarikat-syarikat yang tersenarai di bursa-bursa saham domestik dan luar negara berdasarkan mandat dan penanda aras *(benchmark)* yang dipilih serta pelaburan ekuiti persendirian. Jumlah pelaburan ke atas sesuatu ekuiti adalah berbeza selaras dengan aktiviti pembelian dan penjualan yang dilakukan saban hari. Antara pegangan pelaburan aset ekuiti dalam syarikat yang tertinggi adalah dalam Malaysia Building Society Bhd (64.52%), RHB Capital (41.34%) dan Malaysian Resources Corp Bhd (38.87%).

3. Jumlah pendapatan daripada kelas aset ekuiti bagi sepuluh tahun yang lepas (tahun 2004 hingga 2013) adalah seperti berikut :

TAHUN	**JUMLAH PENDAPATAN EKUITI (RM JUTA)**	**KADAR PULANGAN TAHUNAN (%)**
2004	2,581	5.61%
2005	2,910	6.18%
2006	2,274	4.45%
2007	5,371	9.28%
2008	6,671	9.04%
2009	4,846	5.28%
2010	10,936	10.58%

2011	13,074	10.76%
2012	13,913	10.06%
2013	19,517	11.31%

NO. SOALAN : 157

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]

TARIKH : 18.06.2014 (RABU)

DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan

(a) adakah Kementerian mempunyai program bagi memantau kenaikan harga barang baik di kedai-kedai runcit di kawasan kampung mahupun di pasaraya di kawasan bandar; dan

(b) sejauh manakah keberkesanan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dapat mengatasi masalah kenaikan harga barang khususnya di Sabah dan bagaimanakah kualiti produk barang-barangnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melantik Pegawai Pemantau Harga sejak April 2008 untuk melaksanakan tugas-tugas pemantauan harga di premis-premis perniagaan di seluruh negara. Pemantauan harga dijalankan secara harian, mingguan dan bulanan ke atas pasaraya besar, pasaraya, hypermarket, pasar basah, pasar mini, kedai serbaneka 24 jam, kedai runcit dan premis makanan siap masak di seluruh daerah merangkumi kawasan bandar dan luar bandar. Kategori barangan yang dipantau ialah:-

i) barangan basah seperti ayam hidup, ayam standard, daging, sayur-sayuran, buah-buahan dan hasil laut;
ii) barangan kering seperti bawang, beras, cili kering;
iii) barangan berbungkus seperti kicap, sos cili, sardin dalam tin, mee segera, kordial;
iv) barangan kedai serbaneka seperti alat tulis, majalah, makanan ringan dan minuman; dan
v) makanan siap masak.

Selepas pemantauan dibuat, barangan tersebut akan dianalisa dan barangan yang mengalami kenaikan harga

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 158

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada AirAsia telah melanggari undang-undang setelah ia mula mengenakan "*KLIA2 Fee*" sebanyak RM3 ke atas setiap penumpang secara tanpa kebenaran daripada MAHB dan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Menurut AirAsia, yuran "KLIA2 *fee*" yang dikenakan oleh syarikat tersebut sejak beroperasi di KLIA2 adalah mengikut pertimbangan komersial dan tidak melanggari undang–undang. Pengenaan *fee* ini adalah untuk mengimbangi caj mandatori ke atas syarikat penerbangan untuk kemudahan di KLIA2 seperti sistem daftar masuk SITA dan aerobridge yang dikenakan pihak berkuasa lapangan terbang.

Pada masa ini, pihak AirAsia dan pihak MAHB masih dalam peringkat perbincangan mengenai perkara ini.

NO. SOALAN : 159

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]**

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : **18 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kewajaran menaikkan tarif bekalan elektrik pada masa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Semakan tarif yang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014 sebahagian besarnya adalah disebabkan semakan semula harga bahan api iaitu gas domestik daripada RM13.70/MMBtu kepada RM15.20/MMBtu, harga arang batu daripada USD85/tan kepada USD87.5/tan serta penggunaan gas asli cecair (LNG) yang diimport pada harga pasaran iaitu RM41.68/MMBtu. Komponen bahan api ini telah menyumbang kepada kenaikan tarif sebanyak 4.09 sen/kWj atau 82% daripada kenaikan tarif keseluruhan sebanyak 4.99sen/kWj. Sebarang perubahan harga bahan api ini sudah tentu akan memberi kesan yang signifikan kepada kos membekalkan elektrik.

2. Komponen lain yang terlibat dalam kenaikan tarif ialah semakan tarif asas TNB iaitu sebanyak 18% atau 0.90sen/kWj daripada kenaikan tarif keseluruhan. Semakan tarif asas ini disemak setiap 4 tahun bagi memastikan pihak utiliti memperolehi pulangan yang munasabah agar dapat terus membekalkan elektrik yang berkualiti dan berdaya harap.

****

NO. SOALAN: 160

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]

TARIKH : 18 JUN 2014

RUJUKAN : 6915

SOALAN:

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) jumlah terkini penjenayah negara asing yang ditahan di negara ini; dan

(b) kesan perlaksanaan POCA dan ancaman militan di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 2 Jun 2014 sejumlah 16, 307 orang penjenayah warga negara asing telah ditahan di negara ini atas pelbagai kesalahan.

Bagi menjawab soalan (b) pula, sepertimana semangat kepada Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 ini adalah untuk menurunkan indeks jenayah berat dan jenayah terancang, maka jika dirujuk kepada indeks jenayah didapati indeks jenayah berat dan jenayah terancang telah menurun sebanyak 1.8 peratus. Berdasarkan pindaan-pindaan yang telahpun dibuat terhadap Akta Pencegahan Jenayah 1959, terdapat beberapa peruntukan yang membolehkan pihak polis mengambil tindakan secara lebih efektif ke atas penjenayah-penjenayah khususnya untuk jenayah berat dan jenayah terancang. Di dalam perkara ini, penguatkuasaan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 adalah bagi membendung dan menyingkirkan sindiket-sindiket jenayah seperti :

(i) **penggunaan senjata api yang berleluasa;**
(ii) **kejadian pembunuhan menggunakan senjata api;**
(iii) **pergaduhan ahli-ahli kumpulan kongsi gelap sesama mereka untuk merebut kawasan;**
(iv) **perebutan kawasan pengedaran dadah;**
(v) **mengutip wang perlindungan;**
(vi) **sindiket pelacuran; dan**

(vii) sindiket perjudian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lenggong, ancaman kegiatan militan di negara ini adalah pada tahap yang rendah dan terkawal. Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM sentiasa memantau dan mengadakan kerjasama berterusan di samping bertukar-tukar maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar khususnya Negara-negara ASEAN. Di sini Kerajaan memberi jaminan akan menggunakan undang-undang sedia ada termasuklah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 yang mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi membendung aktiviti militan.

Soalan No : 161

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]**

TARIKH : **18.6.2014**

SOALAN :

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan berfikir aras tinggi dan bagaimana ianya dapat menangani masalah pelajar yang terlibat dengan salah-laku disiplin di masa bersekolah dan setelah tamat persekolahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta. Jika seseorang murid berkemampuan berfikir aras tinggi masalah disiplin dapat di atasi. Murid akan membuat pertimbangan sebelum sesuatu keputusan dan mampu untuk bertindak dengan lebih rasional.

Rjm120

Soalan No : 162

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]**

TARIKH : **18.6.2014**

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan kepada Unit PADU dan PADU Corporation bagi tahun 2014 serta perincian peruntukan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang digunakan untuk pengoperasian unit Padu dan PADU Corporation bagi tahun 2014 adalah seperti yang telah diperuntukan dan diluluskan melalui Bajet 2014.

Rjm121

SOALAN NO: 163

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]**
TARIKH	:	**18 JUN 2014**
SOALAN	:	

YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

(a) Berapakah jumlah kit rawatan "*Continous Ambulatory Peritoneal Dialysis*" (CAPD) diagihkan seluruh Malaysia mengikut pecahan setiap negeri kepada pesakit buah pinggang kritikal yang telah dijanjikan sebanyak 1,000 unit CAPD oleh YAB Perdana Menteri pada Bajet 2013; dan

(b) Apakah Kementerian akan meneruskan program ini pada tahun 2015.

Tuan Yang Di Pertua,

Rawatan *Continous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)* merupakan rawatan yang dijalankan di rumah oleh pesakit sendiri. Rawatan CAPD adalah dengan menggunakan bahan konsumabel termasuk cecair khas

yang disediakan. Bahan konsumabel dibekalkan kepada pesakit setiap bulan. Semasa Bajet 2014 diumumkan, kelulusan peruntukan untuk merawat 1,000 pesakit dengan kaedah rawatan CAPD telah diumumkan iaitu sebanyak RM19 juta.

Dibawah Bajet 2014, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima RM16 juta untuk perluasan rawatan CAPD. Dengan peruntukan yang disediakan dengan mengambilkira kos rawatan CAPD (RM25,000/pesakit/tahun) seramai 635 dapat dirawat dengan kaedah rawatan CAPD.

Pecahan pesakit mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	**Bilangan Pesakit Rawatan CAPD**
Perlis	5
Kedah	40
Pulau Pinang	50
Perak	48
Selangor	92
Negeri Sembilan	35
Melaka	20
Johor	54
Kelantan	42
Terengganu	44
Pahang	45
Sarawak	53
Sabah	72
Kuala Lumpur (HKL)	35

Tuan Yang Di Pertua,

KKM telah memohon peruntukan tambahan di bawah Dasar Baru 2015 supaya dapat meneruskan program ini pada tahun 2015.

NO. SOALAN: 164

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR]**

TARIKH : **18 JUN 2014**

SOALAN :

YB Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan situasi kedudukan pelarian Rohingya (UNHCR) di Bagan Ajam, Butterworth yang banyak terlibat dengan gejala sosial dan apakah perancangan Kerajaan bagi menjamin kesejahteraan mereka.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas PATI yang memegang kad UNHCR yang terlibat dengan aktiviti yang melanggar undang-undang. Dalam hal ini, adalah penting orang awam menyalurkan maklumat mengenai aktiviti tersebut kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen untuk tindakan penguatkuasaan. Penguatkuasaan ini adalah terpakai di seluruh negara.

Kerajaan juga sentiasa menggesa pejabat UNHCR di Kuala Lumpur untuk mempercepatkan proses penghantaran pulang PATI yang memegang kad UNHCR ke negara asal atau dihantar ke negara ketiga khususnya di kalangan 147 negara yang menjadi negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Dalam masa yang sama, Pihak Berkuasa Malaysia juga sentiasa meningkatkan pemantauan dan kawalan di pintu-pintu masuk udara, sempadan darat dan laut bagi menghalang kemasukan "pelarian" yang baru ke dalam negara.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 165

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]
TARIKH : 18 JUN 2014
SOALAN :

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pelaksanaan fasa ke-2 projek Hospital Daerah Lawas bermula.

Tuan Yang di-Pertua,

Perlaksanaan fasa ke-2 hospital Lawas telah pun bermula pada Februari 2014. Skop Fasa 2 ini terbahagi kepada:

i. **Fasa 2A – Kerja Meroboh Bangunan Tertentu Dan Kerja Tanah; dan**
ii. **Fasa 2B – Kerja Bangunan Dan Kerja-Kerja Berkaitan.**

Kerja-kerja penyediaan tapak mengambil masa yang lama kerana masalah tanah yang bercerun dan dijangka siap sepenuhnya pada September 2015. Status kemajuan fizikal Hospital Lawas pada masa ini adalah

2.5%(sebenar) berbanding 2.8%(jadual). Kerja-kerja pembinaan bangunan hospital baru (Fasa 2B) pula hanya akan dimulakan bila kerja-kerja penyediaan tapak ini siap, dijangka akan bermula pada akhir 2015 dan dijangka siap pada akhir 2018.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDAH KAMARUDDIN
[AMPANG]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 166

Puan Hajah Zuraidah Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan menangani masalah kepadatan pengguna dan penumpang di KLIA2 yang ketara selepas pemindahan operasi penerbangan AirAsia ke KLIA2 serta caj tambahan RM3 oleh AirAsia ke atas penumpangnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Ampang, KLIA2 dibina untuk menampung seramai 45 juta penumpang setahun. Pada masa ini, selepas pemindahan semua syarikat penerbangan ke KLIA2, jumlah penumpang di KLIA2 adalah seramai lebih daripada 60,000 orang sehari. Ini adalah tidak lebih daripada kapasiti maksimum sebanyak 123,000 orang di mana ia lebih selesa daripada LCCT berbanding KLIA2.

Menurut AirAsia, yuran "KLIA2 *fee*" yang dikenakan oleh syarikat tersebut sejak beroperasi di KLIA2 adalah mengikut pertimbangan komersial dan tidak melanggari undang–undang. Pengenaan *fee* ini adalah untuk mengimbangi caj mandatori ke atas syarikat penerbangan untuk kemudahan di KLIA2 seperti sistem daftar masuk SITA dan aerobridge yang dikenakan pihak berkuasa lapangan terbang.

Pada masa ini, pihak AirAsia dan pihak MAHB masih dalam peringkat perbincangan mengenai perkara ini.